DR.19.4.2001

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Khamis, 19 April 2001**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
***mempengerusikan Mesyuarat]***

---

## JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Mohamed Sayuti bin Said [Kuala Selangor]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah-langkah kerajaan untuk membantu golongan bumiputera yang benar-benar berminat untuk berniaga di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (Majlis Perbadanan dan Majlis Daerah) tetapi tidak diberikan lesen perniagaan tersebut, memandangkan banyak aduan diterima berkenaan perkara ini.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa prihatin dalam usaha untuk memberi peluang golongan berpendapatan rendah khususnya bumiputera untuk mendapat peluang yang lebih mudah dalam bidang perniagaan. Kementerian-kementerian, agensi-agensi tertentu seperti Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, MARA, Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan sebagainya mempunyai program-program khusus yang di antaranya termasuk:

(i) menyediakan kemudahan infrastruktur dan kemudahan ruang niaga dengan membina gerai, kedai dan pasar bagi mengatasi masalah peniaga kecil dan penjajaan;

(ii) memberi khidmat nasihat perniagaan kepada golongan peniaga-peniaga kecil; dan

(iii) memberi bantuan modal menerusi kemudahan-kemudahan pinjaman bagi menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan.

Di peringkat pihak berkuasa tempatan program-program perniagaan bagi peniaga-peniaga kecil ini biasanya diselaraskan bagi mewujudkan kawasan-kawasan

perniagaan kecil yang lebih teratur dan tersusun dengan memberikan keutamaan kepada golongan bumiputera untuk mendapat peluang-peluang perniagaan yang lebih mudah. Pada biasanya di antara faktor-faktor yang dipentingkan termasuk mementingkan aspek kebersihan, kesihatan, keselamatan dan masalah penjaja-penjaja tanpa lesen.

Di samping itu, dalam menangani masalah penjaja dan peniaga-peniaga pihak berkuasa tempatan juga mengenakan syarat-syarat bagi mengadakan ruang-ruang peniaga, penjaja kecil di dalam kompleks perniagaan sektor swasta bagi syarat kelulusan kompleks yang berkenaan. Pemilihan peniaga-peniaga biasanya diperbuat oleh pihak berkuasa tempatan dengan memberi keutamaan kepada peniaga-peniaga tanpa lesen di sekitar kawasan yang berkenaan. Sekian.

**Tuan Mohamed Sayuti bin Said:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan mengenai dengan soalan tersebut. Alhamdulillah, bersyukur kita kepada Allah S.W.T. pada hari ini golongan bumiputera di akhir-akhir ini sungguh berminat dalam perniagaan. Selaras dengan tuntutan agama, hadis Nabi Muhamad S.A.W. yang bermafhum 'sembilan per sepuluh rezeki daripada Allah datangnya daripada berniaga.' Adakah kerajaan bercadang untuk mempertingkatkan dengan memperbanyakkan, mendirikan gerai-gerai di kawasan PBT terutama di pekan-pekan kecil di luar bandar dengan dilengkapi dengan prasarananya dan juga mengenai dengan kemudahan-kemudahan lesen yang mana terdapat ada berlaku lesen yang dipohon oleh satu keluarga dapat, kemudian dia sewakan kepada orang lain. Justeru itu, apa yang perlu hari ini kerajaan untuk memperbanyakkan gerai dan juga selepas itu barulah kita memberikan kemudahan untuk lesen-lesen kepada mereka yang sungguh berminat dalam perniagaan.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang ada, ini sebagai amalan biasalah di mana-mana pihak berkuasa tempatan yang menguasai pekan-pekan kecil ini. Pihak berkuasa tempatan perlulah menyediakan satu pelan bagi pekan tersebut supaya ada mencukupi ruang-ruang peniaga khususnya gerai-gerai bagi golongan berpendapatan kecil untuk berniaga.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 2 Julai 2000 yang lalu sebanyak 39,690 ruang niaga telah dibina di seluruh kawasan PBT, dan di antaranya ruang yang dibina itu 25,328 ruang itu diperuntukkan kepada kaum bumiputera dan hanya 14,362 diperuntukkan kepada kaum bukan bumiputera. Satu fakta lagi ialah

dalam Rancangan Malaysia Ketujuh pihak kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM132,306,821 untuk menyediakan kemudahan-kemudahan premis perniagaan. Semua ini diagihkan kepada PBT-PBT di seluruh negara supaya dengan tujuan yang saya sebut tadi, iaitu untuk memberi lebih peluang kepada golongan yang berpendapatan kecil supaya mereka boleh berniaga.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau kita membuat tinjauan di sekitar Lembah Klang lebih daripada 80% mereka yang diberi lesen dan juga premis PBT ini tidak mengendalikan perniagaan tetapi mereka menyewakan premis berkenaan sama ada kepada mereka daripada Thai ataupun juga daripada Indonesia. Apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan supaya keadaan-keadaan ini tidak berterusan berlaku, kerana ini tidak boleh dinafikan oleh sesiapa. Terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara-perkara ini biasanya diurus oleh pihak berkuasa tempatan dan amalan yang dipraktikkan sekarang ialah mana-mana pihak peniaga yang mempunyai lesen itu tidak berniaga dalam satu masa yang disyaratkan, kalau saya tidak silap dalam dua bulan atau enam bulan kalau mereka (orang yang mempunyai lesen) itu tidak hadir, lesen itu akan ditarik balik dan diperuntukkan untuk pemohon lain lesen itu. Ini sebagai amalan, tetapi kalau ada perkara-perkara ini yang berlaku, mana-mana tempat pasar atau ruang peniaga, kita perlulah maklumat terperinci supaya kita boleh ambil tindakan.

2. **Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

(a) berapakah jumlah institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) yang telah berdaftar di negara kita setakat ini; dan

(b) bagaimana kementerian dapat memastikan semua IPTS ini dikendalikan mengikut peraturan yang ditetapkan dan berapa jumlah IPTS yang telah diambil tindakan atau diberi amaran kerana tidak mengikut peraturan yang diarahkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab bahagian;

(a) Setakat ini terdapat 482 buah institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan. Daripada 482 ini hanya 470 adalah bukan bertaraf universiti, manakala lagi bertaraf universiti termasuk kampus cawangan.

Daripada 470 pula, 79 daripadanya adalah mempunyai ataupun bertaraf *twinning* dengan universiti-universiti seberang laut. Manakala 80 lagi ialah IPTS yang bekerjasama dengan IPTA tempatan.

(b) Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Swasta sentiasa memantau secara berterusan bagi memastikan IPTS mematuhi peruntukan perundangan pendidikan. Sepanjang tahun 2000 IPTS yang telah diambil tindakan dan diberi amaran adalah seperti berikut:

(i) menerima notis arahan pengiklanan sebanyak 87;

(ii) lawatan pemeriksaan khas berdasarkan aduan yang diterima sebanyak 39; dan

(iii) dikenakan tindakan perundangan, buat setakat ini sebanyak 1 kes.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kita memang berharap negara kita mempunyai IPTS yang cukup dan juga yang berkualiti supaya mewujudkan peluang pendidikan di pengajian tinggi untuk generasi muda kita sejajar dengan Wawasan 2020.

Di samping itu, menjadikan Malaysia sebagai pusat pengajian tinggi di rantau Asia ini. Hari ini memang nyata kita berjaya menarik ramai pelajar daripada negara luar. Di sini saya ingin bertanya, apakah sasaran kementerian. Tadi Yang Berhormat Dato' mengatakan ada 470 IPTS di mana 12 bertaraf universiti, adakah ini mencukupi ataupun kementerian masih ingin menambah jumlah ini supaya ia dapat menampung keperluan di IPTS dan bagaimana kita menentukan kualiti mereka.

Tadi Yang Berhormat Dato' juga menyebut ada 100 lebih diberikan amaran dan satu diambil tindakan mahkamah bererti mereka yang tidak mematuhi peraturan tetapi adakah kementerian mengadakan satu jawatankuasa ataupun jabatan yang khas yang dapat membantu mereka di mana IPTS betul-betul yang bertanggungjawab dan bergiat usaha apabila mereka menghadapi masalah, adakah kementerian mengadakan satu jawatankuasa ataupun jabatan yang dapat membantu mereka supaya dapat menyelesaikan masalah mereka dan terus mereka dapat maju jaya dan menyumbang kepada pendidikan di negara kita ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Pertama sekali, memang menjadi hasrat pihak kerajaan untuk memastikan mana-mana IPTS adalah kolej yang berkualiti, kita tidak hendakkan kolej itu yang dianggap sebagai *substandard*. Dengan yang demikian, sebab itu di kementerian, kita wujudkan Jabatan Pendidikan Swasta khas atau khusus untuk memantau segala macam keadaan sekiranya berbangkit.

Di samping itu juga, sememangnya telah saya nyatakan tadi, kita sentiasa memantau kedudukan kolej-kolej tersebut bagi menjamin kualiti. Dengan itu saya juga baru-baru ini telah meminta jabatan itu supaya memastikan semua pihak IPTS yang hendak mengiklankan kursus-kursus di kolej mereka itu hendaklah dimasukkan nombor pendaftarannya sekali di dalam iklan itu, supaya harapan kita apabila seseorang memohon untuk mengikut apa-apa kursus dari kolej-kolej tersebut, hendaklah sesuatu yang ada jaminan mutunya, seperti juga menjual rumah kita perlukan nombor pendaftaran pengiklanan itu supaya setiap pelanggan tidak tertipu dengan pihak kolej itu.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat mengenai dengan ada atau tidak ada jawatankuasa, memang di bahagian itu sudah ada beberapa jawatankuasa-jawatankuasa yang tertentu untuk pertama, memberi segala macam khidmat sekiranya diperlukan oleh pihak-pihak kolej tersebut sekiranya mereka menghadapi masalah.

Dan seperkara lagi ialah untuk memantau supaya tidak ada kekecohan di dalam penawaran kursus-kursus tadi, terutama sekali tenaga pengajar yang diambil oleh pihak kolej hendaklah mereka yang berkelayakan. Begitu juga dengan kursus-kursus yang ditawarkan itu hendaklah ada mutu. Di samping itu juga, kita berharap sekiranya ada kompelin ataupun laporan-laporan yang tidak memuaskan khususnya daripada pihak penuntut itu sendiri, kita akan terus mengambil tindakan.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada sudut kualiti pusat-pusat pengajian tinggi IPTS ini kerana daripada kajian yang telah saya buat semasa saya di universiti dahulu, kelulusan minimum untuk masuk ke IPTS ini adalah terlalu amat minimum di mana kalau SPM mereka hanya memerlukan lima kredit, kalau STP mereka hanya memerlukan 2 *principal* dan kalau diploma mereka hanya memerlukan diploma sedangkan pelajar-pelajar Malaysia kebanyakannya kalau mereka mahu memasuki pusat-pusat pengajian tinggi awam, mereka

memerlukan satu kelulusan yang agak tinggi untuk memasuki pusat-pusat pengajian ini.

Persoalan yang saya ingin timbulkan ialah daripada sudut peluang ataupun *opportunity* golongan miskin, terutamanya golongan bumiputera sendiri untuk memasuki IPTS ini adalah begitu malap kerana *fees* mereka adalah terlalu tinggi walaupun kelayakan mereka ada untuk mereka memasuki pusat-pusat pengajian swasta ini tetapi kemampuan mereka adalah begitu jauh untuk mereka memasuki pusat pengajian tinggi swasta ini.

Dan saya dimaklumkan jumlah pelajar yang ada lebih daripada 200,000 dan bilangan bumiputera adalah terlalu amat minimum dan ini juga boleh menimbulkan satu jurang yang akan memberikan kesan yang besar kepada Dasar Pendidikan Negara di negara kita sendiri terutamanya dalam konteks perimbangan kaum yang sering diperkatakan oleh kerajaan di negara kita sendiri. Saya ingin penjelasan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu untuk membangkitkan perkara ini. Saya lihat dalam hal ini, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu amat bersetuju dan bersama dengan saya dalam soal pendidikan anak-anak muda kita khususnya daripada kalangan bumiputera.

Di sini ingin saya menjelaskan bahawa memang IPTS tempatan, ia terpaksa mengadakan kelayakan minimum bagi seseorang penuntut itu diterima masuk bagi kursus-kursus yang tertentu. Pada apa yang saya diberitahu, bahawa sekiranya penuntut-penuntut yang ingin menyertai kursus-kursus tertentu, tidak mempunyai kelayakan minimum, mereka kadangkala diberi nasihat supaya mengikuti kursus-kursus bagi mendapat kelayakan yang secukupnya sebelum mereka diterima. Dengan lain perkataan ada kursus-kursus yang boleh dianggapkan sebagai *preconditional*, dengan izin, bagi melayakkan mereka mengikuti bidang-bidang kursus tertentu.

Mengenai dengan sama ada sesetengah kumpulan masyarakat miskin dapat menyertai IPTS ataupun tidak. Di sini kita telah pun memberi galakan bagi kolej-kolej ataupun IPTS tadi di mana sekiranya peluang untuk anak-anak bumiputera menyertainya kita memang menyediakan PTPTN, mereka boleh memohon dari PTPTN dan ini perlulah dibuat permohonan dan kolej-kolej yang hendak diikuti itu hendaklah kolej yang diiktiraf oleh pihak kementerian.

Perkara ketiga yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi ialah mengenai dengan jurang antara Melayu dan bukan Melayu dalam penyertaan di IPTS. Di sini ingin saya menegaskan, saya telah pun menyatakan dalam Dewan yang mulia ini, berkali-kali, malah kenyataan-kenyataan saya di luar sana juga berbunyi bahawa nasihat saya kepada penuntut-penuntut bumiputera, sekiranya mereka tidak dapat diterima masuk ke IPTA, janganlah menganggap dirinya itu sebagai "tercicir" daripada sistem pendidikan *tertiary*. Oleh itu, mintalah mereka juga menyertai di dalam kursus-kursus yang ditawarkan di IPTS.

Jadi, harapan saya dan nasihat saya kepada penuntut-penuntut ini mintalah mengikuti ataupun membaca akhbar-akhbar harian supaya maklumat ini dapat diperolehi, janganlah hanya membaca *Harakah* kerana dalam *Harakah* tidak ada maklumat-maklumat seperti ini. Oleh itu, nasihat saya sekali lagi kepada semua Ahli-ahli Dewan ini termasuk pihak pembangkang supaya menggalakkan anak-anak muda kita membaca akhbar harian untuk mendapatkan maklumat kerana saya tahu ia ada ….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** …. ruang khas mengenai dengan perkara ini. Terima kasih.

3. **Tuan Ramli bin Ibrahim [Kota Bharu]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, apa jaminan kerajaan bahawa Petronas dapat menjadikan Proton sebuah syarikat yang kompetitif menjelang tahun 2005 atau sengaja mahu Petronas menanggung kerugian apabila AFTA dilaksanakan. Apakah kerajaan bercadang menjual Proton kepada syarikat asing sebagai rakan strategik.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Fu Ah Kiow]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan dua soalan yang lain yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jeli pada hari ini juga dan Yang Berhormat bagi Kinabatangan pada 2 Mei kerana isunya adalah berkaitan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, silakan.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, pembelian saham-saham DRB Hicom dalam Proton oleh Petronas telah dibuat kerana Petronas ingin

mengembangkan lagi penglibatannya dalam industri automatif. Sebelum ini pun Petronas sememangnya aktif dalam usaha-usaha pembangunan dan penyelidikan industri automatif melalui Syarikat Sauber Petronas Engineering (AG) untuk membangunkan enjin kereta berkuasa tinggi. Setakat ini, usaha sama Petronas dan Sauber telah menghasilkan *prototype engine* kereta empat silinder, berkeupayaan dua liter.

Gandingan antara kepakaran enjin Sauber keupayaan kejuruteraan automatif syarikat LOTUS International Limited dan sokongan kewangan daripada Petronas, dapat dimanfaatkan oleh Proton dalam pembangunan kereta-kereta Proton yang lebih bermutu tinggi dengan kos yang rendah. Dengan kepakaran yang ada pada Proton sekarang, belum ada keperluan mendesak bagi Proton untuk mendapatkan rakan strategi asing.

Di samping itu juga, syarikat-syarikat kereta nasional sedang giat membuat persediaan untuk menghadapi cabaran kenderaan import apabila AFTA dilaksanakan sepenuhnya. Tumpuan utama Proton pada masa ini adalah pengurangan kos pembuatan, peningkatan kualiti keluaran dan perkhidmatan selepas jualan.

Usaha-usaha pengurangan kos pembuatan dibuat melalui pengurangan kos bahan mentah dan komponen seperti melalui pelbagai sumber komponen dan bahan mentah, pengeluaran berskala ekonomi serta perkembangan pasaran eksport. Pengurangan kos pembangunan pula dilaksanakan dengan kerjasama antara Petronas dan LOTUS International Limited melalui pembangunan di dalam negara, reka bentuk kenderaan dan komponen utama kenderaan tersebut.

Usaha peningkatan daya saing automatif nasional juga melibatkan syarikat-syarikat pembuat komponen kenderaan khususnya syarikat-syarikat vendor kereta nasional. Syarikat pembuat komponen kenderaan perlu mengadakan strategi pengurangan kos seperti melalui perolehan secara kompetitif terhadap bahan mentah, mengembangkan pasaran serta menjalankan penyelidikan dan pembangunan.

Kerajaan pasti dengan langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh industri automatif tempatan, kenderaan keluaran tempatan dan dapat bersaing dengan kenderaan import dari segi harga, kualiti pengeluaran dan juga perkhidmatan.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Ramli bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebentar tadi ialah dengan cara untuk mengurangkan kos pengeluaran se unit bagi Proton. Saya rasa kalau dibandingkan dengan kos pengeluaran kereta-kereta lain di dunia ini masih lagi mahal, sebab itu, walaupun Malaysia telah pun mengeluarkan kereta sendiri tetapi malang bagi kita, kita masih lagi tidak dapat membeli kereta-kereta yang murah. Untuk mengatasi masalah ini, agar Petronas kompetitif di pasaran tempatan, kerajaan telah mengenakan tarif yang tinggi keatas kereta-kereta import.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu selepas AFTA nanti apabila tarif ini dihapuskan, apakah Petronas dan Proton masih lagi mampu untuk menghadapi persaingan dengan kereta-kereta import.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua ialah, berapa jumlah tarif yang telah dikutip oleh kerajaan daripada kereta import di Malaysia dari tahun 1997 hingga sekarang.

Terima kasih.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, salah satu faktor kos kereta yang dikeluarkan oleh Proton yang lebih tinggi ialah sebab kita kena bayar royalti dan juga sebab kos pembangunan dan penyelidikan yang lebih tinggi kalau dibandingkan dengan kenderaan yang dikeluarkan oleh negara-negara jiran seperti Thailand. Ini disebabkan di Thailand kebanyakannya merupakan pemasangan sahaja iaitu *assembly*, dengan izin, dan bukan kereta keluaran negara sendiri. Jadi, ini adalah salah satu faktor.

Berkenaan dengan jumlah *import duty* yang dikutip, saya tidak ada angka sebab ini adalah soalan khusus tetapi kadar duti import ialah daripada 100% hingga 300% bergantung kepada silinder cc kereta. Sekian, terima kasih.

**Datuk Yong Teck Lee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapakah kementerian bimbang dengan AFTA. Pada pengetahuan saya, AFTA juga merupakan satu peluang bagi negara Malaysia untuk mengeksport ke negara-negara jiran kerana dengan adanya AFTA tarif mengeksport ke negara-negara lain, tarif import bagi negara jiran di mana pasarannya lebih besar seperti Indonesia, Thailand, Phillipine, lebih besar daripada pasaran kita di Malaysia.

Jadi, bukankah kementerian bersetuju bahawa AFTA ini merupakan satu peluang yang hanya sama ada Petronas mampu membuat syarikat Proton ini dapat bersaing dengan negara-negara jiran atau tidak dan kalau syarikat Proton dapat

bersaing, maka bukankah kementerian bersetuju bahawa AFTA ini merupakan satu peluang yang amat baik bagi kita di negara Malaysia.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia meminta supaya Proton dan kenderaan yang dikeluarkan oleh Malaysia ditangguhkan kemasukan dalam skim CEPT di bawah AFTA disebabkan kita masih belum bersedia untuk bersaing dalam pasaran terbuka atas kos sebagai satu faktor yang utama dan ini telah pun diizinkan di bawah protokol AFTA iaitu di bawah penangguhan produk-produk untuk tempoh sementara (*temporary exclusion list).*

Kita bersetuju bahawa AFTA memang merupakan satu peluang untuk kita mengeksport banyak lagi kereta kita ke negara-negara jiran tetapi buat masa ini kita memerlukan sedikit masa lagi untuk melaksanakan langkah-langkah yang saya telah sebut tadi supaya kita mampu bersaing apabila kita membuka pasaran dalaman kepada lain-lain negara ASEAN.

4. **Tuan Thong Fah Chong [Ipoh Timur]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan, adakah kementerian mempunyai rancangan supaya golongan tua dan kurang upaya dapat menggunakan pengangkutan awam secara percuma atau pada harga minimum dan berapa ramai warga kurang upaya yang berdaftar di bawah kementerian di negara ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' S. Veerasingam]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia sangat peka dan prihatin terhadap golongan ini. Usaha-usaha dan rancangan supaya golongan ini dapat menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam pada kadar tambang istimewa telah pun dilaksanakan dengan wujudnya Pelan Tindakan Dasar Warga Tua Kebangsaan.

Melalui pelan tindakan ini, antara yang telah digariskan ialah menggalakkan syarikat-syarikat pengangkutan memberi konsesi tambang murah kepada warga tua dan orang kurang upaya tanpa syarat-syarat seperti tempahan awal, pembayaran melalui wang tunai dan sebagainya.

Sehingga kini beberapa buah syarikat pengangkutan telah mempertimbangkan dan memberi konsesi tambang murah kepada golongan ini. Antaranya, Syarikat Pengangkutan Udara MAS potongan 50%, Air Asia Sdn. Bhd. potongan 50%, Pelangi Air Sdn. Bhd potongan 50%, Berjaya Air potongan 50% dan syarikat pengangkutan darat seperti Syarikat Husni 50%, Syarikat Transnasional

50%, KTM(B) umur lebih 55 tahun 40%, umur lebih 65 tahun potongannya adalah 50%.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha untuk mendaftar orang kurang upaya oleh pihak Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat terus dilaksanakan di peringkat daerah, negeri dan Persekutuan. Sehingga kini, bilangan orang kurang upaya yang telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia ialah sebanyak 98,058 orang.

**Tuan Thong Fah Chong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan bahawa beberapa syarikat pengangkutan kini memberi konsesi tambang kepada warga tua seperti MAS dan KTM. Kedua-duanya menawarkan 50% diskaun kepada warga tua menggunakan perkhidmatan mereka. Syabas dan tahniah kepada Kementerian Pengangkutan. Saya harap kementerian-kementerian lain boleh memberi kemudahan dan konsesi kepada warga tua dan warga kurang upaya.

Soalan tambahan saya, bolehkah pihak kementerian menawarkan konsesi 25% atas penerbangan ke luar negara bagi warga tua kerana ramai yang ingin melancong selepas bersara tetapi tidak mampu membayar kadar tambang yang tinggi.

Sekian, terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, memang kementerian saya bersimpati dengan warga tua yang tidak ada peluang untuk melancong ke luar negara tetapi ini adalah satu perkara yang perlu dikaji. Dalam negeri tidak ada masalah, kita boleh melancong di dalam negeri ke mana-mana tempat dengan kemudahan dan keistimewaan yang ada.

Apabila ke luar negara kita tahu MAS pun menghadapi kerugian. Kalau kita minta MAS memotong 25% lagi, ini akan menimbulkan satu masalah yang besar tetapi perkara ini akan diambil kira apabila negara kita maju sehingga kita boleh memberi perkhidmatan ini kepada warga tua dan juga kepada orang kurang upaya.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menghargai tindakan daripada kerajaan, terutama kementerian tetapi persoalannya, warga tua ini apabila menempah tempat untuk penerbangan, kemudahan awam dan sebagainya tidak mendapat keutamaan dan warga tua dan tidak upaya inilah yang menghadapi masalah. Berkali-kali turun naik pergi ke stesen; turun, naik pergi ke pejabat; turun naik begitu, bahkan mereka ini tidak berupaya.

Jadi, sepatutnya mereka ini diberi keutamaan bila sampai diberi peluang terus, jangan ditunggu *last priority,* dengan izin. Jadi, adakah kementerian bercadang supaya mereka ini boleh dibolehkan masuk kapal terbang itu sahaja. Walaupun 50% tetapi bila sudah sampai diberi terus peluang, jangan *last priority*. Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana begitu prihatin tentang golongan warga tua dan juga orang kurang upaya. Memang kalau mereka berulang-alik untuk menempah, itu tidak patut. Majlis Penasihat dan Perunding Warga Tua Kebangsaan telah pun merayu kepada semua agensi yang berkenaan supaya memberi keutamaan apabila menempah tempat oleh kumpulan warga tua dan kementerian saya juga akan mengkaji berkaitan dengan perkara ini dan juga akan memohon supaya keutamaan diberi kepada warga tua. Terima kasih.

5. **Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

(a) bilakah pembinaan Hospital Temerloh diluluskan, bilakah proses pembinaan dimulakan dan adakah kontraktor yang dianugerahkan projek itu mempunyai lesen pembinaan dari PKK; dan

(b) jika proses pembinaan belum dimulakan, apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah itu.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kerja Raya Malaysia telah mengeluarkan "Surat Niat" kepada Syarikat Permodalan Kebangsaan Bhd., MMN Bina Sdn. Bhd., dan Aspirasi Sama Sdn. Bhd., pada akhir tahun 1999.

Projek ini telah dimulakan dengan Majlis Pecah Tanah oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang pada 23 November 1999. Kerja-kerja pembinaan telah dimulakan pada awal Februari 2001. Pada masa ini, tapak projek telah disiapkan, dibersihkan dan diratakan oleh pihak kontraktor.

Pada masa yang sama, JKR dan Kementerian Kesihatan Malaysia telah diarah menguruskan perancangan reka bentuk bangunan hospital, keperluan perkhidmatan sokongan serta kuarters, supaya rundingan harga projek Hospital

Temerloh ini dapat dilakukan sewajarnya pada bulan Julai 2001 ini dan kerja-kerja bangunan dimulakan sebelum Oktober 2001.

Projek Hospital Temerloh Sdn. Bhd. adalah terdiri daripada tiga syarikat yang dilantik oleh kerajaan untuk menjadi *turnkey developer* bagi Hospital Temerloh. Syarikat Permodalan Kebangsaan Berhad (SPK) adalah mengetuai konsortium ini.

Projek Hospital Temerloh akan melantik Angsana Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat milik penuh SPK sebagai kontraktor utama bagi projek ini. Syarikat ini adalah berdaftar dengan PKK dan CIDB Malaysia.

Proses pembinaan telah dimulakan dan tiada masalah yang dihadapi.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, projek yang bernilai lebih daripada RM476 juta ini saya mendapat kompelin daripada kontraktor-kontraktor lain bahawa kontraktor ini tidak berpengalaman. Dibimbangi ianya akan berlaku seperti pembinaan bangunan MATRADE kepunyaan MITI di mana lebih RM30 juta dikeluarkan oleh kerajaan, bangunan itu masih lagi belum boleh dipakai dan tertangguh hampir lima tahun.

Apa jaminan kerajaan supaya kalau mereka kurang berpengalaman diletakkan daripada awal penasihat-penasihat daripada JKR supaya mereka dapat siap mengikut jadual kerana perbelanjaan untuk hospital ini lebih daripada RM470 juta. Saya minta pihak Kementerian Kesihatan dan JKR supaya jamin ianya syarikat yang dianggap kurang berpengalaman ini dapat beres mengikut jadual. Minta sedikit komen daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat tidak perlu khuatir. Saya memberi jaminan kalau syarikat ini tidak *perform*, dengan izin, kita akan lakukan terhadap syarikat yang lebih awal iaitu Abrar Group yang mendapat “Surat Niat” pada tahun 1997 ditarik balik. Terima kasih.

**Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis:** Terima kasih. Saya hendak bertanya sedikit tentang projek ini – dari segi nilai tambahnya dan juga dari segi peranan pembekal-pembekal tempatan. Sebab ini soal hospital di Pahang, saya wakil rakyat Pahang, itu saya sensitiflah tetapi tidak tahulah orang Kedah, asal Kedah, dahulu wakil rakyat Kelantan tetapi now tolong membantu Pahang pula, *[Ketawa]* Tidak tahulah apa…

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, apa soalan, Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Mungkin akan datang dia pergi ke Sarawak pula, membela orang Sarawak pula. *[Disampuk]*

**Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kita akan terus memantau dan kita akan memastikan bahawa projek ini mencapai kejayaan dan terima kasih banyaklah kepada Yang Berhormat.

6. **Tuan Ng Lip Yong [Batu]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, apakah kemudahan tambahan yang telah diperoleh oleh syarikat konsesi tol di Jalan Kuching selepas konsesi itu dilanjutkan pada 1996 dan kos kemudahan itu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Datuk Yong Khoon Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan dari Ahli Yang Berhormat bagi Batu ini tidak begitu jelas. Walau bagaimanapun, saya berpandangan Yang Berhormat ingin mengetahui tentang apakah kerja-kerja tambahan yang telah dilaksanakan dan kos yang ditanggung oleh Kamunting Corporation Berhad sebagai syarikat konsesi yang bertanggungjawab sehingga kerajaan bersetuju untuk melanjutkan tempoh konsesi kepada tujuh tahun lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1987 kerajaan telah mengarahkan Kamunting Corporation Berhad sebagai syarikat konsesi bagi projek penswastaan jalan tol Jalan Kuching untuk melaksanakan kerja-kerja tambahan di luar skop asal konsesi. Arahan ini dibuat di bawah Peruntukan 38 Perjanjian Konsesi di mana kerajaan boleh mengarahkan syarikat konsesi untuk melaksanakan kerja-kerja tambahan di luar skop konsesi asal.

Sebagai balasan syarikat konsesi tidak akan diimbuh secara langsung melalui pembayaran wang tunai tetapi melalui perlanjutan tempoh konsesi. Dalam rundingan mengenai perlanjutan tempoh konsesi tersebut, kerajaan telah memutuskan supaya tempoh konsesi asal dilanjutkan selama tujuh tahun bagi membolehkan syarikat konsesi memperolehi kembali perbelanjaan yang dikeluarkan bagi melaksanakan kerja-kerja tambahan yang diarahkan. Ini bermakna tempoh konsesi yang sepatutnya tamat pada 7 Januari 1996 telah dilanjutkan bagi tempoh tujuh tahun lagi iaitu sehingga 7 Januari 2003.

Ingin saya jelaskan di sini kerja-kerja tambahan yang telah dilaksanakan oleh Kamunting Corporation Berhad adalah seperti berikut:

(i) kerja-kerja memperbaiki tebing Sungai Jinjang dekat Bulatan Kepong;

(ii) pembinaan lorong motosikal;

(iii) pemindahan dan menaik taraf perkhidmatan utiliti atas arahan pihak berkuasa berkenaan seperti penukaran daripada paip AC kepada paip mild steel (MS) dan penambahan kapasiti paip; dan

(iv) pelebaran jalan lingkungan di Bulatan Duta dan persimpangan bertingkat Kepong.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kos tambahan keseluruhan yang ditanggung oleh Kamunting Corporation Berhad dalam melaksanakan kerja-kerja tambahan ini adalah berjumlah hampir RM25 juta.

**Tuan Ng Lip Yong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Kerja Raya.

Saya ingin tahu, jawapan yang telah diberi oleh Yang Berhormat dari jawapan itu soalan asal saya adalah selepas konsesi itu dilanjutkan apa kerja yang telah dibuat? Pada saya, saya tidak lihatlah sebarang kerja tambahan yang telah dibuat untuk menjustifikasikan perlanjutan ini dan berapakah kutipan bulanan syarikat ini perolehi dari tol?

Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang sekarang kita dengar ada khabar angin bahawa mungkin konsesi ini akan dilanjutkan sekali lagi dan saya bimbang jika diberi perlanjutan selepas 2003, rakyat tidak akan percaya sama kerajaan *[Ketawa]* *[Tepuk]* sebab kita telah memberi perjanjian perlanjutan ini tidak akan diberi selepas 2003. Sekian.

**Datuk Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan ini telah pun melindungi pihak PAS. *[Ketawa]* - *Happy* juga ya.

Sebenarnya, kerja-kerja tambahan telah dibuat sebelum tempoh lanjutan diberi oleh kerana kita tidak bayar dengan wang tunai, ia perlu selepas kerjanya telah dibuat, kita lanjutkan tempoh konsesi sebagai bayaran. Di sini juga saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini, kutipan tol memang untuk kenderaan kecil adalah 50 sen, kenderaan berat RM1 dan motosikal *free.*

Kerajaan memang prihatin kepada pengguna-pengguna jalan raya supaya kita dapat mengadakan satu sistem pengangkutan di mana kita boleh bergerak dengan selesa, cepat dan selamat. Bagi saya, saya tidak tahu sama ada dilanjutkan lagi tempoh konsesi kecuali jikalau ada pembangunan yang lebih besar lagi berkaitan dengan jalan raya di sekeliling, ini kemungkinan adalah cara yang lain, hal yang lain pasal sekarang sampai Januari 2003 ini tamat tempoh konsesi.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Kita melihatkan dalam pembinaan tol dan juga konsesi-konsesi yang diberi kepada syarikat-syarikat yang menjalankan projek ini kerajaan begitu bertolak ansur.

Kerajaan sentiasa menimbang masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak syarikat. Saya ingin bertanya pandangan Yang Berhormat, apakah pendapat Yang Berhormat kalau sekiranya pihak syarikat ini juga dipertanggungjawabkan tanggungjawab sosial untuk mereka menimbangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat? Sebenarnya kami iaitu Yang Berhormat bagi Sepang dan Yang Berhormat bagi Klang baru balik dari Taiwan. *[Disampuk]*

Suatu yang dapat kita lihat di sana, bagi perayaan-perayaan tertentu kerana penduduk di sana juga 22 juta orang. Bagi perayaan-perayaan tertentu tol tidak dikenakan. *[Disampuk]* Misalnya, hari raya mungkin pihak syarikat-syarikat konsesi di negara kita boleh diminta oleh pihak kerajaan supaya semasa perayaan-perayaan Hari Raya Cina, Hari Raya Puasa dan hari-hari raya yang dapat ditentukan oleh pihak kerajaan diberi peluang rakyat menggunakan jalan raya tanpa tol kerana waktu ini juga kita *[Disampuk]* dapati bahawa jalan raya terlalu jem. *[Ketawa]* *[Tepuk]* Kenderaan-kenderaan yang menggunakan jalan raya terlalu banyak dan …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** ….saya minta *[Disampuk]* …….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** …saya minta pihak kerajaan …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Minta tol percuma semasa hari raya sahaja, cukup Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Arau, apa jadi?

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** …adakah pihak kerajaan setuju supaya pihak syarikat konsesi juga *[Disampuk]* …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** …minta memberi tanggungjawab ataupun ada tanggungjawab sosial dalam hal ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, cukup Yang Berhormat. Jawablah, sudah beri atau tidak beri jawapannya.

**Datuk Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Arau memang prihatin sangat. Saya memang setujulah kalau *[Ketawa] [Tepuk]* pihak syarikat konsesi menjalankan tanggungjawab sosial mereka.

**Beberapa Ahli:** Ya.

**Datuk Yong Khoon Seng:** Saya bimbang sedikit kalau kita beri percuma pada hari besar-besar ini lebih teruk keadaan trafik di jalan-jalan raya kita. Tetapi ini akan ditimbang, kita akan beritahu pihak korporat, pihak syarikat konsesi supaya menjalankan tugas sosial. *[Ketawa]*

7. **Drs. Haji Abu Bakar bin Othman [Jerlun]** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah kerajaan bercadang memberi kelonggaran membeli rumah kedua menggunakan wang EPF serta menurunkan harga rumah bagi mengatasi inflasi ekoran kadar pinjaman perumahan meningkat dan juga terdapat tawaran ruang pejabat dan perumahan melebihi 3 juta kaki persegi di Lembah Klang.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan rakyat memiliki rumah kediaman yang lebih selesa kerajaan telah membenarkan pencarum KWSP mengeluarkan caruman mereka untuk membeli rumah kedua dengan syarat mereka telah menjual rumah pertama yang dibeli atau dibina dengan menggunakan simpanan KWSP. Skim ini telah mula dilaksanakan pada 2 Januari 2001.

Mengenai harga rumah bagi rumah kos rendah dan kos sederhana rendah, kerajaan mempunyai dasar bagi menetapkan harga yang mampu dibeli oleh mereka yang berpendapatan rendah. Bagi rumah jenis lain pula harganya bergantung kepada permintaan dan penawaran selaras dengan prinsip pasaran terbuka.

Bagi membantu mengurangkan lebihan penawaran ruang pejabat, kerajaan telah memutuskan supaya tidak memberi kelulusan kepada permohonan baru untuk membina bangunan pejabat atau ruang niaga sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa mengumumkan *package stimulus economy* baru-baru ini.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan tentang lebihan ruang pejabat. Baru-baru ini Putrajaya Holding telah mengisytiharkan akan membina rumah kedai dan ruang rumah di Putrajaya sebanyak 3 juta kaki persegi lagi dalam bulan Oktober, kalau tidak silap

pengumuman telah dibuat. Adakah kerajaan telah mengambil kira lebihan ruang pejabat dan rumah yang berjumlah 3 juta kaki persegi yang telah ada di Lembah Klang sebelum kerajaan meneruskan rancangan ini?

Yang kedua, apabila pejabat-pejabat kerajaan berpindah ke Putrajaya, saya ingin tahu berapakah kekosongan ruang pejabat yang wujud di Kuala Lumpur dan kita juga tahu bahawa …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sudah dua soalan dah tu.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya, ya. Kita juga tahu bahawa ….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dua sudah, Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ayat tidak habis lagi, Tuan Yang di-Pertua, *[Ketawa]* ….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada kaitan dengan yang kedua?

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya, soalan sudah ada tetapi ayatnya tidak sampai noktah lagi. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Noktah, baru koma, baru koma. *[Ketawa]* Di menara kedua KLCC kita tahu hanya 40% daripada ruang telah disewa dan di Menara Daya Bumi kita tahu 40% ruang tidak disewa.

Jadi, adakah kerajaan telah mengambil kira semua kekosongan ini sebelum meneruskan pembangunan di Putrajaya dan mengapakah Putrajaya dikecualikan daripada arahan Perdana Menteri supaya ruang pejabat baru tidak dibina.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar bahawa masalah kekosongan ruang pejabat yang timbul di Lembah Klang ini tetapi oleh kerana kementerian-kementerian dan juga jabatan-jabatan kerajaan yang akan berpindah ke Putrajaya ini akan mengambil masa selama lima sampai enam tahun ini berperingkat-peringkat, maka keadaannya tidak begitu membimbangkan.

Kita teruskan pembinaan di Putrajaya termasuk rumah kedai yang disebutkan oleh Yang Berhormat oleh kerana bila kita pindah ke Putrajaya berperingkat-peringkat ini …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kuat sedikit, kuat sedikit Timbalan Menteri. *[Disampuk]* Ha, kuat sedikit.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, kita teruskan ……

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** ….Dia batuk, Yang Berhormat ya.

**Dato' Chan Kong Choy:** …dengan pembangunan ataupun pembinaan rumah dan juga kedai di Putrajaya kerana bila kita pindah ke Putrajaya berperingkat-peringkat memang ada keperluan untuk menampung permintaan daripada mereka yang akan bekerja di Putrajaya. Terima kasih.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan saya soalan tambahan. Kita tahu permohonan EPF ini mengambil masa, kalau boleh prosesnya dipercepatkan kerana baru-baru ini selepas pengumuman dibuat oleh kerajaan masih banyak lagi aduan-aduan yang diterima dan ini amat menyulitkan mereka yang memerlukan pengambilan wang caruman ini.

Tadi Yang Berhormat mengatakan untuk rumah kedua, adakah kerajaan bercadang juga untuk mereka yang beristeri lebih daripada satu, kalau tidak, tidak adillah saya rasa, kalau boleh ditimbangkan juga kepada mereka yang beristeri lebih *[Disampuk]* daripada satu dan ini mungkin mereka tidak perlu lagi menjual rumah yang pertama dan ini akan memudahkan lagi proses permohonan. Minta sedikit penjelasan.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, setakat saya tahu segala permohonan yang dikemukakan kepada EPF untuk pengeluaran sama ada pengeluaran sebelum persaraan, pengeluaran persaraan dan jenis-jenis pengeluaran lain telah pun diproses dengan begitu cepat sekali kerana kita pun tidak mahu simpan wang pencarum lama-lama kerana kena bayar faedah, maka sudah menjadi dasar EPF supaya bila kita menerima sesuatu permohonan, kita akan memproseskannya dalam masa yang singkat sekali. Ini memang merupakan dasar pihak EPF.

Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya kita memberikan kemudahan untuk mereka yang beristeri lebih dari seorang supaya kemudahan diberikan kepada

mereka untuk membeli rumah yang kedua ataupun rumah yang ketiga, setakat ini pihak EPF belum bercadang memberikan kemudahan tersebut.

9. **Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan perkembangan terkini persiapan Kuala Lumpur untuk menjadi tuan rumah Sukan SEA 2001 baik dari sudut penganjuran atau dari sudut persediaan atlet.

**Menteri Belia dan Sukan [Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 32 jenis sukan akan dipertandingkan yang melibatkan 38 *venue* iaitu 28 *venue* di sekitar Lembah Kelang, 4 venue di Pulau Pinang, 4 *venue* di Johor dan 2 *venue* di Negeri Sembilan. Bagi maksud ini 15 buah jawatankuasa telah ditubuhkan pada tahun 1999 lagi dan sebuah sekretariat tetap telah ditubuhkan pada 1 April tahun lepas yang bertanggungjawab khusus untuk menyelaraskan perlaksanaan jawatankuasa-jawatankuasa dan seterusnya mengendalikan perkara-perkara yang berkaitan dengan pendaftaran dan akreditasi pemasaran dan jualan tiket serta teknologi dan keputusan pertandingan.

Sehingga hari ini, semua jawatankuasa telah menjalankan tugas masing-masing dengan memuaskan serta mengikut jadual seperti mana yang telah ditetapkan. Berserta dengan itu bagi menentukan pelaksanaan berjalan lancar, mesyuarat jawatankuasa pengelola yang telah diadakan dua kali sebulan mulai 3 Ogos tahun lepas sekarang ini bermesyuarat tiap-tiap minggu.

Dari segi penajaan syarikat-syarikat utama tempatan seperti Proton, Petronas, Telekom dan Tenaga telah bersetuju menjadi penaja utama yang disebut sebagai Rakan Sukan SEA. Di samping syarikat tempatan yang lain termasuklah Nestle dan Coca-cola telah juga menjadi penaja rasmi Sukan SEA. Pada keseluruhannya, kementerian amat berbangga dengan minat dan kesungguhan pihak-pihak swasta untuk bersama-sama dengan kerajaan untuk menjayakan Sukan SEA ini.

Dari segi promosi pula, buat masa ini usaha-usaha mempromosi Sukan SEA ialah seperti berikut:

(i) Larian Sukan SEA telah bermula pada 10 Mac 2001 dan akan berakhir pada 8 September tahun ini.

(ii) Promosi Rakan Muda Sukan SEA pula melibatkan 10 kawasan yang berhampiran dengan venue-venue pertandingan yang mengandungi aktiviti-aktiviti untuk menggalakkan penglibatan

dan sokongan masyarakat untuk bersama-sama menjayakan Sukan SEA ini. Pada masa yang sama, mewujudkan kumpulan sukarelawan dan juga mereka yang ingin terlibat secara langsung daripada kalangan remaja melalui Program Rakan Muda.

(iii) Sukarelawan Sukan SEA yang sehingga hari ini menerima pendaftaran seramai 1,600 akan bertugas di sekretariat Sukan SEA dalam bidang teknikal, teknologi, tiket dan akreditasi. Daripada jumlah ini 18 jawatankuasa kecil yang telah diwujudkan akan menambahkan sukarelawan-sukarelawan yang akan menjalankan usaha-usaha menarik lebih ramai remaja dalam bidang-bidang yang telahpun diamanahkan kepada jawatankuasa-jawatankuasa tersebut.

Kementerian Belia dan Sukan percaya bahawa Sukan SEA kali ini mampu dijadikan temasya sukan yang telah pun meningkatkan penglibatan masyarakat, golongan remaja serta pihak swasta bersama dalam arus pembangunan sukan negara.

Dari sudut persediaan atlet, perancangan program penyediaan atlet telah direncanakan oleh Majlis Sukan Negara bersama Persatuan Sukan Kebangsaan yang dikenali sebagai Program Gemilang 2001. Perlaksanaan program dijalankan secara 3 fasal latihan, fasal pertama – 1 Januari sehingga Disember 1999, fasal kedua – 1 Januari sehingga Disember 2000 dan sekarang ini fasal ketiga, iaitu Januari sehingga September yang merangkumi latihan sepenuh masa kepada atlet-atlet yang telah dikenalpasti mengikut sukan masing-masing.

Program fasal ketiga, yang sedang berjalan sekarang bagi semua 32 jenis sukan yang akan dipertandingkan melibatkan 637 atlet, 399 lelaki dan 258 wanita. Seramai 46 jurulatih luar negara telah ditugaskan untuk melatih atlet-atlet, dibantu pula dengan 41 jurulatih tempatan sepenuh masa dan juga 9 jurulatih tempatan sambilan. Kesemua 32 jenis sukan telah mempunyai tempat latihan yang tetap. Sebanyak 18 jenis sukan menjalani latihan menggunakan kemudahan di Kompleks Sukan, Majlis Sukan Negara dan juga di Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil.

Dari segi pendedahan pertandingan pula, Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 80 pertandingan dalam negeri, 213 pertandingan luar negara dalam 48 latihan pendedahan luar negara telah dirancang sepanjang tempoh fasal ketiga ini. Di

samping itu bagi membentuk semangat sepasukan, kursus bina semangat telah dijalankan mengikut sukan mulai bulan Februari hingga Mei tahun ini dan sebanyak 19 kali kursus diadakan melibatkan 32 jenis sukan dijalankan setiap hujung minggu bertempat di lembah Pansun, Ulu Langat, Selangor.

Dari sudut pungutan pingat, Persekutuan Sukan SEA dan Majlis Olimpik Malaysia telah menetapkan 391 acara dipertandingkan di Sukan SEA 21 nanti. Ekoran daripada itu kontinjen negara menyasarkan pungutan pingat melebihi jumlah yang pernah dikutip sebelum ini iaitu melebihi 67 emas, semasa kita menjadi tuan rumah pada tahun 1989.

Kita amat optimis dengan kemampuan atlet negara semasa atlet-atlet terlibat dalam Program Gemilang 2001 ini tetapi kedudukan tempat keseluruhan bergantung kepada prestasi negara-negara terlibat khususnya daripada Indonesia dan juga daripada Thailand. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Soal Jawab Mulut sudah selesai.

***[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 hingga 39 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]***

**Tuan Chow Kon Yeow:** Peraturan Mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 43, iaitu berkenaan dengan keputusan Tuan Yang di-Pertua, untuk mengeluarkan Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Semalam saya sudah kemukakan satu …

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Chow Kon Yeow:** …… usul di bawah Peraturan Mesyuarat 43, di mana, *"Tidak perlu notis melebihi 2 hari", less than 2 days.* Jadi, saya memerhatikan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada pagi ini, tidak disenaraikan usul yang saya bawa di bawah Peraturan Mesyuarat 43, jadi, saya minta penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua, bilakah usul ini akan disenaraikan dan sama ada masa akan diberikan untuk mengulangkaji keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua di bawah Peraturan Mesyuarat 44. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, kita akan masukkan dalam senarai ini. Hari ini belum masuk, ya? Kita akan masukkan. Saya telah berbincang sendiri dengan Tuan Yang di-Pertua …….

**Tuan Chow Kon Yeow:** Sebab ini perkara yang perlu disegerakan memandangkan jika digantung tempoh untuk tiga hari, jadi kalau perkara ini dibincangkan lewat dari tempoh itu, ini jadi satu …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, duduk, Yang Berhormat. Kita tidak perlu bincang, kita akan masukkan dalam senarai, usul-usul yang lain serupa yang ada inilah. Kalau kita bincang, hak lain hendak bincang juga. Jadi, kita mesti selesaikan urusan kerajaan.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Urusan ini satu perkara yang spesifik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup itu, cukuplah.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Itu mengikut pandangan Tuan Yang di-Pertua, memang seseorang itu ada hak bawa usul untuk mengulangkaji. Dan masa harus diberikan dan masa segera harus diberikan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak perlu kita bincang dalam ini, Yang Berhormat. Benda itu bukan tidak pernah berlaku sebab ikut peraturan memang kuasa Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Habis, bila hendak bincang?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Itu terpulang kepada Tuan Yang di-Pertua, terpulang kepada Pengerusilah. Kalau kita perlu bincang, kita bincang, kalau tidak perlu kita fikir sesuai, tidak perlu bincang sebab apakah, sebab keputusan sudah di buat, kita tidak perlu bincang.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Bukankah ini satu perkara yang telah menjejaskan imej Dewan ini dan harus disegerakan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, kita tahu imej tidak imej, itu biasalah. Sebab kita menggunakan peraturan yang ada diberi kepada Pengerusi. Kalau perkara itu memang tepat kita gunakan, apa pula menjadi masalah kepada Dewan, sebab kita banyak kali sudah perkara ini kita patut kenakan tetapi kadangkala kita sengaja tidak kenakan. Jadi, mana yang patut kena itu, memang patut mereka mengikut peraturan yang sudah ada.

**Tuan Chow Kon Yeow:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah, Yang Berhormat, duduklah.

**Puan Fong Po Kuan:** Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Chow Kon Yeow:** Bilakah usul akan di …

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak ada Yang Berhormat, nanti susah, tiga-tiga pula kena, lagi susah. Kita tidak usah berdegil-degillah Yang Berhormat, benda ini telah diputuskan oleh Tuan Yang di-Pertua, dia mengikut kuasa yang ada.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Ini satu perkara yang harus disegerakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Lepas itu kita akan masuklah dalam senarai ini kalau belum masuk. *[Disampuk]* Itu sahajalah.

**Puan Fong Po Kuan:** Tuan Yang di-Pertua, kami mengikut peraturan. Kami kemukakan untuk diulang kaji, setidak-tidaknya dia harus dimasukkan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya sudah jawablah, saya sudah jawab.

**Puan Fong Po Kuan:** Di mana, di mana aturan mesyuarat. Tidak disenaraikan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, kita akan masuklah. Kalau tidak masuk hari ini.

**Puan Fong Po Kuan:** Tidak disenaraikan. Kami ikut peraturan, Dewan juga kena ikut peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduklah, Yang Berhormat. *[Disampuk]*

**Beberapa Orang Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yalah, benda ini perlu dikaji. Apabila dikaji, kalau sekiranya hendak dibentangkan di sini atau dimasukkan di sini, kita akan masuklah.

**Puan Fong Po Kuan:** Sebab ini adalah usul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yalah, kita akan. Kita tidak masuk usul bawah 18(1), hanya kita akan masukkan dalam senarai ini. Itu sahaja.

**Tuan Chow Kon Yeow:** …. selain daripada bahas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduklah, Yang Berhormat. Kita tidak perlu bahas sebab kita akan kaji dan kemudian kita akan putuslah. Itu sahajalah

**Tuan Chow Kon Yeow:** Tidak wujud atau tidak timbul masalah timbang rasa. *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak ada rasa timbang rasalah Yang Berhormat. Kalau keputusan dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua itu, memang mengikut peraturan. Itu sahaja. Jadi kalau difikirkan perlu, dibincang, dimasuk dalam ini, kita akan kaji dan kita akan buat keputusanlah. Itu sahaja jawapan saya. *[Disampuk]* Kalau dibangkitkan memang tidak habis-habisan. Itulah sahajalah Yang Berhormat.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang dipetik di luar, kata, walaupun ada berhak untuk kemukakan usul ini tetapi nampak dia kata sia-sia sahaja. Adakah ini sikap, sikap Tuan Yang di-Pertua …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Itu saya tidak tahu, duduklah Yang Berhormat. Itu keputusan saya Yang Berhormat. Duduk.

**Tuan Chow Kon Yeow:** … mengenai perkara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduklah Yang Berhormat. Keputusan saya sudah begitu, begitulah, Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** Semalam sebelum dikaji sudah membuat kenyataan seperti …

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak perlulah dipertikaikan begitulah, Yang Berhormat.

**Beberapa Arang Ahli:** *[Bangun] [Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduklah, Yang Berhormat. Duduk. *[Disampuk]* Saya minta duduk, duduklah. *[Disampuk]* Tidak ada, saya sudah membuat keputusan begitu, macam mana pun orang bercakap, keputusannya begitu. Takkan saya kata mesti dibincangkan sekarang dan sebagainya. Saya kata, perkara ini dikaji kemudian kalau perlu dimasukkan dalam ini, kita akan masukkan, itu sahaja. Dan perkara ini pun saya sudah berbincang sendiri, maknanya perkara ini akan dimasukkan ke dalam senarai seperti yang usul-usul sedia ada yang selalu dibuat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Sepatutnya dimasukkan hari ini,

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yalah.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Sebab itu kita hendak minta …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kalau tidak masuk hari ini, itulah jawapan saya.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Tidak. Tuan Yang di-Pertua, sepatut dimasukkan hari ini dan kita minta untuk diberikan pertimbangan didahului sebab ini urusan Parlimen, urusan yang berkaitan dengan kepentingan Parlimen.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak apalah. Itulah keputusan saya.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ia mesti didahulukan daripada usul-usul yang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk, duduk semualah. Itu keputusan saya. Saya kaji dan kemudian kita akan masuk dalam ini.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, dalam satu percakapan …. *[sambil memegang surat khabar tempatan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak payahlah dipanjang-panjangkan lagi, Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat panjangkan lagi tidak ada keputusan. Duduklah, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Dia kata, boleh ulangkaji melalui Peraturan 43.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yalah. Kita ulangkajilah. Lepas itu kita buat keputusanlah.

**Tuan Lim Hock Seng:** Kalau ulangkaji, besok tidak ada mesyuarat, lusa tidak ada mesyuarat, hari Isnin, dia sudah masuk sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Itu terpulanglah, itu terpulanglah, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Hari Isnin sudah boleh masuk, apa gunanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Itu terpulanglah.

**Tuan Lim Hock Seng:** Sekiranya-kiranya dapat ulangkaji petang ini nanti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah.

**Tuan Lim Hock Seng:** Petang ini dia boleh masuk.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, kami rayu, kamu rayu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ini perkara, sebenarnya sudah putus, Yang Berhormat. Perkara 43, keputusan Pengerusi muktamad. Itu sahajalah.

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Besok, boleh tidak? Saya dapat itu ….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Besok mana ada persidangan. Besok tidak ada persidangan, Yang Berhormat.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat boleh gunakan Peraturan 42, 43. Muktamad, Tuan Yang di-Pertua. Suruh dia orang ini duduk, kurang ajar nampaknya dia orang ini. Biadab sangat, Tuan Yang di-Pertua.

**Beberapa Orang Ahli Pembangkang:** Tarik balik, tarik balik.

**Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin:** Okeylah saya kata, saya tarik baliklah. Pasal dia orang ini. Ikut peraturanlah, kita ada mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua.

**Beberapa Orang Ahli Pembangkang:** Tarik balik, tarik balik.

**Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin:** Apa diam, tidak ada orang. Tengok ini ha. Apa ini. Ini Dewanlah, bukan pasar.

**Beberapa Orang Ahli Pembangkang:** Tarik balik, tarik balik.

**Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin:** Okeylah, saya tarik baliklah. Tidak ada adaplah.

**Beberapa Orang Ahli Pembangkang:** Cakap orang, kurang ajar.

**Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin:** Kalau macam ini punya cerita, tidak habislah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah, sambung besok.

**Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin:** Ini Dewan Rakyat, bukan dewan tepi jalan.

**Beberapa Orang Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Setiausaha Parlimen kurang ajar, biadab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk, duduk semua.

**Beberapa Orang Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduklah dahulu, kalau saya tidak …..

**Beberapa Orang Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kalau tidak duduk, macam mana saya hendak buat *ruling*. Duduklah.

**Beberapa Orang Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduklah, kalau tidak saya macam mana hendak buat keputusan.

**Beberapa Orang Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Baling, duduklah dahulu. Yang Berhormat bagi Baling, duduklah dahulu.

**Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Baling, tidak usah emosi sangat. Duduk, duduk. Cukup, cukup.

**Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sabar, sabar, sabar. Sabar itu sebahagian daripada iman, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidaklah, saya bercakap dengan Yang Berhormat bagi Baling. Duduklah dahulu. Duduk, duduk, tenang, ya. Cukup, cukup, cukup.

**Puan Chong Eng:** Peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak. Nantilah dahulu, nantilah saya selesaikanlah dahulu. Saya selesaikan dahulu.

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, nanti saya selesaikan ini dahulu. Duduklah. Ada Yang Berhormat bagi Jasin tadi, menyebut perkara *'kurang ajar'*. Kalau ada saya minta tarik baliklah.

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya. Saya mesti cakap macam itulah. Awak bukan Pengerusi, yang Pengerusi saya.

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya. Saya mesti jelaskan begitu.

**Beberapa Orang Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada tidak. Janganlah degil, janganlah degil. Saya sudah cakap macam itupun masih berdegil

lagi, nampaknya memang tidak tahu saya hendak cakaplah. Saya tidak berani mengeluar kata tidak baik. Jadi, mestilah saya cakap cara macam itu. Adakah Yang Berhormat menyebut perkataan *'kurang ajar'* tadi. Dia kata ada, kalau dia kata, tidak ada, tentulah ramai yang mengatakan masing-masing ada dengar. Tetapi kalau ada, saya minta tarik balik. Ini tidak mahu. Itu sahajalah.

**Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin:** Kita bermesyuarat ini ada mempunyai peraturan-peraturan mesyuarat.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin:** Jadi, saya rasa dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua akan memberi kata putus atas apa yang dikehendaki.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya setuju.

**Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin:** Tetapi janganlah pula ada Ahli-ahli Dewan macam tidak dengar Tuan Yang di-Pertua bercakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, saya sudah bertanya tadi ada tidak Yang Berhormat….

**Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin:** Jadi, saya beginilah. Saya tarik baliklah, saya kata saya tarik balik perkataan itu tetapi saya kata beradablah sedikit dalam Dewan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin:** Ikut peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, sudahlah, dia sudah tarik balik Yang Berhormat. Sila urusetia.

## RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2000 DAN 2001) 2001**

**DAN**

**USUL**
**ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.3) 2000 DAN ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.1) 2001**

**Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2000 dan 2001) 2001 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.3) 2000 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.1) 2001 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." ***[Hari Kedua]***

***Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Maksud B.23, B.24 [Jadual Pertama] –**
**Maksud P.22 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 2000**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kepala bekalan B.23, B.24 dan Kepala Pembangunan P.22 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan terbuka untuk dibahas. Ahli-ahli Yang Berhormat, tidak ada yang hendak bercakap? Ha, Tanjong, sila.

**11.17 pagi.**

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Ini tidak berkaitan dengan perkara tadi ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak payah Yang Berhormat heboh-hebohkan, teruskan.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Tidak berkenaan. Saya kata tidak berkenaan. Ini berkenaan dengan Kepala B.24 – Jabatan Muzium dan Antikuiti di mana belanjawan ini untuk imbuhan dan gaji-gaji kakitangan.

Saya rasa muzium menjadi satu tempat pelancongan yang sungguh penting di negara ini khususnya di Kota raya Kuala Lumpur ini di mana setiap hari kita nampak ramai pengunjung sama ada pelancong tempatan ataupun pelancong asing menjadikan muzium ini sebagai satu destinasi yang wajib dilawati tetapi malangnya saya rasa, saya sudah tidak sempat melawat muzium ini melebihi 10 atau 15 tahun.

[Tuan Pengerusi (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Baru pada bulan Disember yang lalu, saya ada kesempatan melawat Muzium Negara dan mendapati bahawa wujudnya banyak masalah yang saya dapat perhatikan apabila saya buat lawatan ke muzium itu di mana ada bilik-bilik pameran yang tidak dibuka pada masa itu, *exhibit-exhibit* yang ada pun merupakan *exhibit-exhibit* yang sudah berada di tempat itu buat 30 ke 40 tahun lamanya.

Saya masih ingat apabila saya menjadi pelajar sekolah rendah berbanding dengan lawatan yang baru dilakukan, nampaknya serupa juga dan satu perkara lagi, memandangkan bahawa pintu hadapan muzium ini tidak boleh dipakai lagi dan kebanyakan pelancong ataupun pelawat kena masuk melalui pintu belakang, saya rasa ini satu keadaan yang tidak memuaskan memandangkan bangunan muzium itu boleh dikira sebagai satu bangunan yang cantik tetapi semua pelawat kena masuk mengikut pintu belakang melalui ruang yang kecil.

Kebetulan apabila saya melawat tempat itu dengan anak kecil saya, pada petang itu hujan begitu lebat. Apabila orang sudah habis mengunjungi bilik pameran, mereka tidak dapat keluar dari ruang di bawah sebab hujan lebat dan kereta diletakkan sungguh jauh. Pada masa itu pun ada ramai pelancong asing dari Jepun dan dari negara-negara Barat dan tidak boleh melawat tandas juga sebab di bangunan muzium tidak ada tandas. Tandas ada di luar bangunan dan haruslah berjalan kaki untuk menggunakan tandas tetapi ada satu tandas di pintu masuk belakang di mana tandas ini *unisex* di mana sesiapa pun sama ada lelaki atau perempuan, guna tandas itu sahaja.

Tetapi keadaan tandas pada hari itu sangat memalukan kita sebagai rakyat Malaysia kerana *urinary bowl* bocor. Kalau hendak kencing, air kencing akan mengalir ke merata-rata tempat. Di *toilet bowl* pun ada najis. Ini satu pemandangan yang sungguh memalukan dan apabila bertanya anak saya yang berumur 6 tahun itu sama ada hendak melawat lagikah ke Muzium Negara…

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat kerana membawa isu ini tetapi saya ingat elok kita sebut

yang dasar dan yang falsafahlah. Cerita bilik air ini kita minum kopi di kantin lebih baik saya rasa.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Chow Kon Yeow:** Yang Berhormat tengok tajuk. Ini untuk gaji kakitangan. Kalau kakitangan tidak boleh menguruskan tempat ini dengan baik, saya rasa kementerian harus memberi perhatian yang secukupnya. *[Tepuk]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Penjelasan. Saya bersetuju dengan isu.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Saya tidak beri jalan lagi.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tetapi saya bersetuju dengan isunya tetapi cara kita…

**Tuan Chow Kon Yeow:** Saya tidak bagi peluang lagi.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** …menerangkan itu….

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** …dengan cara yang…

**Tuan Chow Kon Yeow:** Rompin malukah dengan keadaan itu?

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Bukan malu tetapi standard itu kena tinggi sedikitlah dia punya cara ucapan perbahasan.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Sebab ini apa standard?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Chow Kon Yeow:** Apa standard? Saya mengikut tajuk.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Terima kasih. Saya cukup kagum dengan Yang Berhormat bagi Tanjong ini. Anak dia kecil lagi dia sudah bawa pergi muzium tetapi muzium ini kata dia ada mempunyai bahan-bahan yang lama dan tidak ada bahan-bahan baru. Adakah Yang Berhormat setuju kita lantik Yang Berhormat bagi Rompin jadi Pengerusi ataupun Pengarah Muzium?

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Chow Kon Yeow:** Saya rasa kita jadikan Ahli Yang Berhormat bagi Rompin sebagai *exhibit* lebih bagus. *[Ketawa] [Tepuk]*

Saya pun tanya anak yang berumur 6 tahun ini sama ada hendak melawat muzium lagi. Dia kata tidak mahu kerana ada *shit* dalam muzium itu. *[Ketawa]* Jadi, saya sebagai bapa dan sebagai seorang Ahli Parlimen pun merasa tidak betul dalam perkara ini dan saya berharap kementerian ini dapat menguruskan muzium ini

dengan baik supaya kita boleh bangga dengan apa yang ada di muzium ini, bukanlah menjadi *world standard* tetapi jadi *Asia standard* pun sudah memadai.

Juga di dalam muzium sama ada, ada rancangan untuk menggunakan IT dalam menerangkan *exhibit-exhibit* yang berada di sana – sejarah dan latar belakang apabila pelawat perlu tekan *button* dan maklumat-maklumat ataupun penerangan tentang *exhibit-exhibit* itu dapat dipaparkan dengan menggunakan IT dengan berkesan.

Jadi, saya berharap perkara-perkara ini walaupun nampaknya dikatakan remeh-temeh tetapi membawa satu imej dan kebetulan tidak berapa lama selepas itu, saya pun ada baca dalam surat khabar ada *letters to the editor* dari pelawat asing yang menyentuh perkara yang saya sebutkan tadi.

Jadi, walaupun perkara ini mengikut tafsiran Yang Berhormat bagi Rompin remeh-temeh tetapi impaknya kepada pelancongan negara ini amatlah besar jika perkara ini diheboh-hebohkan oleh pelawat ataupun majalah asing. Sekian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukit Bintang.

**11.25 pagi.**

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Di bawah Maksud B.23 – Jabatan Arkib Negara di mana RM357 ribu dikehendaki. Saya ingin membangkitkan dan kemukakan dua soalan sahaja kepada Timbalan Menteri.

Saya ingin bertanya, berapa ramai rakyat Malaysia terdiri dari berbagai kaum yang telah melawat Arkib Negara untuk melihat dan menggunakan kemudahan yang disediakan oleh Arkib Negara untuk membolehkan rakyat memahami sejarah negara sehingga sekarang? Apakah promosi Arkib Negara sendiri untuk menyedarkan rakyat tentang kepentingan mengenali sejarah negara mereka sendiri?

Soalan yang kedua ialah berapa banyak sejarah lisan yang telah dirakamkan oleh Arkib Negara yang terdiri daripada warga tua Malaysia? Siapakah warga tua tersebut? Apakah sumbangannya kepada negara dan pecahan angka warga tua mengikut kaum yang telah dirakamkan secara lisan?

Saya juga ingin bertanya, bagaimanakah sumbangan warga tua bukan Melayu dalam sejarah lisan ini terutama yang berkaitan dengan pembangunan Kuala Lumpur dan bandar-bandar besar di seluruh negara ini.

Inilah hanya tiga soalan saya yang hendaklah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dapat menjawab.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tumpat.

**11.27 pagi.**

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Selepas ini Timbalan Menteri boleh menjawab ya.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Tuan Pengerusi, saya merujuk pertamanya kepada Maksud B.23 – Jabatan Arkib Negara.

Akhir-akhir ini, salah satu isu yang agak besar dan rancak dibicarakan oleh akhbar-akhbar dalam negeri ialah berkaitan dengan Universiti Islam Antarabangsa dan sejarahnya. Ada beberapa pandangan yang cuba memesongkan sejarah sebenar bagaimana idea penubuhan universiti Islam ini tercetus dan siapa yang menjadi pencetusnya dan sebagainya.

Jadi, dalam peruntukan yang diberikan kepada Jabatan Arkib Negara ini, saya ingat memohon pihak kementerian untuk kalau boleh memberikan sedikit peruntukan untuk dilakukan satu kajian yang objektif tentang asal-usul punca permulaan idea penubuhan universiti Islam ini daripada awal di abad ke-20 sehinggalah kepada universiti Islam yang wujud hari ini supaya rakyat tidak mudah dipesongkan oleh akhbar-akhbar tempatan tentang sejarah sebenarnya penubuhan Universiti Islam Antarabangsa itu.

Keduanya, B.24 – Jabatan Muzium dan Antikuiti. Saya juga seperti sahabat saya Yang Berhormat bagi Tanjong amat berminat dengan muzium-muzium ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Jeli bangun.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Ha, sila.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat bagi Tumpat. Apakah rintihan dan kesedihan Yang Berhormat ini ekoran daripada satu pepatah Melayu yang mengatakan "lembu punya susu, sapi dapat nama" di mana orang lain telah bertungkus-lumus bertemu dengan segala pakar-pakar pendidikan Islam daripada seluruh dunia, tiba- tiba ada satu hamba Allah hendak mengaku dia yang memulakan atau pencetus kepada Universiti Islam Antarabangsa kelmarin ataupun dua hari sudah. Sekian, terima kasih.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Ya, saya bersetuju dengan pandangan sahabat saya Yang Berhormat bagi Jeli itu. Itu yang saya bimbang sebab nampaknya penyakit lembu, kaki dan mulut di Eropah sudah merebak ke negara kita di Malaysia ini. *[Ketawa] [Tepuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kota Bharu bangun.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Oh ya.

**Tuan Ramli bin Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tumpat dan Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat bagi Tumpat, adakah Yang Berhormat bagi Tumpat dengar berita-berita yang mengatakan ada usaha-usaha untuk menghapuskan sama sekali gambar-gambar, kesan-kesan sejarah yang telah disumbangkan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan di mana-mana sahaja termasuk juga dalam Arkib Negara?

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Saya amat mengikuti pergolakan seperti ini dan oleh itu ingin merayu kepada pihak kementerian supaya menjaga khazanah negara ini walau siapa sekalipun orang yang terlibat dalamnya, fakta semestinya dikekalkan sebagai fakta dan janganlah diselewengkan untuk kepentingan kalau tidak pun generasi kita, generasi anak cucu kita supaya mereka mendapat gambaran yang tepat tentang sejarah negara kita ini sama ada dalam bidang politik, pertanian, pendidikan, perundangan dan sebagainya. Kalau tidak, kita akan dapat kes seperti Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang ada hari ini yang bertanggungjawab berkaitan dengan undang-undang lima enam tahun dulu menulis tesis Ph.D tentang bagaimana zalimnya kerajaan dan eksekutif terhadap perundangan, terhadap Parlimen dan sebagainya hari ini bercakap jauh dan bertentangan dengan apa yang beliau tulis untuk tujuan Ph.Dnya dahulu.

Saya hendak beralih kepada Maksud B.24 Jabatan Muzium dan Antikuiti. Saya telah menyebut ini dahulu bahawa sebagaimana kita maklum muzium yang pertama dalam negara kita ialah Muzium Taiping. Sebagai yang disebutkan oleh sahabat saya bagi Tanjong nampaknya pada keseluruhannya penjagaan muzium-muzium tidak begitu memenuhi hasrat kita. Oleh itu saya ingin merayu kepada pihak kementerian untuk memberikan tumpuan supaya Muzium Taiping ini diletakkan di tempat yang teratas dalam priority kementerian supaya kita dapat menjaga khazanah negara dalam bentuk muzium yang pertama dalam negara ini dengan keadaan yang baik.

Ketiganya berkaitan dengan Jabatan Muzium, saya ingin mencadangkan supaya di Bangunan Parlimen ini juga diwujudkan satu muzium, satu galeri atau satu ruang yang meletakkan dan mempamerkan bukan sahaja untuk tujuan kita mengkaji sejarah asal-usul Parlimen dan perkembangannya tetapi juga untuk pelancong-pelancong, pemerhati-pemerhati Parlimen yang datang mungkin di luar sidang ini dapat melihat dan memahami tentang perjalanan Parlimen kita dan sejarah Parlimen kita ini. Jadi, saya ingin mencadangkan supaya muzium Parlimen ini kita wujudkan untuk mewujudkan satu lagi bukan sahaja khazanah negara tetapi bahan tarikan untuk pelancongan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri sila jawab.

**11.33 pagi.**

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]:** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan dan seterusnya memberikan pandangan serta ulasan di dalam meningkatkan tugas kementerian.

Tuan Pengerusi, berkait dengan muzium, saya ucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat yang bawa anak pergi lawat ke muzium walaupun selepas 15 tahun baru buat lawatan. Itu memang satu masalah terhadap kita sebab kurang rakyat Malaysia yang tertarik kepada melawat muzium. Jadi saya harap ini akan jadi satu contoh baik kepada semua ibu bapa di Malaysia. Terima kasihlah, Yang Berhormat.

Yang kedua, Yang Berhormat, lawatan ke Muzium Negara pada tahun 2000 ialah sejumlah 556,695 lawatan bermakna setengah juta. Memang itu satu anggaran yang menarik walaupun kita harap boleh dapat lebih lagi. Jadi, di Muzium Taiping, Perak, pada tahun 2000 ialah hampir 32,500 pelawat. Dan di sini muzium dibina pada tahun 1963. Sampai sekarang sudah dekat 38 tahun. Memang infrastruktur itu tidak begitu cukup. Jadi, kementerian sekarang ada buat kajian macam mana kita hendak meluaskan tempat itu atau cari satu tapak yang lebih sesuai. Pada masa sekarang kita mesti guna Muzium Negara yang ada. Ada dua jenis *exhibits* kita, Tuan Pengerusi. Satu jenis *exhibit* ialah tetap dan kita tidak boleh tukar kebudayaan-kebudayaan kita atau asas kita. Itu yang memang tetap. What is

original is original. Prehistory is prehistory. Tetapi Tuan Pengerusi, kita selalu ada jalankan pameran untuk bawa lebih lagi *exhibit* untuk orang melawat ke muzium. Pada tahun 2000 kita ada dekat…

**Tuan Chow Kon Yeow:** Penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Timbalan Menteri. Saya ingin tahu sama ada pada pandangan Yang Berhormat sama ada *exhibit* mengenai haiwan-haiwan liar itu sesuai untuk menjadi *exhibit* dalam muzium sama ada apa rancangan untuk mengkaji kesesuaian *exhibit* haiwan-haiwan ini sebagai satu bahagian *exhibit* muzium.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Terima kasih. Memang muzium ada beberapa jenis. Ada muzium yang natural history. Ada muzium yang sosiologi dan lain-lain. Pada masa sekarang di negara kita memang untuk Muzium Negara kita paling sesuai untuk diadakan exhibit-exhibit haiwan sebab memang kita punya kanak-kanak dan pemuda sekurang-kurangnya mesti tahu apa jenis flora dan fauna yang ada di Malaysia. Flora-flora basic. Takkan kita sendiri anak-anak kita tidak tahu apa jenis binatang-binatang yang biasa atau ter*'special'* nya khusus di Malaysia.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan tandas muzium. Saya berterima kasihlah. Saya sendiri pun ada perhatian berkaitan dengan kebersihan tandas-tandas. Itu memang satu jenis perkhidmatan yang semua Malaysia, bukan di muzium sahaja mesti ada tetapi di semua tempat. Tetapi saya susah hati dan sedih juga sebab Yang Berhormat tidak awal bawa kepada kita. Yang Berhormat patut tulis surat terus kepada saya pada bulan Disember. Jadi kita terus akan buat perubahan. Tetapi Yang Berhormat tanya anak you macam mana hendak datang. Dia kata *'shit'.* Ini bukan satu pemeliharaan anak yang baik. This is bad parenting skill, Yang Berhormat. Saya sebagai seorang ibu dan seorang wanita itulah yang membuatkan saya susah hati. Kita sendiri tidak bagi contoh yang baik kepada anak-anak. How can we build Malaysian Malaysia if this is what we teach our children - 'shit' in museum. Terima kasih.

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih Dato'. Sebagai seorang Timbalan Menteri dalam Dewan yang mulia ini sekiranya Yang Berhormat berminat ambil segala-gala pengaduan dari Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Dewan yang mulia ini, boleh kita buat. Sekarang saya hendak mengadu kepada Yang Berhormat sebagai seorang Timbalan Menteri Pelancongan dan sedang giat melancarkan satu kempen Jualan Mega (Big Sale) di negara kita ini. Terdapat banyak gerai bukan gerai-gerai yang kecil seperti One Utama..

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Kalau boleh rujuk kepada tajuk.

**Tuan Lim Hock Seng:** Dia kata dia hendak menerima pengaduan dari sini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu bukan maksud Timbalan Menteri untuk …

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Saya tidak akan jawab soalan yang tidak berkaitan dengan muzium ketika ini.

**Tuan Lim Hock Seng:** Jadi saya suka mengemukakan satu pengaduan di depan beliau supaya tindakan diambil serta merta.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Pengerusi, pengaduan boleh buat surat kepada saya. Saya akan jawab terus dengan lisan. Apa yang berkaitan dengan Muzium Antikuiti saya tidak akan jawab, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya sambung.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Pengerusi, kepada muzium di Perak saya akan ambil perhatian dan akan bawa balik kepada muzium kita untuk dikaji macam mana kita menarik taraf muzium.

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Pengerusi, yang berkaitan dengan muzium lagi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tidak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Jadi, saya berharap Yang Berhormat…

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Berkait dengan muzium? Berkait dengan muzium saya di sini akan menjawab saya tidak..

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia tidak beri laluan. Sila duduk.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Okay satu kali. Last.

**Puan Chong Eng:** Dengarlah dulu, jangan terus tak kasi. Terima kasih 'Timbalan Yang Berhormat'.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa ‘Timbalan Yang Berhormat’? *[Ketawa]*

**Puan Chong Eng:** Timbalan Menteri. Saya rasa kagum sedikitlah respons Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat bagi Tanjong dengan baik hati

membawa apa yang dia lihat atau apa yang anak dia lihat di muzium. Pada mula-mulanya dikatakan disambut baik tetapi selepas itu hendak mempertikaikan *parenting skill* of Yang Berhormat bagi Tanjong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat tidak ada lain hendak minta?

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Yang Berhormat, sekarang lagi, ….okay.

**Puan Chong Eng:** . Saya rasa ini bukan satu sikap yang baik yang boleh menyambut apa-apa..

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Terima kasih Yang Berhormat ..

**Puan Chong Eng:** Biar saya habis dululah, biar saya habis dulu.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Saya sudah tahu…

**Puan Chong Eng:** Saya masih ada peluang ini ya. Ini bukan satu cara yang baiklah untuk mengatakan mengalu-alukan kita hendak bawa masalah.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Pengerusi, …

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, baiklah, cukuplah.

**Puan Chong Eng:** Tetapi kalau sebagai ia hendak kritikkan sudah kurang baiklah. Terima kasihlah.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Pada pandangan saya, saya memang susah hati. Seperti sebagai seorang Yang Berhormat memang pemimpin negara kita. Jadi ideologi-ideologi kita tidak boleh campur dalam *parenting skill* kita. Jadi Yang Berhormat sebagai seorang pemimpin, kita mesti membinakan satu masyarakat madani, *a civil society*. Jadi *civil society* jikalau Yang Berhormat ada cakap dengan anak "oh, tidak bersih ya", kita tidak buat macam ini. Mari kita tulis surat kepada Pengarah Muzium. Kita buat kompelin. This is civil, this is the way Yang Berhormat yang buat satu perkara. Saya haraplah di sini biar dari pembangkang atau kerajaan kita mulakan dengan anak-anak kita dengan kita bersama-sama membina satu masyarakat madani. *Please*lah jangan kita menyelewengkan fikiran anak-anak kita. Yang Berhormat, muzium pada masa sekarang …

**Puan Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri…

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Minta maaflah. Kita tidak akan *exhibit* sesiapa Yang Berhormat walaupun dia datang dari kerajaan – JJ. Walaupun pemimpin kerajaan

kita tidak akan *exhibit*. *[Sorak][Ketawa]*. Sorry ya, kita tidak boleh terima cadangan dari Yang Berhormat.

Yang Berhormat berkaitan dengan Arkib. Terima kasih tadi ada tanya berkaitan dengan Arkib. Yang Berhormat ada tanya berapa orang ada buat lawatan ke Arkib. Minta maaf dulu, memang ini figure yang tidak boleh *[Mencari-cari maklumat dari nota]*. Okay. Pada tahun 1999, jumlah penyelidik merujuk kepada bilangan penyelidik-penyelidik yang didaftarkan sepanjang tahun dan buat dengan kita ialah 6,479 dan jumlah lawatan ke Arkib ialah 7,630 dan jumlah permintaan dari Arkib ialah 16,218. Pada tahun 2000 jumlah penyelidik Arkib ialah 5,332; jumlah lawatan ialah 5,684 dan jumlah permintaan Arkib ialah 14,024 orang. Di sini …

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat..

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tengok daripada data yang ditanya kenapa sama ada penyelidik, sama ada pengunjung, makin berkurangan pada tahun 2000 berbanding pada 1999. Apa sebab berlaku begitu? Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjawab.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Ya, Tuan Pengerusi. Memang kadang-kadang pada tahun 1999 orang yang datang buat penyelidikan sudah dapat maklumat. Jadi semasa seseorang buat *research* takkan dia buat enam bulan. Jikalau saya datang buat *research*, saya pergi cari semua maklumat, baru kita tulis tesis kita. Jadi, kita tidak boleh guna ini sebagai satu anggaran ada maju atau tidak. Tetapi saya tidak tahulah di sini berapa orang Yang Berhormat ada buat lawatan ke Arkib. Tetapi jikalau ada minat, sila berhubung dengan saya.

Yang Berhormat, berkaitan dengan warga tua. Saya akan bagi jawapan dengan bertulis sebab ini memang satu perkara yang spesifik.

Dan lain-lain di sini iaitu galeri di Parlimen. Terima kasih Yang Berhormat saya pun sangat bersetuju jikalau kita boleh buat satu kajian untuk satu muzium di Parlimen. Memang itu satu yang sangat mustahak sebab Parlimen itu ialah untuk majukan negara kita, walaupun pembangkang atau kerajaan, saya akan bawa cadangan ini balik untuk kita kaji dengan teliti.

Tuan Pengerusi, dengan itu saya ucap terima kasih dan yang lain-lain yang saya tidak ucap..

**Tuan Che Ghani bin Ambak:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ada satu lagi.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Ya.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Terima kasih Tuan Pengerusi, dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apakah dalam perancangan Yang Berhormat buat berhubung dengan kedudukan muzium kita yang cukup strategik berhampiran dengan KL Sentral sekarang yang menjadi semacam pintu masuk. Kedudukan Muzium Negara yang cukup strategik kerana berdekatan dengan KL Sentral yang merupakan semacam pintu masuk sekarang kepada penerbangan dalam dan luar negara. Jadi, apakah Yang Berhormat bercadang supaya muzium kita itu dijadikan semacam ada link yang direct dengan KL Sentral di mana pelancong-pelancong dalam dan luar negara mungkin boleh menggunakan kesempatan sebelum mereka terus ke KLIA dapat mengunjungi dan melihat tentang muzium kita dan jadikan sebagai muzium kita ini sebagai center di mana mempamerkan seluruh kebudayaan kita mewakili seluruh negara supaya mereka melihat kepada Muzium Negara itu mewakili sosial budaya seluruh negara kita. Apakah dalam perhatian Yang Berhormat ada perancangan tersebut?

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Pengerusi, terima kasih kepada cadangan yang begitu baik. Pada masa sekarang kita memang tidak ada apa-apa lagi cadangan. Jadi, kita akan kaji perkara ini.

Tuan Pengerusi, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya di sini mengalu-alukan apa-apa cadangan....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Shah Alam.

**Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya tertarik hatilah dengan langkah-langkah yang kementerian akan ambil itu terutamanya Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk mewujudkan galeri di lobi Parlimen ya. Saya ingin mencadangkan supaya penekanan dibuat supaya galeri itu menekankan betapa selepas 43 tahun kita merdeka, sudah sepuluh kali pilihan raya umum. Ini membuktikan bahawa demokrasi tidak pernah mati di Malaysia sebagaimana yang dituduh oleh Yang Berhormat bagi Tanjong tadi. Apa pun perkara yang dibangkitkan oleh golongan-golongan yang menentang ini bahawa sebenarnya demokrasi masih lagi tetap subur dalam negara Malaysia ini.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Terima kasih Tuan Pengerusi, memang saya ingat tidak ada seorang boleh menafikan keadaan demokrasi di Malaysia. Nampak

depan kita begitu ramai Yang Berhormat dari pembangkang itulah demokrasi. If that is not democracy, apa lagi. Jadi, bagus dan terima kasih kita akan membawa cadangan itu. Saya berilah orang muda.

**Puan Fong Po Kuan:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat, baru-baru ini saya ada membuat lawatan keluar negara dan melawat muzium di negara tersebut. Saya nampak banyak rombongan-rombongan pelajar-pelajar sekolah yang kebanyakannya hanya berada di tadika sahaja, banyak rombongan. Hendak tahu sejauh manakah kementerian memberi penekanan di dalam mempromosikan muzium negara kita kepada pelajar-pelajar sekolah agar mereka mengetahui sejarah negara dan membantu mereka di dalam pendidikan selain daripada hanya menekankan 'mega sale' sahaja.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Memang Yang Berhormat tidak berapa faham lagi cara-cara kita buat di Malaysia. Memang orang muda suka shopping, pergi shopping sahajalah, jadi nampak mega sale. Tetapi kementerian saya seluruh jenis-jenis berkaitan dengan kesenian dan kebudayaan semuanya berjalan. Misalnya kita sudah bersama dengan Kementerian Pendidikan mengadakan kelab-kelab pelancongan di sekolah-sekolah di seluruh Malaysia. Jadi, satu tujuan itu adalah untuk menggalakkan kanak-kanak di sekolah membuat lawatan di muzium, bukan sahaja di muzium, Istana Budaya dengan Balai Seni Lukis.

Jika kita hendak membina satu masyarakat yang peka kepada kebudayaan dan kesenian kita mesti memulakan dengan masa dia kecil lagi, yang itu memang, formal education. Tetapi lagi mustahak Tuan Pengerusi, ialah informal education, itu datang daripada ibu bapa. Berapa orang Malaysia, berapa orang ibu bapa ada membawa anak mereka pergi membuat lawatan ke muzium, berapa orang ibu bapa ada membawa anak mereka pergi membuat lawatan ke Balai Seni Lukis. Saya tidak tahu berapa orang Yang Berhormat di sini ada pernah membawa anaknya sendiri pergi melawat muzium. Jika ada bagus, terima kasih, jika tidak, tolong pergi membuat terus. Jadi, memang untuk membuat pendidikan anak-anak kita..

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa cukuplah, sebab masa.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Janganlah you stop saya, ini Tuan Pengerusi, stop saya. Tak apa, terima kasih, saya nak akhirkan ucapan saya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, kalau saya benarkan nanti mesyuarat sampai tengah malam.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Saya habis sudah, ayat yang last. Tuan Pengerusi, lagi sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang membahaskan isu. Di sini saya meminta jikalau ada apa-apa cadangan yang baik, ada apa-apa aduan, sila tulis surat terus kepada Menteri saya atau Timbalan atau saya sendiri. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM357,000 untuk Maksud B.23 dan RM180,000 untuk Maksud B.24 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM357,000 untuk Maksud B.23 dan RM180,000 untuk Maksud B.24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.22 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 2000 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.22 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 2000.

**Maksud B.26 [Jadual Pertama] –**
**Maksud P.26 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 2000] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepala Bekalan B.26 dan Kepala Pembangunan P.26 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

**11.51 pagi.**

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Maksud P.26 dan B.26 tentang Kementerian Pendidikan.

Saya ingin sentuh dalam Butiran (Projek) Pendidikan Rendah dan Rendah Akademik. Tuan Pengerusi, saya berharap pihak Kementerian Pendidikan akan mengadakan pembangunan yang sistematik seperti yang diamalkan untuk semua

sekolah kebangsaan yang rendah dan juga untuk sekolah jenis kebangsaan Cina dan sekolah jenis kebangsaan Tamil di seluruh negara. Saya berharap pihak Kementerian Pendidikan dapat menghuraikan atau menerangkan tentang 126 projek di bawah seliaan runding pengurusan projek dan 434 projek di bawah seliaan JKR, berapakah yang dalam Butiran 00100 ini adalah untuk sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina dan sekolah jenis kebangsaan Tamil. Jika boleh sebutkan jumlah-jumlah setiap sekolah itu.

Di sini saya ingin mengambil peluang keemasan ini untuk meminta pihak Kementerian Pendidikan supaya dapat menimbang semula tentang permohonan yang saya pernah buat melalui surat dan pernah menyentuh dalam Dewan Rakyat iaitu permohonan dari Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Pu Sze yang mana pada masa sekarang adalah over crowded kerana dalam tanah seluas 2.2 ekar terdapat 4,326 murid. Saya pernah beberapa kali membuat surat dan permintaan supaya diadakan sekolah SJKC Pu Sze II. Oleh kerana sekolah ini adalah bantuan penuh yang terletak di Kampung Baru Skudai dan di sekelilingnya adalah banyak projek taman-taman perumahan dan memang ada banyak tanah-tanah rizab pendidikan, saya berharap pihak Kementerian Pendidikan dapat mengagihkan sebidang tanah seluas lima ekar untuk mendapatkan sebuah sekolah lagi di kawasan itu dan supaya dapat menunaikan hasrat pihak para ibu bapa terutama daripada keturunan Cina untuk anak-anak mereka bersekolah di sekolah jenis kebangsaan Cina.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, dan juga Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Tadi rakan Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan kalau ada apa-apa masalah mesti tulis surat serta-merta kepada Menteri yang berkenaan. Saya pun begitu bersimpati dengan masalah kekurangan sekolah rendah jenis kebangsaan di mana-mana pun. Saya hendak bertanyalah, adakah Yang Berhormat telah menulis surat kepada rakan Yang Berhormat iaitu Timbalan Menteri Pendidikan. Adakah Yang Berhormat telah membawa, menyuruh Menteri dari MCA membawa masalah ini ke Kabinet. Kalau sudah ada membawanya mengapa mereka ini tidak bertindak. Adakah mereka kurang prihatin, apakah sebabnya? Ataupun Yang Berhormat bagi Gelang Patah tidak pernah menulis surat kepada Timbalan Menteri Pendidikan, tidak pernah menyuruh Menteri dan Presiden MCA....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Gelang Patah faham.

**Puan Chong Eng:**…. membawa masalah ini ke Kabinet. Apakah sebabnya? Terima kasih.

**Tuan Chang See Ten:** Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, perkara ini memang pihak pemimpin MCA pun sentiasa mengambil perhatian dan tindakan. Saya ingin mengambil contoh di sini, menunjukkan bahawa pihak Kementerian Pendidikan memang sentiasa ada menolong, cuma kes yang saya bawa itu belum dapat diselesaikan sahaja. Saya ingin memberitahu apa yang dapat diselesaikan di kawasan Parlimen Gelang Patah. Oleh kerana Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, dari pembangkang bertanya, kalau tidak, hari ini pun saya tidak mahu menghuraikan. Tetapi saya terpaksa memberitahu kepada beliau…..

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa cukupkah?

**Tuan Chang See Ten:** Saya akan beritahu dengan singkat. Di kawasan saya kawasan Parlimen Gelang Patah, pernah melalui kerjasama daripada pemimpin MCA dan Kementerian Pendidikan. Kita dapat mewujudkan sebuah sekolah yang baru yang mana adalah rizab pendidikan di Taman Sutera iaitu tanah yang seluas lima ekar. Permit sekolah cawangan Kok…...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya ingin cadangkan lebih elok tujukan masalah Yang Berhormat itu untuk mendapatkan sokongan daripada kementerian.

**Tuan Chang See Ten:** Saya memberitahu dengan singkat bahawa di kawasan saya dengan kerjasama daripada pemimpin MCA dan Kementerian Pendidikan sudah mewujudkan dua buah sekolah. Satu, Sekolah Jenis Kebangsaan Kuo Kuang II dan satu lagi baru dapat diluluskan dalam tempoh 27 hari buat permohonan, dipindahkan daripada Estate Tun Dr. Ismail, Renggam ke Bandar Baru Kangkar Pulai yang mana sekarang kerja-kerja tanah sedang dimulakan. Ini menunjukkan bahawa pemimpin MCA dan Kementerian Pendidikan memang sentiasa ada membuat kerja. Ini kita Ahli Parlimen dari Barisan Nasional, kita pun sentiasa memperjuangkan, tetapi perjuangan ini adalah 'on going', bukan kita berhenti. Kita dapati bahawa pihak pembangkang sentiasa dia bawa tetapi....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada tiga minit lagi. Saya faham Yang Berhormat cukup rajin. Memang kerja banyak, apa masalah yang belum selesai Yang Berhormat tujukan kepada kementerian sekarang, tidak payah keluar daripada tajuk.

**Tuan Chang See Ten:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi adalah pemimpin MCA yang menolong saya menunaikan apa yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi, hari ini saya pun ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Pendidikan kerana dapat meneruskan satu projek tambahan bilik-bilik darjah di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Pulai tetapi projek itu sudah diluluskan, kerja pengukuran sudah dijalankan saya tidak tahu mengapa projek itu sehingga sekarang tidak dapat diteruskan. Saya pernah berhubung dengan pegawai JKR di peringkat daerah dan mereka beritahu saya sebenarnya projek ini akan dipanggil tender bersama dengan projek-projek sekolah jenis kebangsaan Cina yang lain di daerah Johor Bahru, ada empat buah tetapi dapat arahan bahawa diberhentikan sementara tetapi akan dijalankan tidak lama lagi. Saya ingin ambil peluang keemasan ini dapat tahu bilakah ia akan dapat dilaksanakan secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, saya pun ingin sentuh butiran projek 00200 Pendidikan Menengah. Saya dapati daripada pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Perling yang mana boleh dikatakan pembinaan sekolah bentuk ini adalah *zero defect* iaitu lengkap dengan semua termasuk kelas, kantin, pusat sumber, dewan sekolah sekaligus disiapkan dan apabila saya melawat sekolah menengah itu semasa perasmian, saya dapati ia adalah merangkumi aspek *zero defect*.

Saya harap semua sekolah menengah yang akan dibina nanti akan menggunakan konsep itu iaitu supaya apabila sekolah menengah itu di mana-mana kawasan diwujudkan tidak payah kita hendak pergi memungut derma untuk pembinaan dewan sekolah. Ada banyak sekolah menengah dibina tanpa dewan tetapi kalau dewan dibina akan mendatangkan manfaat kepada murid-murid dan pelajar-pelajar di sekolah menengah itu.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya pun ingin sentuh tentang projek butiran 00800 – rumah-rumah guru luar bandar. Di kawasan saya Sekolah Menengah Gelang Patah, saya dapati projek pembinaan rumah-rumah guru di tapak Sekolah Menengah Gelang Patah sedang dijalankan dan hampir siap. Saya ingin mengambil peluang keemasan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kementerian Pendidikan kerana peka tentang kehendak guru-guru di luar bandar ….

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan Chang See Ten:** Dan dapat membina rumah-rumah guru di luar bandar itu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Parit Buntar.

**12.03 tgh.**

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali [Parit Buntar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Kepala P.26 dan B.26 ini. Pertama sekali Tuan Pengerusi ialah tentang kemudahan-kemudahan sekolah. Sehingga ini, Januari 2000 masih terdapat 483 sekolah yang tidak ada kemudahan elektrik dan ini satu perkara yang penting yang patut kita bincangkan sebab dalam era kita hendak membawa budaya IT ke sekolah-sekolah terutamanya sekolah luar bandar yang masanya tidak lama lagi sebenarnya, kalau misalnya infrastruktur yang asas seperti ini pun tidak ada, beberapa kelengkapan yang memerlukan aliran elektrik tidak dapatlah dijalankan di sekolah-sekolah itu dan kita nampak budaya sekolah yang tidak ada elektrik ini, budayanya pun muram sahaja berbeza dengan sekolah-sekolah yang ada elektrik kerana banyak yang boleh dilakukan dengan kuasa elektrik itu. Jadi sebab itu saya hendak menyeru Tuan Pengerusi, kalau boleh kita tidak mahu lagi dengar dengan tahap pembangunan kita yang begitu hebat, Putrajaya yang begitu hebat, KLCC yang begitu hebat, terdapat masih lagi ada sekolah yang elektrik pun tidak ada.

Nombor dua, sekolah yang tidak siap Tuan Pengerusi. Di Seremban terdapat pelajar di tiga sekolah baru yang terpaksa menumpang di sekolah lain kerana kelewatan kontraktor menyiapkan kerja mengikut jadual. Ini pun satu benda yang merunsingkan. Sebagai ayah kepada anak-anak, saya rasa Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen yang hadir pada hari ini pun rasa runsing tentang perkara-perkara yang berlaku tentang sekolah tidak siap. Bila penggal persekolahan telah dibuka ada anak-anak yang menumpang, ini saya rasa tidak sepatutnya berlaku. Kita telah pun menjalankan sistem perancangan, sistem *monitoring*, sistem piawaian, sistem pemantauan dan sebagainya menggunakan sistem-sistem moden bahkan menggunakan sistem-sistem berkomputer sebenarnya, *simulation* untuk kita menggerakkan kerja-kerja pembangunan ini tetapi kalau masih ada sekolah yang tidak siap dan sebagainya, saya rasa ini merupakan satu tamparan kepada Kementerian Pendidikan.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Selain daripada itu tentang ketiadaan buku teks, Yang Berhormat. Setiap kali sekolah dibuka memang ada sahaja kompelin buku teks tajuk itu tidak ada di sekolah, buku itu tidak ada di pasaran, buku teks tajuk ini tidak ada dijual di kedai buku sekolah dan sebagainya, ini satu perkara. Bagaimana seorang pelajar hendak belajar kalau hari yang pertama buku teks tidak ada. Saya rasa berlaku proses demoralisasi sama ada pelajar sekolah rendah atau sekolah menengah. Bila masuk sahaja, orang lain pegang buku, dia tidak pegang buku, orang lain menulis, dia tidak menulis, orang lain merujuk dia tidak merujuk, saya rasa ini pun patut diberikan pertimbangan oleh Kementerian Pendidikan.

Satu lagi ialah tentang hal mengenai salah laku pelajar. Ini sudah banyak kali, tiap-tiap kali kita berdiri di sini, salah laku pelajar ini memang kita sentuh dan kita lihat dalam salah laku pelajar ini ada 77 buah sekolah di negeri Selangor sahaja yang dianggap sebagai sekolah berisiko tinggi. 60 sekolah di Perak, 51 sekolah di Johor, 49 sekolah di Pulau Pinang yang dimasukkan sebagai sekolah-sekolah yang berisiko tinggi. Ertinya, sekolah-sekolah ini terdapat pelajar-pelajar yang terlibat dalam kes membunuh, rogol, pukul, *gengster*, peras ugut, mencuri, ragut, samun, berjudi, hidu gam, pil khayal, lumba haram, ponteng sekolah, pergaduhan, melawan guru, vandalisme, langgar disiplin sekolah, berkhalwat, lucah, lepak.

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ha, ada yang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** Saya hendak tanya Tuan Pengerusi, butiran mana Yang Berhormat Parit Buntar ini cakap, tidak ada spesifik, macam terkeluar daripada tajuk.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Apalah Kinabatangan *[Ketawa]* saya tidak tahulah, saya sedang membincangkan tajuk Kementerian Pendidikan, pendidikan sekolah rendah dan pendidikan sekolah menengah. Bila sebut pendidikan ini, ada bangunan, ada sekolah, ada murid, ada guru. Tidak tahulah Kinabatangan barangkali tidak pergi sekolah, saya pun tidak tahulah.

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** Dalam perbincangan kita ada point-point yang hendak dibincang, duit-duit yang sudah dipakai, tidak menyeluruh. Jadi sebab itu kita hendak tanya, jangan merapu sahaja.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Tidak jumpa cari, Tun, saya ingat saya hendak teruskan Tun, saya hendak teruskan.

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Saya pun sudah terganggu. Kinabatangan kalau ganggu bawa ke jalan lurus tidak apa, ini bawa jalan yang tidak ada, ini yang kita susah sedikit. Tuan Pengerusi, saya ingat oleh kerana hal sekolah yang berisiko ini dan juga jumlah-jumlah dan jenis-jenis salah laku yang saya sebutkan itu saya rasa tidak guna kalau misalnya kita cerita tentang sistem pendidikan ini Tuan Pengerusi, kalau misalnya asas pembinaan pelajar, pembinaan manusia tidak ditekankan dan tidak diletakkan foundation dan asasnya.

Saya sangat bimbang sebenarnya bila Perdana Menteri sendiri menyebutkan didapati orang-orang yang bukan Melayu terutamanya orang India dan orang Tionghua tidak mahu menghantar anak ke sekolah kebangsaan sebab sekolah kebangsaan menjadi sekolah yang terlalu menonjolkan hal-hal mengenai agama. Saya sudah nampak kenapa dia menyebutkan perkara itu, sebab tidak lain dan tidak bukan hendak memulakan dan sudah berlaku proses sekularisasi, proses meminggirkan agama yang menjadi punca pertama dan utama sebenarnya dalam pembentukan sahsiah dan peribadi pelajar. Kalau misalnya kita hanya mengatakan bahawa sekolah hendak beri pendidikan, guru hanya mengajar begitu sahaja dan sekolah menerima apa yang diajar, itu belum lagi sebenarnya mencakup konsep pendidikan yang sebenarnya.

Konsep pendidikan ialah ilmu mesti membentuk manusia. Ilmu mesti membentuk peribadi manusia. Ilmu mesti membentuk akhlak manusia dan akhirnya sama ada lulus darjah enam, sama ada lulus UPSR, PMR atau SPM maka lahirlah anak-anak yang insya-Allah yang kita sebutkan sebagai anak-anak yang soleh dan anak-anak yang solehah.

Saya rasa yakin sama ada teman-teman orang India, orang Cina, orang apa pun saya rasa mereka hendakkan anak-anak yang baik, berprestasi yang baik, berpersonaliti yang baik, berperibadi yang baik dan ini kita tidak dapat dan di akhir-akhir ini, setakat yang saya tahu Tuan Pengerusi, ramai sangat ibu bapa yang datang kompelin oleh kerana saya terlibat dalam program-program tentang pelajar ini. Yang kompelin, mereka sendiri tidak dapat mendidik anak-anak, tidak mampu hendak didik anak-anak kerana sekolah-sekolah pun tidak mampu hendak membantu mereka mendidik anak-anak ini.

**Tuan Pengerusi:** Masa Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Akhirnya Tun.

**Tuan Mohamad bin Mustafa:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya, masa Yang Berhormat sudah cukup. Saya rasa sila gulung.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Sudah cukup sudah? Terima kasih Tun. Boleh gulung, boleh gulung sedikit?

**Tuan Mohamad bin Mustafa:** Hendak tanya sedikit?

**Tuan Pengerusi:** Tidak boleh Yang Berhormat, masa dia sudah cukup.

**Tuan Mohamad bin Mustafa:** Sudah habis?

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Keseluruhannya Tun, saya rasa minta sangat Kementerian Pendidikan ini kalau dapat kita balik semula ke pangkal jalan, kalau dapat kita go back to basic, balik ke pangkal jalan dengan izin, supaya insya-Allah sistem pendidikan kita benar-benar dapat melahirkan insan kamil yang disebut-sebut dan saya pun rasanya kecil hati tidak disebut lagi sistem pendidikan bersepadu, tidak disebut lagi kurikulum bersepadu, tidak disebut lagi manusia sepadu sebagaimana yang kita biasa sebut saya rasa, bertahun-tahun kita sebut 15 atau 20 tahun yang lalu. Sekian terima kasih Tun.

**Tuan Pengerusi:** Ya Batang Sadong, Batang Sadong.

**12.12 tgh.**

**Puan Sukinam Domo [Batang Sadong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga turut serta untuk membincangkan sedikit tentang Kementerian Pendidikan ini P.26. Pertama butiran 03501 berkenaan dengan ubahsuai dan naik taraf sekolah rendah di Sarawak. Kami di Sarawak mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada kementerian kerana begitu prihatin dengan memberikan peruntukan tambahan yang begitu banyak. Namun demikian saya ingin juga hendak mendapat penjelasan daripada kementerian berhubung dengan syarikat Subiro ini dan kerja-kerja ubahsuai naik taraf.

Kalau tidak silap saya, pada tahun lepas, kita telah meluluskan peruntukan tambahan RM70 juta kalau tidak salah saya untuk Subiro menguruskan kerja-kerja ubahsuai naik taraf ini, tetapi dalam catatan buku ini, buku Kertas Perintah 8 tahun 2001 muka surat 15 cuma diletakkan RM60 juta tetapi maklumat yang saya perolehi ialah RM70 juta. Kemudian tahun ini diminta lagi RM31 juta, jadi saya ingin mendapat penjelasan, berapa sebenarnya kos projek ini dari awal hingga sekarang untuk ubahsuai naik taraf di Sarawak ini. Berapa buah sekolah yang terlibat. Berapa pula yang belum siap sehingga memerlukan ataupun yang mungkin sudah disiapkan sehingga memerlukan tambahan RM31 juta lebih ini sebab kita ingin melihat kerana

banyak sangat rungutan seolah-olah faktor kos *effectiveness* dengan izin, tidak diambil kira.

Kemudian apakah kementerian bercadang untuk menyerahkan kembali kerja-kerja baik pulih ini kepada Jabatan Pendidikan Daerah ataupun Jabatan Pendidikan Negeri atau Jabatan Pendidikan Bahagian seperti yang pernah dilakukan dahulu supaya faktor kos *effectiveness* ini dapat diambil kira. Bermakna tidak banyak sangat *sub-con* nya, dari kontraktor utama kemudian di sub-con dengan A, B, C dan akhirnya faktor kos *effectiveness* ini tidak ada langsung. Jadi saya harap perkara ini dapat diambil perhatian. Bukanlah kita membantah atau saya membantah tambahan ini, kita memang mengalu-alukan cuma kita ingin tahu apakah keperluan tambahan ini, apakah ciri-ciri kerajaan menyebabkan sehingga begitu banyak penambahan. Saya takut nanti mungkin pertengahan tahun akan diminta lagi penambahan.

Kemudian butiran 00100 dan 00200 iaitu bagi pendidikan rendah dan pendidikan menengah. Bagi pendidikan rendah, kita difahamkan dalam buku ini, peruntukan diperlukan adalah untuk 126 projek di bawah seliaan Perunding Pengurusan Projek (PMC) dan 434 di bawah seliaan JKR. Begitu juga sekolah menengah 144 projek PMC dan 347 projek JKR. Saya ingin mendapat maklumat, bolehkah kementerian memberitahu kita, senaraikan projek-projek yang diurus oleh PMC ini dan senarai projek yang diurus oleh JKR serta kosnya sekali kerana kita dapati kadang-kadang terdapat perbezaan yang jauh antara kos kerja-kerja ataupun estimate yang dibuat oleh PMC dan juga JKR. Jadi kalau boleh, kalau tidak dapat hari ini, mungkin hari Isnin diberikan secara bertulis, senarai projek di bawah kedua-dua pengurusan ini serta kosnya sekali.

Saya juga ingin tahu kedua-dua butiran ini, ada sekolah di Sarawak yang tergendala. Sebuah sekolah yang ketara sekali ialah SMK Matang Hilir, hingga sekarang belum dapat diambil alih walaupun bangunan sudah rosak teruk sekarang ini walaupun nampaknya kononnya sudah siap tetapi belum dapat digunakan, jadi kalau dapat diberi penjelasan sedikit.

Begitu juga dengan sekolah di kawasan saya di SRK Sageng, saya difahamkan sudah empat kontraktor berubah, *piling* pun belum siap lagi, diharap diambil perhatian perkara seperti ini.

Kemudian 0800 – rumah guru luar bandar. Kita pun mengucapkan berbanyak terima kasih terutamanya di Sarawak dan Sabah, kekurangan ataupun keperluan rumah guru ini amat mendesak. Saya mengucapkan terima kasih kepada

kementerian namun begitu saya ingin bertanya, kalau tidak silap sa ya, pada tahun 1996, kalau tidak silap ataupun 1997 telah ditawarkan pembinaan rumah guru ini kepada sebuah syarikat kemudian oleh kerana kegawatan ekonomi tidak nampak satu unit pun rumah guru dibina dan kemudian kalau tidak silap saya pada tahun 1999 ataupun tahun 2000 telah ditawar kembali kepada syarikat ini.

Sehingga sekarang saya difahamkan belum juga nampak ada rumah guru. Jadi, saya ingin bertanya, bilakah akan dimulakan, ataupun kalau sudah dimulakan, berapa banyak yang sudah siap? Bila ianya dijangka akan siap dan di manakah kerja-kerja ini ataupun tempat-tempat lokasi rumah guru ini akan dibina khususnya di Sarawak?

Sekian sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Ramli bin Ibrahim:** *[Bangun]*

**Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya dapat maklumat di sini, pihak pembangkang hendak berucap dua orang dan pihak Barisan Nasional, dua orang. Sekarang ini sudah dua orang dah, ya. Seorang lagi daripada pembangkang, ya. Ya, Kepong.

**12.18 tgh.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, Maksud P.26. Di dalam Maksud ini, Tuan Pengerusi, kita dapati lebih daripada 1,000 projek yang perbelanjaan telah pun digunakan dan diminta daripada Dewan ini untuk diluluskan. Saya pun gembira juga kalau kerajaan boleh memperuntukkan lebih banyak wang untuk projek-projek di sekolah rendah, menengah dan juga di universiti.

Di sini Tuan Pengerusi, pihak kementerian pun di dalam pakej ekonomi hendak membina 200 buah sekolah lagi dan ini untuk satu sesi. Tuan Pengerusi, satu sesi memang baik dan saya hendak menyaksikan pada masa depan, semua sekolah di negara ini adalah satu sesi. Sebab di dalam bandar kebanyakan itu dua sesi dan ini adalah tidak baik bagi pelajar-pelajar.

Walau bagaimanapun, saya mencadangkan daripada 200 buah sekolah yang akan dibina ini, kita dapat mengutip pandangan daripada penduduk-penduduk di tempat di mana ada para penduduk yang berkehendakkan sekolah kebangsaan, kita bina sekolah kebangsaan dan seterusnya kalau penduduk hendakkan sekolah kebangsaan Cina, kita bina sekolah Cina, Tamil dan sebagainya, asalkan mereka

menguasai Bahasa Malaysia, mengikut sukatan pelajaran dan taat setia kepada negara. Saya tidak nampak mengapa daripada 200 buah sekolah ini, kita tidak boleh membahagikan sebahagian kepada sekolah-sekolah SJK. Saya mencadangkan mungkin daripada 200 buah sekolah, kita memperuntukkan 20 buah sekolah kepada SJK.

Seterusnya Tuan Pengerusi, kebanyakan projek yang disebut di sini ialah mengenai universiti.

Di sini Tuan Pengerusi, beberapa tahun ini kita sudah membincangkan mengenai universiti dikorporatkan. Kita nampak ada *holding company* untuk UM, UKM dan juga USM. *The holding company* UKM pun hendak disenaraikan di dalam bursa saham Kuala Lumpur, itu hasratnya. Ada juga UiTM, UTM, syarikat kecil dan sebagainya. Saya diberitahu bahawa pihak kementerian sudah mengarah semua universiti, 15 buah jumlahnya sekarang memperoleh sekurang-sekurangnya 30% hasil sendiri untuk perbelanjaan mengurus, sekurang-kurangnya 30%. Ini memang menimbulkan kontroversi. Pihak kementerian mengatakan ini bukan susah. Ada universiti sekarang sudah memperoleh hasil sekurang-kurangnya 15% atau 20%. Kalau 30% setahun, tidak jadi masalah pada tahun 2010. Ini memang menimbulkan masalah kepada kita.

Garis panduan untuk *corporation*, penswastaan universiti kita. Walaupun istilah bukan penswastaan, dikorporatkan tetapi apa yang dibuatnya adalah hampir samalah dengan penswastaan. Walau bagaimanapun, apakah garis panduan. Sama ada universiti boleh mengadakan konglomerat, konsortium seperti Renong? Ini yang kita hendak tahu sebab ini satu perkara yang penting dan saya akan membincangkan dengan teliti semasa membahaskan Rancangan Malaysia Kelapan. Walau bagaimanapun, di sini saya hendak memberi amaran kepada kementerian iaitu ada risiko. Misalnya profesor yang mempunyai pendapatan yang tinggi kerana keluarga atau syarikatnya besar, mungkin dia dilantik sebagai profesor, dekan atau naib canselor kerana dia mempunyai sumber kewangan.

Begitu juga dengan pelajar-pelajar. Mungkin kerana ibu bapa dia mempunyai wang yang banyak dan kalau kelayakan tidak begitu tinggi pun, dia diberi peluang untuk masuk ke kursus-kursus yang dikehendaki. Inilah masalah implikasi dan konsekuensinya. Dengan itu, saya akan membincangkan hal ini dengan panjang lebar semasa membentangkan dan membahaskan usul untuk Rancangan Malaysia Kelapan.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, masalah 4% caj bagi dana pendidikan tinggi kita, *National High Education Fund Corporation*. *National High Education Fund Corporation* bukan salah, dia betul. Saya nampak peruntukan daripada kerajaan pun sudah meningkat kepada RM1.3 bilion. Ini memang satu perkara yang baik juga dan saya berharap kaedah yang ketat diadakan supaya semua peminjam dapat membayar balik kerana kita perlu mereka mempunyai etika yang tinggi selepas mendapat pinjaman itu. Tuan Pengerusi, jumlahnya sudah melebihi RM200,000 sekarang, mendapat pinjaman daripada dana tersebut dan saya berharap semua itu dapat membayar balik kerana kementeriannya mesti mempunyai kaedah mengutip balik wang ini dengan baik.

Tuan Pengerusi, sepatutnya pihak kementerian ataupun pihak *corporation* itu mengumumkan sekarang sama ada 4% caj akan dikenakan. Saya berpendapat bahawa 4% itu tidak payahlah kerana mereka hendak bayar balik dah. Kos pengurusan itu ditanggung oleh pihak *corporation* kerana ia *revolving fund*, Tuan Pengerusi. Itulah sahaja, Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih. .

**Tuan Pengerusi:** Minta kementerian menjawab, ya. Kementerian menjawab ya.

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi:** Ia sudah hadkan empat orang mengikut ......

**12.28 tgh.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]:** Tuan Pengerusi....

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila, sila Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Pengerusi, pertama sekali, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk turut berbincang dan berbahas mengenai dengan Kementerian Pendidikan dan juga nampaknya semua pihak bersetuju dengan apa yang sedang dijalankan oleh pihak kementerian, cuma ada beberapa perkara yang telah dibangkitkan, antaranya dianggap sebagai cadangan.

Pertama sekali perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Gelang Patah, mencadangkan bahawa untuk membincangkan semula permohonan pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Fu…, maaf saya, sebutan saya, ya. Fu Zhe (2) di Skudai. Pembinaan sekolah-sekolah baru berdasarkan kepada keperluan dan keutamaan. Ini termasuklah sekolah-sekolah yang sedia ada di

sekitarannya sama ada masih boleh menampung keperluan murid di kawasan tersebut.

Kemudian perkara pembinaan rumah guru yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batang Sadong. Usaha untuk mempercepat pembinaan rumah guru telah dilaksanakan bagi memenuhi keperluan rumah guru yang telah dinyatakan setiap kali dalam persidangan ini. Pelbagai kaedah pembinaan seperti secara *conventional*, pembelian terus daripada pemaju dan melalui kaedah penswastaan pun dilakukan.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, sebanyak 30,376 unit rumah guru telah dan sedang dibina dengan peruntukan yang diluluskan sebanyak RM780 juta. Di dalam Rancangan Malaysia Kelapan, kementerian merancang untuk membina sebanyak 9,235 unit rumah guru dengan anggaran kos sebanyak RM901 juta….

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun, Yang Berhormat. Dua orang bangun. Ya, sebelah kanan seorang lagi.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sekejap ya.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sekejap, memang saya sekejap, Tuan Pengerusi. Saya biasa cakap sekejap sahaja, Tuan Pengerusi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya menyambut baik rancangan kerajaan dan kementerian untuk membina banyak lagi rumah-rumah guru dan bangunan sekolah terutama sekali di luar bandar. Di Sarawak Tuan Pengerusi, masih banyak 'rumah' yang zaman koloni dahulu, masih wujud sehingga sekarang bahkan masih ada sebuah 'rumah' sekolah yang terletak di atas tanah kuning yang digunakan sebagai 'rumah' sekolah. Jadi, pada tahun lepas, kita semua maklum iaitu sebuah syarikat yang bernama Sebiro telah diberi kontrak untuk memperbaiki sekolah di Sarawak dan prestasi syarikat ini tidaklah memuaskan.

Umpamanya, di kawasan saya 31 sekolah dirancang mengikut kementerian ditambah tandas, ditambah bilik darjah, ditambah bilik kuliah, ditambah bilik macam-macam lagi benda yang ditambah. Tetapi apabila habis tahun 2000 penambahan tak ada, apa yang dibuat hanya baik pulih di sana-sini sahaja. Jadi, kenapakah Sebiro ini - saya hendak bertanya Yang Berhormat, masihkah Sebiro ini diberi kontrak untuk melaksanakan projek ini ataupun cara lain untuk mengatasi masalah supaya apa

yang dijanji oleh kementerian dan kerajaan itu dapat diwujudkan dan tidak bulat-bulat diserah dengan Sebiro? Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Sebenarnya, untuk memberi secara spesifik mengenai apa yang telah dibangkitkan Yang Berhormat, saya tidak ada butiran di sini. Ini kita perlukan satu tinjauan dan penelitian bagi memeriksa apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, saya akan mengarahkan pegawai.....

**Tuan Pengerusi:** Ada seorang lagi bangun.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sekejap ya, saya jawab ini dahulu. Saya mengarahkan pegawai-pegawai untuk terus memberi tumpuan terhadap ini dan saya akan memberi laporan secara bertulis kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya kecewalah kerana tidak dapat berucap yang telah saya sediakan ucapan saya. Dan saya hendak tanyalah....

**Tuan Pengerusi:** Saya pun berasa kecewa juga ya. Tetapi kita kenalah menjaga masa.

**Puan Chong Eng:** Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tadi Setiausaha Parlimen tidak menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Gelang Patah yang kebetulan saya pun hendak tanya soalan begitu, iaitu di Butiran 00100, berapakah projek di bawah pendidikan rendah, di antara 126 projek ini berapakah sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Ini tidak dijawab dan dikatakan bahawa pembinaan ini memang mengikut keperluan. Tetapi saya rasa ini bukan satu jawapan yang tepat, kerana kalau kita tinjaukan angka-angka yang ada sekarang memang kekurangan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil di seluruh negara. Saya hendak dapat satu gambaran melalui 126 projek ini, kalau ada, berapa buah SRJK(C) dan berapa buah SRJK(T). Kerana kalau seluruh 126 buah ini....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, panjang dah itu.

**Puan Chong Eng:** ....sebuah pun tak ada SRJK(C) dan SRJK(T) memang ini menunjukkan polisi kerajaan tidak membina SRJK(C) dan SRJK(T).

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah.

**Puan Chong Eng:** Bolehkah beri jawapan dengan tepat? Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya faham, tadi Yang Berhormat bagi Gelang Patah sebenarnya membangkitkan dan juga

memberi kepujian kepada Kementerian Pendidikan dan disokong oleh pihak usaha sama yang telah dijalankan oleh pihak MCA untuk memastikan perkara-perkara ini dapat dijalankan. Jadi, tidak timbul yang mengatakan pihak kementerian menganaktirikan dalam hal projek sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Perkara ini selalunya telah dibangkit oleh pihak MCA dan disampaikan kepada pihak kami. Dan tak betullah kalau hendak disebutkan bahawa MCA tidak menjalankan tugas mereka mewakili kumpulan etnik Cina untuk menimbulkan persoalan sekolah rendah kebangsaan Cina dan Tamil, dan tak betullah kalau hendak menuduh bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menjalankan tugasnya dengan baik. Sebenarnya mereka jalan kan tugas yang baik.

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Belum, saya habis lagi Yang Berhormat. Janganlah bangun, saya belum habis lagi!

**Tuan Pengerusi:** Hmm, Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Dud uklah dahulu!

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, hmm.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Belum saya habis jawapan dah Yang Berhormat hendak bangun buat apa! Sabar, dalam Dewan ini kita ada tertib. Kalau Yang Berhormat tidak ada tertib, macam mana pihak kami hendak beri jawapan dengan tertib.

**Puan Chong Eng:** *[Duduk]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih. Mengenai dengan apa perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, saya perlu tekankan jika ada keperluan kita tetap akan membina sekolah-sekolah di kawasan-kawasan tertentu sekiranya ada permohonan dan permintaan. Itu telah saya jelaskan.

Mengenai dengan senarai yang telah dipohonkan oleh Yang Berhormat dan juga Yang Berhormat bagi Gelang Patah, saya akan lakukan itu secara bertulis dan saya tak dapatlah butiran itu secara terperinci buat masa ini. Jadi, saya akan beri ini secara bertulis.

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, tolonglah ya.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Boleh minta penjelasan sedikit Yang Berhormat? Terima kasihlah, kawasan saya pun ada sekolah Cina dan

sekolah Hindu. *[Ketawa]* Saya hendak minta sedikitlah. Tamil. Saya hendak tengok di sana dengar atau tak dengar saya bercakap, itu sahaja. *[Ketawa]* Tetapi hari ini nampaknya bersatulah, cuma Baling tak pakai tohar, itu sahaja. Yang Berhormat, di kawasan saya pun ada sekolah Tamil, sekolah Cina, saya tak nafikan. Ada juga sekolah yang serba kekurangan. Saya minta perhatian sedikitlah kalau boleh di Larut - saya minta untuk semualah, tolong perhatikan sedikit Yang Berhormat. Sekolah Tamil di Larut agak kekurangan sedikit. Kita hendak minta tambah, kita tak mengatakan bahawa dianaktirikan, tidak. Berikan perhatian dalam kawasan-kawasan ladang, estet. Kawasan Bukit Mertajam tak bagi pun tak apalah, riuh sahaja dalam Dewan ini. Itu perempuan. Jadi, minta perhatian sedikit termasuk sekolah Cina, agak kekurangan. Saya tak menafikan tentang kekurangan pelajar, tetapi kemudahan. Ada sekolah yang kurang dari segi kemudahan asas iaitu jalan. Ini dalam kawasan ladang, saya minta perhatian sedikit, sebab pengundi di kawasan itu pun ramai orang India, 3,000, orang Cina pun ramai, tetapi DAP tak ada peluang hendak masuklah.

Satu lagi Yang Berhormat, saya minta juga...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, cukuplah. Kita tidak ada masa, cukuplah, cukuplah. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sila jawab.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Buat peringkat itu dahululah. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Sebenarnya kita tidak ada diskriminasi sama ada di Larut ataupun kita tak beri kepada Bukit Mertajam. Kita adalah pihak yang mengamalkan saksama dalam pengagihan dan juga segala macam peruntukan kita beri kepada sekolah-sekolah tadi. Mereka adalah harapan kita. Jadi, apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Larut tadi kita tetap akan beri perhatian dan saya sendiri akan minta Jabatan Pendidikan negeri supaya membuat tinjauan di kawasan Yang Berhormat tadi.

Mengenai dengan sekolah yang telah dibina dalam estet, itu kadangkala ada sedikit masalah ialah kerana title tanah itu kadangkala amat sukar untuk kita mengadakan jalan dan sebagainya, itu kita masih perlukan keizinan daripada pihak estet yang tertentu.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Bangun]*

**Puan Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, tiga orang bangun Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** Minta laluan Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Baiklah, boleh saya teruskan pula lagi?

**Tuan Pengerusi:** Hendak teruskan. Tak bagi jalan.

**Puan Fong Po Kuan:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya rasa...

**Tuan Pengerusi:** Dia tak bagi jalan Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sekejap. Dak, itu sudah habis. Saya sudah jawab.

**Puan Fong Po Kuan:** Kami hendak bahas tak ada....

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada tawar-menawar di sini. Dia tak beri jalan, tak beri jalanlah. Batu Gajah, dia tak bagi jalan ya.

**Puan Fong Po Kuan:** Saya hendak tanya sekali lagi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Batu Gajah, dia tak bagi jalan. Hmm, sila teruskan ucapan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih, sebab saya teruskan dahulu, di akhir saya bagi.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sila teruskan jawapan ya.

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi:** Cheras, dia tak bagi jalan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Pengerusi, perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Buntar ialah mengenai masalah sekolah-sekolah yang tidak mempunyai bekalan elektrik. Di sini ingin saya nyatakan....

**Puan Chong Eng:** Minta penjelasan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** ....bekalan elektrik di sekolah bergantung kepada bekalan elektrik yang sedia ada. Bagi mengatasi masalah tersebut, ia kebanyakan kita bekalkan dengan generator.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat hendak bagi jalan kepada Bukit Mertajam atau tidak?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya tak bagi, dah habis mengenai dengan itu, saya sudah sebutkan.

**Tuan Pengerusi:** Dia tak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Bukit Mertajam, dia tak bagi jalan ya.

**Puan Chong Eng:** Tak bagi langsungkah?

**Tuan Pengerusi:** Tak bagi langsung, Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Bukan saya tak bagi langsung, biar saya habiskan dahulu ini, kemudian boleh tanya.

Bagi jangka panjang, Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Luar Bandar merancang supaya kawasan luar bandar yang belum mempunyai bekalan elektrik diberi kemudahan tersebut, insya-Allah,.

Mengenai dengan apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat juga masalah ketiadaan buku teks perlu diatasi segera. KPN akan mengambil langkah yang begitu serius jika perkara ini benar-benar berlaku. Jadi, sekiranya ada laporan di sini saya berharap sebab selama ini yang pada pandangan kita semua sekolah dibekalkan dengan buku teks yang mencukupi. Malah sekiranya ada buku-buku teks yang tidak kemas, koyak dan sebagainya kita akan gantikan dengan buku yang baru. Buat masa ini kementerian memastikan bahawa bekalan buku teks adalah mencukupi.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Hendak beri jalan atau tidak, ada dua orang yang bangun?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ini mengenai dengan ini juga? Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Terima kasih, Tuan Pengerusi dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya ada beberapa perkara yang perlukan penjelasan. Perdana Menteri telah berulang kali menyebut kegagalan sistem pendidikan. Adakah ini bermakna bahawa seluruh buku teks Kementerian Pendidikan akan disemak semula dan adakah komiti telah ditubuhkan untuk mengkaji semula sistem dan kurikulum pendidikan serta buku teks ekoran daripada kenyataan Perdana Menteri yang terakhir sekali di Universiti Islam Antarabangsa.

Yang kedua, saya hendak dapat penjelasan. Peruntukan ini dipohon bagi tahun 2000 iaitu di akhir Rancangan Malaysia Ketujuh, dan beratus sekolah telah dibina secara tergesa di akhir Rancangan Malaysia Ketujuh. Jadi, saya bimbang bahawa dari segi pembinaan akan berlaku kepadatan persekitaran sekolah, iaitu kawasan sekolah yang ada telah dibina bangunan baru yang menyebabkan

sebahagian daripada padang dan juga pemandangan di sekolah itu akan menjadi terjejas dan sempit. Adakah perkara ini diambil kira dalam keadaan pembinaan yang tergesa-gesa ini. Bagi saya ini adalah kecuaian Kementerian Pendidikan kerana baru sekarang hendak bina sekolah tambahan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, mengenai dengan kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sebenarnya itu sebagai kejutan di mana dalam konteks yang lain tidak apa yang telah dimaksudkan oleh Yang Berhormat, iaitu dalam soal bagaimana sebuah sekolah kebangsaan membuat satu projeksi ataupun imej sebagai sekolah kebangsaan. Maksud saya untuk masyarakat kebangsaan, itu yang dimaksudkan. Tetapi dalam soal untuk mengubah buku-buku teks itu, saya rasa tidak timbul di sini. Terima kasih.

Mengenai dengan sekolah-sekolah tambahan tadi yang dibangkitkan....

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Hendak bagi jalan kepada dia?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya tak bagi lagilah, dia dah tanya saya dok jawablah.

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Dia tanya saya jawablah, dengarlah pula saya jawab. Jadi, mengenai dengan sekolah-sekolah tambahan itu sebenarnya kita menurut perancangan apa yang kita hendak lakukan. Tetapi bagi sekolah yang sesak itu memang terpaksa kita hadapi dalam keadaan yang serba begitu kekurangan. Jadi, dalam hal untuk pembinaan sekolah-sekolah baru, kita tetap mengambil kira dari segi perancangan kawasan dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi:** Padang Terap bangun.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Padang Terap.

**Tuan Zawawi bin Haji Ahmad:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan persoalan buku teks. Saya dapati bahawa buku-buku teks sesetengah mata pelajaran yang digunakan sekarang ini, penyusunannya adalah terlalu tidak begitu menarik perhatian pelajar-pelajar. Sebab itu mereka lebih berminat untuk membaca buku-buku yang dikeluarkan oleh pihak-pihak penerbit lebih menjurus kepada menjawab soalan-soalan.

Jadi, oleh yang demikian, perkembangan pembelajaran murid itu agak khusus untuk menjawab soalan, tidak membina *knowledge* ataupun pengetahuan.

Jadi, apakah pihak kementerian cuba mencari satu jalan untuk penyusunan buku teks itu dengan cara yang lebih menarik. Itu saya minta penjelasan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sebenarnya apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat memang ada dalam pengetahuan kami dan juga saya kira banyak pendapat mengenai dengan penulisan buku teks sama ada ia akan menjadi bahan yang lebih menarik untuk seseorang anak muda itu membaca ataupun tidak dan ada juga pandangan bahawa penekanan kita terlalu menjurus kepada peperiksaan. Memang kita sedari hakikat ini. Walau bagaimanapun, beberapa langkah telah diambil dan di antaranya balik kepada kekreatifan seseorang guru itu bagaimana hendak menimbulkan minat bacaan tadi.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:***[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ha, ada yang berdiri.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Kemudian Yang Berhormat bagi Parit Buntar juga telah membangkitkan masalah gejala sosial ataupun disiplin di sekolah-sekolah. Langkah-langkah mengatasi masalah disiplin terutama…..

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, ada yang bangun ini.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** …kita meminta pihak sekolah melibatkan ibu bapa dalam program-program keibubapaan di sekolah. Kedua, mewujudkan rangkaian kerjasama dengan ibu bapa dalam jawatankuasa PIBG untuk menangani masalah disiplin. Sekejap Yang Berhormat ya, bagi saya habis dahulu, tak boleh, lepas saya habis boleh, saya bagi.

Program Pembangunan Pelajar. Perbincangan mengenai dengan pembelajaran juga telah kita bangkitkan di sekolah-sekolah. Begitu juga termasuk dengan soal kaunseling berkelompok terhadap keluarga yang menghadapi masalah pembelajaran dan ada juga kita menjalankan ataupun menubuhkan jawatankuasa untuk memantau keadaan-keadaan disiplin di sekolah.

Dalam hal ini juga, harus saya nyatakan kepada Yang Berhormat mengenai dengan disiplin di sekolah-sekolah, memang dari masa ke semasa kita memantau keadaan ini secara serius. Ini bukan main-main. Seperti mana apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat juga mengenai dengan kita tidak membina sahsiah ataupun personaliti seseorang anak itu. Saya rasa apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat, saya rasa kurang tepat.

Sememangnya ilmu yang hendak diturunkan kepada anak-anak muda tadi, adalah juga untuk membina sahsiah mereka. Bukan dari segi persepsi, malah dari segi personaliti juga diambil kira. Tidaklah timbul seperti mana yang hendak dinyatakan oleh Yang Berhormat bahawa soal agama tidak kita beri perhatian, malah kita menjadikan Agama Islam dan pelajaran Moral sebagai mata pelajaran yang wajib di sekolah rendah dan menengah.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** *[Bangun]*

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Tuan Muhamad bin Mustafa:** *[Bangun]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Jadi, tidak timbullah apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat, kita hendak mensekularisasikan pendidikan kita. Ini tidak timbul, itu persepsi Yang Berhormat mengenai dengan perbezaan antara sekularisme ataupun non-sekularisme. Itu boleh dibahaskan secara akademik tetapi dari segi apa yang kita terjemahkan ke dalam bentuk tindakan untuk mendidik anak-anak muda kita adalah masih berasaskan kepada soal nilai.

**Tuan Pengerusi:** Ha, ada lima orang bangun, ya. Hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Bagi jalan dekat Yang Berhormat Parit Buntar. *[Sorak]*

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Tetapi saya nampak nada Yang Berhormat akhir-akhir ini nampaknya lembut, sayu…….*[Ketawa]* Dengar ceritanya minggu lepas bila Yang Berhormat mengulas, dengar-dengarnya saya ini antara orang yang menjadi 'punching back'lah kepada Yang Berhormat. Tetapi tidak apa, ini tidak ada masalah.

Masalahnya ialah tentang pembinaan peribadi tadi. Boleh atau tidak Yang Berhormat beritahu saya apalah dia program-program membina peribadi daripada pukul 7.30 pagi pelajar datang sampai sekitar pukul 1.20 tengah hari atau pukul 1.00 tengah hari mereka balik. Hari-hari, apa dia program pembinaan peribadi. Ibu bapa beritahu saya, sekolah-sekolah saya sekarang ini beri teori sahaja, bahkan mereka mengatakan sungguh takut anak-anak mereka tidak boleh sembahyang, tidak tahu baca doa, tidak tahu baca doa qunut, tidak tahu baca doa iftitah.

Kalau inilah yang berlaku, Yang Berhormat, saya rasa, bahkan Perdana Menteri pun pernah komen, Menteri Pertahanan pun pernah komen – mengadakan

program-program seperti qiamulail, disanggah begitu, padahal dari segi tradisi Islam inilah program yang benar-benar dapat membina asas pembinaan sahsiah manusia.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih, nampaknya macam kita ini berhadapan dengan fasilitator dalam kursus motivasi. Terima kasih Yang Berhormat bagi….

**Tuan Pengerusi:** Parit Buntar.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Parit Buntar, maaf saya, Tuan Pengerusi. Saya kata memang secara tidak sedar kita membentuk dan membina anak-anak kita ke sekolah tetapi untuk mengatakan keraguan ibu bapa tadi, telah saya berkali-kali kata, pihak kementerian telah menjalankan tanggungjawab kita. Begitu juga pihak guru di sekolah menjalankan tanggungjawab mereka masing-masing. Tetapi perlu juga kita nyatakan di sini peranan ibu bapa juga harus berserta dengan pihak sekolah. Kalau pihak sekolah sahaja kita menghantar anak, kemudian kita lepas tanggungjawab kita, maka kita tidak akan berjaya dalam soal ini.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad:** *[Bangun]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Soalnya ialah ibu bapa, sekolah, murid, masyarakat termasuk Yang Berhormat sendiri mesti berperanan dalam mendidik anak-anak muda kita supaya ada akhlak, ada tertib. Kadangkala di antara kita tidak ada akhlak dan tertib – dalam mesyuarat Dewan ini.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat….

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Minta maaf Yang Berhormat, biar saya jawab dahulu.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Tumpat, jangan berucap sambil duduk, Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Dan begitu juga Yang Berhormat selalu menekankan kepada kita bahawa tidak ada pelajaran agama dan agama itu tidak cukup. Kita rasa di peringkat sekolah daripada pukul 7.30 pagi sampai 1.30 tengah hari kita rasa itu period yang sudah kita sediakan mencukupi. Di samping itu juga, kita ada kelas-kelas tambahan yang lain mengenai dengan Fardu Ain – mengambil air sembahyang, macam mana hendak sembahyang. Itu bergantung lagi kalaulah ada kelemahan itu, silalah kita beri cadangan. Mungkin masa tidak cukup seperti

Yang Berhormat katakan tadi. Jadi, janganlah Yang Berhormat mengatakan bahawa kita tidak pentingkan soal pembinaan personaliti, malah saya juga telah komen kepada Yang Berhormat minggu lalu mengenai dengan soal ilmu.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** *[Bangun]*

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** *[Bangun]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Yang Berhormat telah membangkitkan mengapa kita tidak dapat lahirkan….apa dia kata…People of the Quran, People of the Hadis, People of what, what, dengan izin, Tuan Pengerusi. Saya kata Yang Berhormat sila rujuk kepada Surah *Iqra' Bismirabbi Qallazi Kholaq* dan segala sumber yang turun oleh Allah itu adalah perlambangan yang harus kita terokai. Apa sahaja kaedah, asalkan ia tidak bercanggah dengan Islam itu dianggap ilmu yang diredhai oleh Allah S.W.T., kalau itu Yang Berhormat hendak tujukan.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat……

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Jadi, dalam soal ini segala perancangan kita adalah berlandaskan kepada nilai-nilai yang baik dan nilai universal ini yang berlandaskan kepada apa yang dituntut dalam Islam. Jadi, saya berharap saya sudah jelaskan kepada Yang Berhormat dan saya bagi Yang Berhormat Tumpat.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, habiskah Yang Berhormat, macam mana?

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Tumpat, dia bagi Tumpat.

**Tuan Pengerusi:** Dia bagi Tumpat. Ya, sila.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan sahabat saya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Apabila saya bangun tadi, Yang Berhormat sedang mengulas tentang dasar kementerian – bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Padang Terap bahawa kementerian pun bimbang bahawa unsur-unsur yang terlalu menekankan kecemerlangan peperiksaan sebagai tidak dipersetujui oleh kementerian sendiri tetapi mesej yang kementerian dan kerajaan berikan bercanggah.

Di satu ketika, Yang Berhormat menyebut tidak bersetuju mengutamakan sangat kecemerlangan dalam peperiksaan tetapi di masa yang sama, dua tiga minggu yang lalu, Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri-menteri, hadir dalam satu majlis jamuan makan tengah hari meraikan pelajar-pelajar yang kononnya lulus cemerlang dalam peperiksaan SPM.

Jadi, mesej ini yang masyarakat keliru, murid-murid keliru. Apa yang kerajaan utamakan, sama ada pembinaan sahsiah yang baik, pembinaan pelajar dan murid yang baik ataupun penekanan kepada peperiksaan semata-mata.

Ini yang saya bimbang dan saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, panjang lagikah jawapan?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sikit sahaja jawapan kalau tidak ada banyak perbahasan.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat, jika tak bagi….

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sikit sahaja masa sebab peruntukan untuk Kementerian Pendidikan begitu besar, Tuan Pengerusi. *[Sorak]*

Apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat tadi sebenarnya tidak ada apa-apa percanggahan. Untuk dalam soal peperiksaan memang kita tuntut kepada kecemerlangan. Sudah saya katakan ini bergantung kepada kekreatifan seseorang guru itu iaitu dalam masa yang sama dan dalam masa yang singkat, bagaimana kita hendak sepadukan semua ini dan sampaikan bahan itu kepada murid-murid kita. Jadi, soal kecemerlangan memang itu harus kita beri satu pengiktirafan supaya ini dijadikan contoh kepada murid-murid yang lain supaya berusaha kuat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** *[Bangun]*

**Tuan Muhamad bin Mustafa:** *[Bangun]*

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** *[Bangun]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya ambil satu contoh lagi. Mengenai dengan disiplin – masa. Msalnya, di sekolah kita melatih anak-anak itu supaya berdisiplin. Kata, dari masa sekian ke masa sekian kita ada pelajaran apa, sekian kepada sekian pelajaran apa. Ini dianggap akan menjadi satu perbuatan, perlakuan yang automatik di mana apabila mereka dewasa kelak, bila mereka bekerja, mereka juga akan tidak secara langsung sudah dilatih untuk menilaikan menghormati masa tadi. Itu contoh, saya katakan dan yang lain-lain lagilah.

Jadi, kalau Yang Berhormat dua lagi mengenai dengan ini, saya rasa saya tidak perlu bagi lagilah.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** *[Menyampuk]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Hah? Saya rasa sudahlah kot, Yang Berhormat. Saya sudah jelaskan panjang dah, pendek aje sikit ni, hendak habis dah

masa. Ada banyak kementerian, Yang Berhormat. *[Disampuk]* Tidak perlulah. Ya. Saya minta maaf, lain kalilah kita bincang di luar dan boleh kita lanjutkan.

Yang Berhormat bagi Batang Sadong telah membangkitkan mengenai dengan …*[meneliti nota]* hah, inilah dah banyak sangat disturbance ini. *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Batang Sadong telah membangkitkan mengenai dengan ubahsuai naik taraf sekolah-sekolah di Sarawak. Pada tahun 2001, Yang Berhormat, jumlah peruntukan sekolah-sekolah di Sarawak bagi tujuan tersebut ialah RM26,201,610 termasuk untuk bangunan pendidikan rendah dan pendidikan menengah serta juga bangunan-bangunan yang lain.

Yang Berhormat bagi Kepong telah membangkitkan mengenai dengan holding company dan anak-anak syarikat di IPTA. Dengan lain perkataan, mengatakan soal corporatisation di universiti. Ingin saya tegaskan di sini Yang Berhormat Kepong, bahawa bila kita bercakap mengenai dengan pengkorporatan universiti tidaklah maksud kita pengkorporatan yang bermaksud kepada corporation yang besar-besar. Tidak bermakna kita hendak menswastakan universiti-universiti. Mintalah, saya rasa penjelasan saya itu mengenai pengkorporatan itu tumpuannya ialah kepada pentadbiran dan susunan universiti sahaja dan tidak ada kaitan dengan mana mengatakan pihak kerajaan untuk melepaskan tanggungjawabnya daripada membiayai universiti-universiti tempatan.

Adalah menjadi hasrat Kementerian Pendidikan agar setiap IPTA berupaya untuk menjana pendapatan sendiri. Sehubungan itu, IPTA dibenarkan untuk menubuhkan syarikat ataupun holding company dan anak-anak syarikat sebagaimana yang diperuntukkan oleh perlembagaan universiti. Walau bagaimanapun, penubuhan syarikat ini perlu mendapat kelulusan Yang Berhormat Menteri Kewangan dan aktiviti yang dijalankan adalah aktiviti perundingan, R&D yang boleh dikomersialkan serta mengambil kira aktiviti yang melibatkan keperluan pelajar. Jadi, tidak timbul kita hendak menswastakan universiti, Yang Berhormat Kepong.

Pengkorporatan IPTA juga tidak bertujuan mementingkan keuntungan perniagaan sebaliknya bertujuan meningkatkan keberkesanan kos dan kualiti perkhidmatan IPTA. IPTA juga boleh menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan perundingan tanpa menjejaskan kebajikan pelajar-pelajar.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan juga kita akan mengkaji segala cadangan yang baik. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, masa sudah cukup Yang Berhormat.

***Majlis Mesyuarat bersidang semula.***

**Tuan Yang di-Pertua:** Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

***Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM462,803,500 untuk Maksud B.26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM462,803,500 untuk Maksud B.26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM716,313,246 untuk Maksud P.26 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 2000 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM716,313,246 untuk Maksud P.26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan (Tamb.)(Bil.3) 2000.

**Maksud B.28, B.29, B.30 dan B.31 [Jadual] –**
**Maksud P.28 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 2000] –**
**Maksud P.28 [Anggaran Pembangunan (Tmb.)(Bil.1) 2001] -**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.28, B.29, B.30 dan B.31 dan Kepala Pembangunan

P.28 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Saya beri Tambun dahulu.

**2.34 ptg.**

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Tuan Pengerusi, di bawah Maksud P.28 - Pembelian Saham Malaysian Airline System.

Tuan Pengerusi, pembelian saham Malaysian Airline System melibatkan implikasi ekonomi dan politik. Jadi, saya ingin menyentuh perkara ini. Daripada penyata kewangan, kita sedar semasa pembelian MAS berdasarkan kepada laporan tahunan pada 31 Mac 2000, MAS menghadapi kerugian. Ini akibat daripada beberapa faktor, pertama, jumlah perbelanjaan melebihi pendapatan sebanyak 15% daripada pendapatan.

Ini berpunca daripada:-

(i) Passenger load factor dan cargo load factor, dengan izin, dalam di antara 64.5% hingga 71.4%;

(ii) Berpunca daripada kerugian daripada tukaran asing pada tahun tersebut berjumlah RM547 juta;

(iii) Daripada pembayaran faedah bank sebanyak RM562.6 juta dan perbelanjaan untuk pembayaran faedah bank yang tinggi ini berpunca daripada struktur pembiayaan di mana pihak Malaysian Airline System mempunyai hutang berjumlah RM14 bilion berbanding dengan ekuiti sebanyak RM3.5 bilion. Jadi, berlaku leverage sebanyak 3.9 kali.

Tadi, saya menyatakan ada dua implikasi iaitu politik dan ekonomi. Saya berpendapat apabila mendengar keterangan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa pihak pengurusan baru Malaysian Airline System akan menyediakan master plan. Oleh yang demikian, saya ingin menyeru kepada pihak kerajaan supaya meminta pihak pengurusan supaya cepat mengeluarkan master plan yang tentunya melibatkan kepada tiga isu utama iaitu isu profitability, isu financing mix dan juga ekuiti, mungkin ada beberapa pendekatan penstrukturan hutang dibuat dari segi business, macam mana hendak meningkatkan load kargo dan passenger dan bagaimana dengan kedudukan ekuiti.

Saya menganggap keadaan krisis ini seperti mana kata pelbagai dokumen-dokumen menyatakan *economics slow down*, dengan izin, akan membawa kepada, dengan izin, *the birth of smart management*. Jadi, saya harap akan melahirkan

*smart management*. Jadi, saya harap dapat dipercepatkan proses ini supaya apa yang dikatakan sebagai '*confidence building measures*' ini disegerakan supaya kita merasa yakin MAS akan dapat dijadikan sebuah organisasi yang mendapat keuntungan.

Di samping itu, saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri akan pendirian kerajaan kita. Kita tahu bahawa penerbangan ini adalah satu global business. Negara kita agak *competent* kepada beberapa global business dan salah satu adalah bidang penerbangan iaitu global business. Bagaimanakah sikap kerajaan kita kepada global business ini. Adakah kita mahu terus menerus mempertahankan saham dalam tangan rakyat kita dan berapa peratus, kerana jika ini berbentuk global business, kalau viabilitinya mesti berasaskan kepada strategi global jika penerbangan lain diambil alih oleh pemegang ekuiti daripada pelbagai negara, apakah kita mahu maintain ekuiti dalam tangan kita. Tidakkah kita boleh membuat satu kaedah di mana kita hanya memegang kata 30% dan yang lain dijual kepada pihak luar kerana ia merupakan global business dan yang 30% untuk menjaga kepentingan kita.

Dan prinsip menjaga kepentingan pekerja ini mesti dilihat dalam konteks baru, tidak sekadar kita kata untuk mempertahankan pekerja dari segi pembuangan kerja dan sebagainya, ini kita boleh selesaikan. Jika kita dapat menaikkan MAS dari segi keuntungannya dan networth MAS, maka ini akan menjamin masa hadapan Malaysian Airline System. Dan lebih luas daripada itu, saya percaya apabila MAS menjadi satu global company yang menjalankan global business, ini akan mencetuskan kepada perkembangan-perkembangan lain atau kesan multiplier. Dari segi hubungan kita dengan penerbangan lain, konsep open sky policy kita dan bila ia terbuka, ini akan mendatangkan keuntungan dalam bentuk lain, dalam bentuk pelancongan yang lebih ramai ke negara kita.

Jikalau kita mengambil sikap global business ini mesti milik kita dan kita tidak melibatkan orang lain, ini akan menjejaskan bilangan pelancong ke negara kita. Bilangan pelancong yang datang ke negara kita memang ramai kalau dibandingkan dengan negara lain, tetapi dengan cara dan sistem yang terbuka ini mungkin boleh meramaikan lagi pelancong ke negara kita, bermakna dari segi sistem penerbangan ini boleh menarik lebih ramai pelancong ke negara kita, selain menyesuaikan konsep global company, global business kepada global situation, dengan izin, kita juga dapat menarik ramai pelancong ke dalam negara kita. Saya berani menyatakan bahawa

bidang pelancongan adalah satu bidang yang kita boleh harapkan untuk membawa pertukaran asing dan juga meningkatkan GNP negara kita pada masa yang akan datang.

Kedua, saya ingin menyentuh mengenai dengan wang tambahan sebanyak RM45 juta kepada Samak Aquaculture Sdn. Bhd. Mengikut makluman di sini bahawa jumlah ini diperlukan untuk mengambil alih Samak Aquaculture Sdn. Bhd. oleh kerajaan. Ada beberapa penjelasan yang saya perlu daripada kementerian.

Pertama, berapakah jumlah sepenuhnya pengambilan alih Samak Aquaculture ini. Saya rasa mungkin lebih daripada RM45 juta dan apakah asas pembelian tersebut dan dalam proses membuat evaluation networth, manakah pihak-pihak yang terlibat dan macam mana dia sampai kepada peringkat nilai unit satu saham dan keseluruhannya, keseluruhan saham dan adakah kita akan membeli 100% atau 70% atau 50% dan siapakah pemegang-pemegang saham yang lain.

Kedua, mengenai dengan justifikasi pengambilan alih syarikat tersebut dari segi keuntungan, apakah keuntungan-keuntungan yang akan diperolehi oleh negara dari pembelian tersebut, berapa banyakkah cukai pendapatan yang akan diperolehi jika diambil alih oleh kerajaan, jika tidak diambil alih oleh kerajaan, bagaimanakah status projek ini dan setelah diambil alih dari segi projection kita, berapakah keuntungan dari segi cukai yang akan diperolehi oleh kerajaan dengan pengambilan alih tersebut.

Kemudian berapa banyakkah dividen yang akan diterima oleh kerajaan dalam pengambilan alih tersebut dan dari segi *investment evaluation*, dalam proses hendak mengambil alih, bagaimanakah statistik-statistik mengenai dengan *payback period* berapa lama dengan perbelanjaan tersebut, dari segi IRRnya bagaimana dan juga nilainya akan datang daripada *networth evaluation*. Sekarang katalah jumlahnya tertentu dan dengan pengambilan alih dalam tempoh kata setahun, dua tahun, tiga tahun, lima tahun dan seterusnya berapakah nilai syarikat tersebut, daripada situ kita tahulah sama ada pembelian ini satu pembelian yang menguntungkan kerajaan ataupun tidak.

Kemudian dari segi pekerjaan, apakah keuntungannya kepada negara kita, adakah ini dapat mempertahankan bilangan pekerja yang ada ataupun ramai lagi pekerja yang akan diambil alih, mungkin dengan pengambilan alih tersebut, business ini menjadi lebih besar dan lebih ramai lagi orang mendapat manfaat daripada pengambilan alih tersebut dan …

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila gulung Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Dan dari segi GDNP dan juga GNP kita dari segi keluaran dalam negara kasar dan keluaran negara kasar, bagaimana sumbangannya, berapa banyakkah nilai-nilai eksport yang akan kita perolehi yang menguntungkan negara kita dan nilai pasaran domestik yang akan kita perolehi, yang akan membuat kita tidak perlu mengimport kos makanan yang begitu tinggi.

Saya berharap maklumat-maklumat ini dapat diberi supaya kita dapat memahami tujuan kerajaan dalam pembelian Samak Aquaculture Sdn. Bhd. . Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Tumpat.

**2.45 ptg.**

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga turut terlibat dalam perbahasan Peringkat Jawatankuasa untuk P.28, P.29 dan B.30.

Sebagaimana yang kita ditunjukkan dalam kertas-kertas perintah yang diedarkan ini sebagaimana sahabat saya dari Tambun sebutkan tadi ianya melibatkan perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh Kementerian Kewangan (Perbendaharaan) dan jumlah nilainya adalah amat besar sekali.

Jika diambil sebagai contoh sahaja perbelanjaan yang dipohon untuk diluluskan ke belakang *(back dated approval),* dengan izin, ialah untuk Syarikat Malaysia Airlines System Berhad sahaja jumlah keseluruhan sebagaimana kita dimaklumkan ialah lebih kurang RM1.8 ribu juta atau RM1.8 bilion. Dari segi sektor dan subsektor sebagaimana yang ditunjukkan dalam Kertas Perintah 9 ini dibayangkan bahawa ini adalah sektor ekonomi yang merupakan untuk kertas ini 68.7% jumlah yang dipohon tambahannya. Tetapi jumlah yang besar ini untuk Malaysia Airlines Sdn. Berhad jumlah yang disebutkan oleh sahabat saya tentang Samak Akuakultur dan satu lagi jumlah RM35 juta untuk PERWAJA, erti sebenarnya bermakna bukan sangat untuk sektor ekonomi tetapi pembayaran-pembayaran ini ialah pembayaran-pembayaran *bail out* kepada syarikat-syarikat yang dipilih oleh kerajaan.

Ini yang membimbangkan saya, kalau dilihat jumlah RM1.8 bilion itu, kalau kita bandingkan bagaimana analisa ini juga jumlah yang diperuntukkan untuk

keseluruhan tahun 2001 untuk perbelanjaan pembangunan yang berjumlah sekitar RM30 bilion itu, maka RM1.8 bilion yang kita hendak beri hanya kepada satu orang, satu syarikat Malaysia Airlines jumlahnya, peratusannya pada kiraan kasar saya adalah lebih kurang 6%. Ini suatu jumlah yang amat besar yang perlu kita fikirkan dari segi prinsip kita, dari segi moral kita bagaimana hari ini kita dibawa ke meja mesyuarat di Dewan yang mulia ini suatu peruntukan yang bernilai sekitar 6% jumlah keseluruhan Belanjawan Pembangunan untuk tahun 2001, 6% sudah dibelanjakan sebegitu sahaja dan kita hari ini hanya datang untuk bercakap dan selepas itu 'me*rubberstamp*kan' apa yang sudah dibelanjakan.

Bandingkan, *[Tepuk]* bandingkan Tuan Pengerusi, misalnya jumlah yang RM1.8 bilion ini adalah lebih besar daripada peruntukan untuk Kementerian Pendidikan, lebih besar daripada Kementerian Pertahanan, lebih besar kalau dibandingkan dengan Kementerian Pertanian iaitu tiga kementerian yang terbesar yang mendapat peruntukan tiap-tiap tahun. Bandingkan RM1.8 ribu juta ini ialah nilainya lebih daripada dua kali ganda wang yang dirampas dari rakyat Terengganu yang sepatutnya diberikan melalui royalti Petronas tiap-tiap tahun. *[Tepuk]* Ini satu jumlah yang amat besar. Bandingkan pula dari segi perbandingan jumlah yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan Negeri Kelantan, Kerajaan Negeri Terengganu melalui geran-geran Persekutuan yang dipersetujui dalam Perlembagaan, yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini kadang-kadang hanya di penghujung tahun diberikan. Yang ini RM1.8 bilion baru hari ini dibentangkan ke Parlimen wangnya sudah dibelanjakan.

Jadi, saya pohon supaya pada prinsipnya mungkin kita membawa usul pindaan kepada sama ada apa yang dinamakan Akta Kumpulan Wang Pembangunan dan sebagainya supaya kena ada suatu prinsip yang mana sejumlah sebegini besar belanjawan tidak seharusnya diluluskan atau dibelanjakan dengan sebegitu mudah oleh pihak kementerian tanpa kelulusan terdahulu oleh Dewan yang mulia ini.

Saya mencadangkan supaya jumlah yang boleh dibelanjakan oleh kerajaan sebelum diluluskan oleh Dewan yang mulia ini mestilah dihadkan, jumlah masa daripada wang itu dibelanjakan kepada sidang ini dipanggil untuk meluluskannya pun mesti ada hadnya supaya di masa-masa yang lain perbelanjaan yang sebegini besar tidak dengan semudah itu dibelanjakan oleh kerajaan dan hari ini kita hanya bekerja untuk 'me*rubberstamp*kan' apa yang sudah diputuskan itu.

Secara detailnya saya ingin bertanya secara khusus berkaitan dengan MAS itu sama ada adakah tidak baiknya dari segi pembayaran yang dilakukan. Pertamanya saya perhatikan sebagaimana yang ditulis di sini bahawa sejumlah RM179,200,000 iaitu 10% mengikut ini pembayarannya telah pun dibuat pada tahun 2000. Yang kita tahu ialah pembeliannya berlaku hanya sebulan dua ini dalam tahun 2001 bulan Mac dan sebagainya. Bagaimana pula dalam tahun 2000 sudah pun dibayar 10% yang berjumlah RM179,200,000 itu, soalan pertama.

Soalan kedua, sebagaimana kita dilaporkan syarikat ini atau tuan punya Syarikat MAS ini Naluri Berhad memperolehi hasil daripada pembayaran ini suatu keuntungan yang amat besar sekali. Ini sudah pun dibangkitkan dalam perbahasan sebelum ini, yang saya ingin tahu ialah kenapa kalau kita tahu ini akan memberi keuntungan yang sebegitu besar kepada pihak Naluri Berhad hasil jualan MAS ini, kenapakah kita bayar pertamanya mendahului tempoh pembelian yang kita dimaklumkan iaitu 10% sudah dibayar dalam tahun 2000.

Keduanya kalau kita tahu ini adalah merupakan suatu keuntungan dalam bentuk bail out yang sebegitu besar dan lucrative dengan izin, kepada tuan punya syarikat ini asalnya kenapakah kita tidak membayar pembayaran ini secara beransur-ansur iaitu sebahagiannya tunai dibayar dahulu dan yang selebihnya, mungkin separuh kalau kita persetujui harga ini pun dibayar pada tahun-tahun yang akan datang ini. Tidak seperti yang dilakukan 10% sebelum pun diumumkan pembelian dan yang 90% itu dibayar dengan segera.

Ini saya fikir adalah satu pengendalian kewangan negara yang amat tidak baik sekali dan menunjukkan bentuk pilih kasih yang amat jelas yang dijalankan oleh kerajaan ini.

Seterusnya saya ingin beralih kepada perkara berkaitan dengan Samak Akuakultur Sdn. Berhad ……

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, hendak beri jalan?

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Ya.

**Tuan Lim Hock Seng:** Berkenaan dengan saham yang dibeli daripada MAS. Tan Sri Tajuddin Ramli dalam satu sekular kepada small holder MAS telah berkata bahawa kerajaan tidak mengupah jurunilai bebas yang bertauliah untuk membuat analisa berkenaan dengan penilaiannya dan ada mereka yang membuat keputusan

untuk membeli saham MAS ini di mana 117% tinggi dari harga pasaran. Adakah pegawai-pegawai yang membuat keputusan ini mungkin menyalahkan salah guna kuasa atas criminal breach of trust dan boleh didakwa atas kesalahan ini?

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Tuan Pengerusi, saya fikir pandangan Yang Berhormat bagi Bagan itu amat baik sekali dan perlu kita bawa kepada sudut-sudut dan tahap yang seterusnya untuk memastikan bahawa tidak ada dengan izin, criminal breach of trust di kalangan pegawai-pegawai yang terlibat.

Dalam dunia penerbangan heboh diperkatakan sekarang ini bahawa ada satu penyakit yang dialami oleh penumpang-penumpang terutamanya di kelas ekonomi, penyakit ini dipanggil *'economy class syndrome'* kerana mereka duduk di kerusi yang sempit dan oleh itu berlaku pembekuan darah dan melibatkan kematian yang ramai juga di kalangan penumpang-penumpang *'economy class syndrome'* ini. Dalam kes…….

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila gulung Yang Berhormat. Sila gulung ya.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** *[Ketawa]* …dalam kes MAS ini Tuan Pengerusi, bukan sahaja ada masalah penyakit *'economy class syndrome'* nampaknya ada pula penyakit *'first class syndrome'* iaitu hanya seorang sahaja penumpang iaitu tuan punya syarikat ini diberi keistimewaan yang begitu hebat dan lumayan sekali sehinggakan keuntungan daripada jualan ini adalah melebihi – pada pengumuman beliau sendiri RM700 juta yang beliau tidak gunakan wang itu, syarikatnya hanya simpan dalam deposit akaun dan mendapat keuntungan-keuntungan tetap daripada simpanan tetap tersebut.

Jadi, saya ingin beralih dengan segera kepada ……

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa sudah habis Yang Berhormat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, terima kasih. Batang Lupar.

**2.55 ptg.**

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga ingin bertanya dengan pihak kementerian berhubung dengan dua perkara ini iaitu Samak Akuakultur Sdn. Berhad dan pengambilalihan oleh pihak kerajaan dengan RM45,321,452.

Jadi, ini adalah angka yang boleh dikatakan besar dan kita tidak mengetahui secara menyeluruh apakah tujuan sebenar kerajaan mengambil alih syarikat ini dan kenapakah kerajaan mesti melibatkan diri dalam satu bidang yang mana mungkin kerajaan tidak mempunyai kemahiran dan kepakaran yang mana pihak luar telah tidak berjaya.

Jadi, kita ingin penjelasan daripada kementerian apabila Samak Akuakultur ini nanti diambil alih, adakah pihak kerajaan sendiri akan mengendalikan usaha dalam Samak Akuakultur ini? Kalau ya, apakah program pembangunan kerajaan adakah program pembangunan akuakultur ini sebagaimana latar belakang yang kita tahu ialah untuk menternak udang harimau dan menternak udang harimau ini sebenarnya kalau daripada segi udang itu banyak perkara yang boleh kita buat daripada segi teknologi hiliran dan sebagainya.

Banyak penyelidikan yang dibuat di negara-negara yang maju dalam segi pertanian dan akuakultur mempunyai pendapatan-pendapatan yang lumayan daripada segi hiliran. Adakah kementerian sudah mempunyai maklumat-maklumat ini dan pertemuan-pertemuan yang boleh dimajukan bersama dengan akuakultur ini nanti.

Jadi, kalau kerajaan tidak mempunyai kepakaran dalam melaksanakan usaha ini apakah rancangan kerajaan, adakah kerajaan akan menjual semula syarikat ini nanti supaya diberi kepada pihak yang mengetahui macam mana untuk mengendalikan usaha menternak udang ini supaya boleh mendatangkan pendapatan yang lumayan bukan sahaja kepada pihak yang berkenaan tetapi juga kepada negara dan tidak merugikan kerajaan. Kerana saya bimbang kerajaan tidak mempunyai kepakaran dan tidak boleh mengusahakan perkara ini secara menyeluruh, secara total bukan sahaja daripada usaha menternak udang tetapi juga macam mana hendak membuat industri hiliran berhubung dengan udang ini. Kalau ya, kalau pihak yang tertentu diberi mengambil alih daripada kerajaan nanti, adakah kerajaan memberi galakan-galakan lain umpamanya boleh mengeksportkan udang ataupun anak udang dan sebagainya? Apakah R&D yang boleh dibuat dalam segi industri berhubung dengan penternakan udang di Samak Akuakultur ini?

Jadi, Tuan Pengerusi, saya ingin berpindah kepada pembelian saham MAS. Ini juga amat banyak diperbincangkan kerana jumlah kewangan yang diguna memang begitu besar sekali. Sudah ramai kawan yang menyebut tadi seperti Yang Berhormat bagi Tambun telah mengulas dan bertanya bermacam-macam soalan.

Jadi, saya tidak membangkitkan persoalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tetapi persoalan yang saya ingin tanya ialah satu persoalan sahaja berhubung dengan kerjasama pihak MAS dengan syarikat-syarikat penerbangan lain di luar negara. Sebagai misalan, umpamanya kerjasama kita dengan *Virgin Atlantic,* usaha sama kita dengan *American Airlines* dan banyak lagi usaha sama kita dengan syarikat-syarikat ini. Persoalannya, apakah keuntungan yang kita dapati atas kerjasama kita ini?

Saya dapati ada kerjasama ini menunjukkan berat sebelah. Iaitu memberi keuntungan kepada pihak yang lain dan tidak memberi keuntungan kepada pihak MAS. Jadi, MAS sudah diambil alih oleh pihak kerajaan umpamanya, adakah kerajaan berkemampuan untuk melihat semula perjanjian-perjanjian kita dengan pihak-pihak syarikat ini untuk kita *review* semula segala syarat-syarat perjanjian kita itu.

Dan, satu lagi, saya ingin bertanya dengan pihak kementerian, sebagai menjawab persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh pihak rakan kita daripada pembangkang iaitu apakah implikasinya kalau MAS ini jual sahaja dengan pihak lain? Apakah implikasinya kepada:

(i) Persoalan lapangan terbang, umpamanya, Lapangan Terbang KLIA. Kalau MAS di serah kepada pihak lain – asing, dan pihak asing akan mengendalinya dan pihak asing boleh mengalihkan tempat sebagai pejabat MAS, ke tempat lain, umpamanya, apakah implikasi kepada KLIA dan lapangan-lapangan terbang lain di negara ini; dan

(ii) apa implikasi kepada perkhidmatan domestik kita, yang mana kita percaya tidak mendatangkan keuntungan terutama yang di luar-luar bandar dan di dalam pedalaman Sabah dan Sarawak. Apakah implikasinya?

Ini perlu diberi penjelasan kepada pihak umum, bukan sahaja kepada pihak kerajaan tetapi juga kepada pihak lawan dan juga masyarakat keseluruhannya supaya tidak menjadi tanda tanya, kenapa pengambilalihan ini oleh pihak kerajaan mesti dibuat dan kenapa tidak dijual kepada orang lain saja. Kalau orang lain yang mempunyai kepakaran dan kemampuan untuk mengendalikannya, sebagaimana yang telah dicadangkan, kalau kita jual dengan pihak asing mungkin pihak asing itu boleh menarik pelancong datang ke Malaysia tetapi di sebalik boleh menarikan

pelancongan ke Malaysia, apa implikasinya kepada domestik kita dan apa implikasinya kepada lapangan-lapangan terbang dan pembangunan-pembangunan infrastruktur pengangkutan, terutama sekali berhubung dengan pengangkutan udara di negara ini.

Jadi, ini perlu diberi penjelasan dengan jelas oleh pihak kerajaan supaya tidak meragukannya. Kalau selagi mana penjelasan ini tidak dibuat, sentiasa ini akan menjadi tanda tanya.

Jadi, Tuan Pengerusi, soal MAS ini…, saya memang minat dengan MAS, Tuan Pengerusi. Petang ini pun saya hendak balik, tidak ada tiket kapal terbang, balik ke Sarawak. Dua penerbangan pukul 5.00, satu lagi 5.15 menerusi Singapura, semua sudah penuh. Mengikut laporan yang baru saya terima petang ini juga mengatakan kalau *business class*, pukul 5.00, 15 orang sudah *waiting list* tetapi duduk *business class* hanya, kalau tidak salah saya 12 orang *[Disampuk]* 16 orang.

Jadi, yang menerusi Singapura pun sudah penuh juga. Jadi, saya selalu minta, sekarang saya meminta dengan kerajaan sekali lagilah, penerbangan pukul 5.00 dan pukul 8.00 ini, berilah kapal terbang yang besar sikit. Janganlah guna 737, kalau tidak dapat guna 747, gunalah kapal terbang yang pertengahan. Belilah yang lain, untuk Sarawak, Sabah dan Kuala Lumpur ke Sabah, Kuala Lumpur ke Sarawak, gunakan mungkin 777, kapal terbang yang canggih, lebih canggih lagi daripada apa yang kita ada sekarang.

Jadi, dengan keadaan sedemikian banyaklah lagi tempat duduk, sekurang-kurangnya orang tidak tertunggu-tunggu. Ramai orang daripada Semenanjung hendak pergi ke Sarawak pada hujung minggu ini, orang daripada Sarawak hendak balik ke Semenanjung pada hujung minggu, jumpa anak saudara mereka, tidak dapat. Jadi, ini perlu dilihat juga, ini soal integrasi.

Persoalan kewangan *dollar and cent* itu memang penting, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila gulung, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya gulung ini. *Dollar and cent* ini memang penting, Tuan Pengerusi tetapi yang lebih penting itu ialah perpaduan rakyat Malaysia, perhubungan di antara orang Sabah, Sarawak ke Semenanjung, orang Semenanjung ke Sabah dan Sarawak.

Jadi, oleh kerana kos ini meningkat, saya ingat perlu dilihat dalam segi totalnya, walaupun di tempat lain dinaikkan tetapi di Sarawak, Sabah itu sekurang-kurangnya ke Kuching dan Kota Kinabalu, janganlah dinaikkan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, saya bagi ini Bukit Mertajam.

**3.05 ptg.**

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga ingin mendapat penjelasan mengenai Samak Aquaculture Sdn. Bhd. ini, seperti yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Tambun kerana rasanya kerajaan telah banyak mengambil balik syarikat-syarikat yang saya rasalah, ini mestilah syarikat yang telah rugi banyak. Saya harap nanti kalau Timbalan Menteri yang memberi jawapan, saya harap beliau akan memberi jawapan yang tepat dan juga yang lengkap. Janganlah nanti dia tidak mahu jawab, dia duduk dan kalau kita minta, kita dihalau keluar pula. Saya harap kejadian yang tidak seronok ini, tidak akan berlaku lagi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak apa, Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Tuan Pengerusi, hari ini di dalam surat khabar mengatakan bahawa kita dapati penasihat-penasihat kewangan kepada negara, mengatakan bahawa pembelian saham MAS ini adalah perlu kerana 22,000 pekerja akan terjejas kalau kerajaan tidak menyelamatkan MAS ini tetapi apabila Menteri Kewangan memberi jawapan di dalam Dewan, beliau tidak memberi alasan ini.

Jadi kita tidak tahu, adakah sekarang Penasihat Kewangan Negara dan Menteri Kewangan ini, masing-masing ada alasan yang berlainan, dan mana satu yang betul? Adakah alasan Menteri Kewangan yang diberitahu di Dewan ini yang betul ataupun alasan Penasihat Kewangan Negara yang diberitahu di luar Dewan ini, di mesyuarat cawangan UMNO itu yang betul. *[Disampuk]* Ataupun dua-dua tidak betul. *[Ketawa]* Saya rasa mungkin dua-dua tidak betul.

Tuan Pengerusi, kalau betul-betul 22,000 pekerja ini akan terjejas, kami di pihak sini pun akan sokong tetapi kita tidak pasti adakah itu alasannya kerana Menteri Kewangan di dalam Dewan ini tidak cakap begitu. Jadi, kami ragu-ragu, adakah betul-betul 22,000 pekerja ini akan terjejas ataupun Tajuddin Ramli yang akan terjejas kepentingannya.

Ataupun orang yang di belakang Tan Sri Tajuddin Ramli. *[Disampuk]* Siapa orang ini? Ini mestilah orang yang sangat besar di dalam negara ini. Adakah ini Tun Daim sendiri ataupun Perdana Menteri sendiri? Kita perlu tahu kerana ini merupakan di dalam Dewan ini kita seolah-olahnya tidak mendapat jawapan yang benar, jawapan yang tepat seperti yang diberitahu.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Penjelasan.

**Puan Chong Eng:** Ok.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya. Tanjong.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Tuan Pengerusi, setujukah Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bahawa memandangkan Yang Berhormat kata ada orang besar di belakang Tajuddin Ramli, setujukah Yang Berhormat bahawa kerajaan tubuhkanlah satu suruhanjaya atau Jawatankuasa Siasatan untuk mencari siapakah di belakang Tajuddin Ramli ini.

**Puan Chong Eng:** Ya. Tuan Pengerusi, saya memang setuju kerana kalau Kerajaan Barisan Nasional yang katakan telus, yang dikatakan bertanggungjawab, yang mengatakan *accountable* maka dia perlulah mengadakan satu suruhanjaya untuk menyiasat tetapi kerajaan ini selalu mengelak hendak mengadakan suruhanjaya dan saya tidak tahu adakah kerajaan ini takut, mungkin kerana takut kepada kebenaran kerana dalam peristiwa bekas Timbalan Perdana Menteri, Dato' Sri Anwar Ibrahim, semasa dia dipukul, matanya lebam, dikatakan dia pukul sendiri tetapi apabila disiasat oleh suruhanjaya, orang lain yang pukul dia. Itulah, kalau ada suruhanjaya bebas, akan ada kebenaran, itulah yang ditakutkan oleh Kerajaan Barisan Nasional sekarang *[Tepuk]*

Dan, Tuan Pengerusi, Tajuddin Ramli ini memang ada laporan polis oleh Dato' Sri Anwar Ibrahim mengatakan bahawa dia adalah pemegang ataupun *proxy* kepada Tun Daim dan juga untuk memegang saham-saham UMNO, ini menunjukkan bahawa ada kepentingannya. Itulah alasan ini tidak diberitahu. Dan, kami hendak tahu alasan yang sebenarnya yang kita semua rakyat menunggu kebenaran. Inilah masalah Kerajaan Barisan Nasional khasnya UMNO sekarang yang takut kepada kebenaran.

Oleh sebab itu, kami hendak tahu …

**Tuan Chow Kon Yeow:** Penjelasan lagi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tanjong berdiri, ya.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tahukah Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bahawa mengapa Menteri Kewangan tidak hadir untuk menjawab perkara -perkara berkenaan dengan pembelian saham MAS ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Itu tidak apa ya, Yang Berhormat. Yang Berhormat.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Saya dengar bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan ini sudah ambil cuti, untuk buat apa ini?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak apa, Yang Berhormat. Yang Berhormat.…

**Tuan Chow Kon Yeow:** Mengelak dari memikul tanggungjawab atau apa?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak usah buat tuduhan begitu, Timbalan Menterikan ada.

**Puan Chong Eng:** Tuan Pengerusi, saya pun dengar begitu juga dan saya pun telah dengar, ada khabar angin mengatakan Gabenor Bank Negara, sebenarnya juga hendak berhenti kerja kerana dia tidak bersetuju dengan apa yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Khabar angin itu, Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Saya tidak tahulah. Itulah saya kata ini khabar angin. *[Disampuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Bila khabar angin itu, memang tuduhan, Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Menteri boleh beritahulah tetapi yang dikatakan, kalau tidak ada api, tidak ada asap. *[Ketawa]* Itulah, mengapa orang tidak katakan Bukit Mertajam akan meletak jawatan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tetapi khabar angin janganlah digunakan sangat, Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Tetapi katakan Gabenor Bank. Itu pasti ada sebabnya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masuk tajuk lain, Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Ada rokok ada asap.

**Puan Chong Eng:** Ya, ada rokok ada asap *[Ketawa]* Dan, itulah kami harap juga diberitahulah di Dewan ini, sama ada betul bahawa Menteri Kewangan ini mengambil cuti 3 bulan. Adakah itu betul atau tidak? Supaya semua rakyat tahu,

manakah kita punya Menteri Kewangan, itu perlu... *[Disampuk]* Ini adalah perkara biasa kalau beliau ambil, ambil cutilah, tidak ada apa-apa.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Apa, Yang Berhormat? Ini perkara lain ini. Ini tidak masuk dalam ini.

**Puan Chong Eng:** *[Ketawa]* Ini adalah tentang kewibawaan kerajaan ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masuk yang lain, Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Itu yang lain. Tidak apa. Kita alihkan tajuk yang lainlah ya. Jadi, saya harap bahawa kita dapat penjelasan yang tepat kepada soalan. Memang ini Dewan yang mulia dan kalau Ahli-ahli Parlimen tidak dapat jawapan yang tepat dan betul di dalam Dewan ini, di manakah kita akan cari jawapan? Dan, apakah fungsi Dewan ini, kalau ia tidak diberi jawapan dan apakah tanggungjawab Menteri kalau mereka ada hak tidak menjawab kepada soalan?

Dan, saya tidak tahu itu mengikut peraturan yang mana dan juga kalau mereka ada hak tidak memberi jawapan di dalam Dewan ini, mereka juga ada hak untuk tidak datang ke Dewan ini. Adakah kita ini semua hendak *endows* kan perkara ataupun kelakuan yang tidak bertanggungjawab ini. Saya rasa kita perlulah dua-dua pihak, bukan hanya pihak pembangkang yang bekerja bersungguh-sungguh dan hendak menyuarakan persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh pengurusan kerajaan.

Oleh sebab itu, saya harap Tuan Pengerusi akan tolong mengarah nanti supaya Timbalan Menteri memberi jawapan yang betul dan jawapan yang lengkap.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ini Kubang Kerian. Lepas ini nampaknya Timbalan Menteri kena jawablah.

**3.15 ptg.**

**Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, teruskan dahulu. Nanti saya fikirkanlah, tidak mengapa.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya hendak cuba, saya hendak cuba. Terus, teruslah Kubang Kerian, ini masa.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Bismillah, alhamdulillah, wassalatu wassala wa'ala rasulillah.

Pada masa kita membahaskan peruntukan tambahan bagi Kementerian Kewangan, Menteri Kewangan telah pun berlepas ke luar negara semalam dan saya dimaklumkan Perdana Menteri telah pun mengumumkan bahawa Menteri Kewangan bercuti untuk dua bulan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak apalah cuti dia itu. Terus, terus.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Kubang Kerian, saya hendak tanya ini. Cuti satu perkara tetapi kenapa tiga kali tidak hadir Mesyuarat Kabinet dan katanya hempas fail dalam Mesyuarat Kabinet, kemudian cuti pula dua tiga bulan, apa hendak jadi ini Kerajaan Barisan Nasional ini?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, ini tidak masuk tajuk Yang Berhormat. Janganlah kita memanjangkan benda yang tidak masuk tajuk sebab hendak bertanggungjawab ada Timbalan Menteri. Jadi, kita tidak usahlah panjang-panjangkan. Teruskan.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ini adalah gambaran daripada kedudukan ekonomi negara kita yang berserabut dan kita boleh melihat dan menganalisa perkara ini. Sebagai contoh apabila timbul isu *repegged* Ringgit. Yang membuat kenyataan ialah bukan Menteri Kewangan tetapi orang lain. Saya ingin bercakap dalam isu berkaitan dalam suasana ekonomi dan politik negara pada hari ini.

Pada saya pembelian saham MAS adalah satu skandal dan perlu kepada satu badan untuk membongkar semula harga yang telah dibayar kepada MAS dengan RM8 satu saham oleh kerana beberapa sebab yang saya akan sebutkan sekejap nanti.

Harga ini bukan sahaja mahal dan saya telah bincangkan sebelum ini bahawa kerajaan yang paling penting sekali tidak pernah melantik penilai bebas. Ini yang paling penting sekali, yang paling mustahak sekali, yang paling jelas sekali membuktikan bahawa ada niat yang tidak baik dengan pembayaran semahal ini.

Dalam kes Mirzan menjual sahamnya dalam konsortium perkapalan, Dato' Seri Anwar Ibrahim pada waktu itu menjadi Menteri Kewangan telah melantik Chase Manhattan Bank untuk membuat penilaian dan harganya telah diturunkan kepada USD313 juta, separuh daripada harga yang telah ditawarkan oleh Mirzan. Dalam kes ini, tidak ada pelantikan dibuat dan saya telah sebutkan dalam laporan

kewangan yang telah dibentangkan oleh Naluri dalam mesyuarat agung khas mereka , dengan hitam putih disebut tidak ada penilai bebas pernah dilantik.

Apabila penilai bebas tidak dilantik, harga boleh ditentukan sesuka hati dan saya telah sebutkan dalam Dewan ini bahawa NTA (nett tangible asset) MAS mengikut akaun yang telah dibentangkan berakhir 31 Mac 2001 hanya RM1.23 dan menanggung hutang RM9 bilion. Selain daripada itu, kedudukan pengurusan MAS mesti dinilai semula apa yang telah berlaku kepada MAS sehingga membawa kerugian yang dijangka pada tahun ini adalah RM900 juta dan untuk tahun 2000 ialah RM600 juta.

Walaupun pada tahun 1994 atau 1995, MAS mencatat keuntungan buat pertama kali selepas penswastaan tetapi ini di bawah *extra ordinary items* iaitu hasil jualan pesawat MAS, bukan hasil daripada keuntungan operasi. Ini mesti diperhatikan. Saya katakan bahawa dalam kes Perwaja, Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku Menteri Kewangan telah melantik Price Waterhouse untuk membuat satu semakan dan penilaian dan laporan ini telah dibentangkan dalam Parlimen.

Mengapa dalam kes MAS yang telah membawa kerugian kewangan yang begitu besar kepada negara, satu syarikat ataupun firma macam Price Waterhouse tidak boleh dilantik. Saya akan berikan tiga contoh kesilapan yang telah wujud di dalam MAS.

Yang pertamanya ialah pelantikan firma insurans. Daripada manakah MAS melanggan insurans mereka? Daripada sebuah syarikat yang didaftarkan di Cayman Island, satu pulau kecil di Atlantik.

Tan Sri Tajuddin telah mendaftarkan satu anak syarikat di bawah Naluri Berhad, satu syarikat insurans di Caymen Island dan MAS melanggan insurans daripada syarikat ini dengan harga yang berlipat kali ganda lebih mahal daripada premium insurans biasa. Itu satu contoh.

Contoh lain ialah catering yang dibekalkan oleh MAS Caterer yang sebahagian daripada sahamnya ialah dimiliki oleh Naluri melalui anak syarikatnya. Tiap-tiap satu penerbangan, dibekalkan dengan makanan ataupun hidangan mengikut bilangan kerusi penerbangan ataupun kapal terbang, bukan mengikut bilangan penumpangnya (passenger). Kalau kapal terbang itu kosong mesti di*supply* untuk bilangan *seat* dia dan ini tentu mengakibatkan kerugian. Ini yang kita kata MAS sebagai ibu ataupun induk syarikat ini mengalami kerugian - kurus, yang gemuk adalah anak-anaknya.

Jadi, ini perlu disiasat oleh satu firma khas. Saya tidak kata bahawa laporan saya mesti disahkan di sini tetapi saya berharap jika kerajaan kata dia ada *standing* yang kukuh, ada kedudukan moral yang kukuh, integriti yang kukuh, satu badan macam Price Waterhouse yang pernah dilantik oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim menyiasat perjalanan MAS.

Satu contoh lain ialah pengkomputeran (computerization) juga telah diswastakan kepada satu anak syarikat yang juga sebahagian sahamnya dimiliki oleh Tan Sri Tajuddin. Jadi, seluruh sistem pengkomputeran MAS sekarang dimiliki oleh satu syarikat lain sama sekali. Ini sebagai satu contoh dan jika kita lihat kita katakan Penasihat Ekonomi, kita ada banyak penasihat ekonomi sekarang dan pelantikan Tan Sri Ali Abol, saya telah persoalkan semalam, tidak boleh dilantik sebelum BPR mengesahkan ia bebas kerana kenyataan ini dibuat oleh bekas Ketua Pengarah BPR dalam perbicaraan di mahkamah bahawa BPR pernah menyiasat Tan Sri Ali Abol dan BPR belum mengeluarkan satu kenyataan bahawa beliau bebas daripada tuduhan rasuah tetapi kerajaan…..

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak ada kaitan Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** .. telah pun…

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak ada kaitan Yang Berhormat. Cakap yang lain.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Tuan Pengerusi kata tidak berkait…

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** …. tetapi ini adalah satu gambaran keseluruhan. Jika sekiranya orang macam ini boleh dilantik, apa integriti kita dan kita boleh kata bahawa *transaction* MAS ini adalah sah dan telus, adalah dilakukan secara yang berhemah. Itu hujah saya.

Dalam kes kakitangan, kakitangan MAS apabila Tan Sri Tajudin ambil alih MAS telah diberikan kontrak lima tahun daripada jawatan tetap dan berpencen. Kita boleh ingat bagaimana Tan Sri Abdul Aziz selaku pegawai awam telah dapat membina MAS menjadi satu empayar penerbangan walaupun pada waktu itu MAS masih sebagai satu syarikat kerajaan. Tidak timbul apabila syarikat kerajaan, mereka tidak boleh berprestasi dengan baik dan cemerlang. Tan Sri Abdul Aziz telah pun membuktikan dengan kegigihan beliau yang telah membawa MAS

mencapai kedudukan yang cemerlang sebelum MAS diswastakan dan apabila MAS diswastakan, semua stafnya diberi kontrak lima tahun.

Apabila mereka ingin memperbaharui kontrak mereka selepas kontrak lima tahun ini tamat, gaji permulaan mereka balik kepada gaji asal tahun yang pertama dan ini telah menjatuhkan moral dan saya telah sebutkan bagaimana keadaan jurutera tidak cukup di MAS sehingga satu penerbangan di Auckland terpaksa dibatalkan kerana jurutera ini telah melepaskan penerbangan ini tanpa pemeriksaan dua orang jurutera yang sepatutnya berlaku. Ini satu contoh yang mudah.

Jadi, satu badan penyiasat ini mesti ditubuhkan. Badan penilai ini mesti ditubuhkan. Kecuaian pengurusan masa lalu mesti didedahkan dan harga yang telah dibayar mesti dinilai semula. Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Tumpat dalam laporan kewangan Naluri telah disebut bahawa setiap tahun atas kadar 2.8% *fix deposit* di bank, Naluri akan mendapat keuntungan RM24 juta setahun. RM800 juta telah dilaburkan selepas mereka menolak pinjaman sebanyak lebih kurang RM800 juta.

Jadi, satu keuntungan yang begitu mudah dalam sekelip mata. Jika kita kaitkan perkara ini dengan Perwaja umpamanya, Timbalan Menteri Kewangan pernah sebut dalam Parlimen ini bahawa sebelum daripada kerajaan meneruskan operasi Perwaja dengan lebih lanjut, kerajaan perlu menerima laporan daripada satu badan yang telah dilantik iaitu 'As Afkin' iaitu lebih kurang 8 bulan yang lalu dan mereka telah berjanji dalam tempoh empat hingga enam bulan, satu laporan akan dibuat. Tetapi sampai hari ini tidak ada laporan itu. Tetapi setiap tahun kita memberikan peruntukan untuk Perwaja.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah sebut bahawa dengan AFTA dan WTO, masa hadapan Perwaja adalah sangat gelap dari segi industri besi di Malaysia tetapi sampai hari ini kerajaan tidak memutuskan apakah kedudukan Perwaja. Ini semua akan membawa beban kewangan kepada negara kita dan sebab itu saya hendak kaitkan bahawa penyeliaan Kementerian Kewangan sendiri adalah bercelaru.

Sebagai satu contoh di bawah Khazanah. Semua pelaburan kerajaan dibuat melalui Khazanah. Sehingga hari ini, selepas saya bertungkus-lumus untuk menyenaraikan semua syarikat di bawah Khazanah, tidak habis-habis dan sebagai satu contoh saya hendak tunjukkan bagaimana kelemahan penyeliaan ini dalam …

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah contoh, sudah banyak Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah itu. Sila gulung. Sila gulung.

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih. Tadi Yang Berhormat katakan tidak ada laporan. Saya pun hendak minta penjelasan ataupun pandangan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Kita pun belum lagi menerima laporan KWAP yang sepatutnya diberi kepada Dewan ini tiap-tiap tahun dan hari itu Timbalan Menteri Kewangan kata dia akan beri kepada Dewan tetapi sampai hari ini pun belum dan juga laporan MTEN2 ini, kita pun masih belum menerima. Kerajaan telah membelanjakan banyak….

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

**Puan Chong Eng:** ….mengapa tidak ada laporan ini?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah habis Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Saya merujuk kepada B.29, Butiran 021800 - Bayaran Pampasan Bagi Pemansuhan Duti Import dan Eksais - dalam masa satu minit Tuan Pengerusi. Saya tidak sempat jawab Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, saya minta maaf kerana kita dalam keadaan rusuhan masa. Petronas, telah pun menamatkan kontrak pembekalan gas kepada Tenaga Nasional Berhad dijangka tamat pada tahun ini. Saya yakin bahawa harga baru gas adalah akan dinaikkan. Saya tidak sempat membahaskan perkara ini dengan lebih lanjut termasuk kedudukan pelaburan Petronas dalam kawasan MTJDA dengan PTT (Petroleum Of Thailand) yang telah pun dibatalkan oleh pihak kerajaan Thailand - kilang pemprosesan gas di Songkla. Saya berharap bahawa kedua-dua isu ini dapat dikaji semula dan dapat penjelasan dalam Dewan ini apakah kesannya kepada rakyat kita terutama kepada tarif elektrik yang mungkin akan naik berikutan daripada perjanjian semula pembekalan gas oleh Petronas. Saya ada dua minit lagi Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sudah habis. Itu sudah lebih.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Saya orang terakhir ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak apa.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Saya pohon lima minit lagi. *[Disampuk].*

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Perkara penting untuk negara.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Boleh dua minit lagi?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dalam Rancangan Malaysia Kelapan esok boleh cakap lagi Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Peruntukan di bawah perkara-perkara ini adalah besar. Tuan Pengerusi, ada satu isu lain yang belum disebut di bawah perkara ini, Tuan Pengerusi. Boleh sambung sikit lagi ya? *[Disampuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat Batu Gajah bukan Pengerusi.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Akhir sekali saya ingin dapat tahu akhir sekali Tuan Pengerusi saya mohon maaf. Petronas telah membina KLCC dan belanja maintenance KLCC ialah RM40 juta bagi setahun dan sewa KLCC ialah RM9 satu kaki persegi yang dibayar oleh Petronas. Kita ada 218,000 meter persegi bagi menara pertama Petronas yang dengan kadar ini mungkin Petronas membayar sewa tahunan dalam RM250 juta. Saya ingin tahu apakah rasional bagi kedudukan ini?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, cukuplah.

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Timbalan Menteri menjawab. *[Beberapa ahli mempertikai keputusan Pengerusi]*. Dia janji itu lain, tiga di sini tiga di sana. Jadi, dulu janji itu begitu. Jadi kalau tidak ada di sana bercakap saya kira Timbalan Menteri menjawablah. Tidak apa kalau ada apa boleh minta penjelasan kalau itu pandangan saya. *[Disampuk].* Tidak apa. Boleh. Yang Berhormat apa kepala pun boleh sentuh Yang Berhormat mengenai dengan perbendaharaan. Saya minta maaf duduk Yang Berhormat boleh minta penjelasan kepada Timbalan Menteri. Sila jawab Timbalan Menteri.

**3.27 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kepada lima Ahli Yang Berhormat bagi Tambun, Tumpat, Kubang Kerian, Batang Lupar dan juga Bukit Mertajam yang telah sudi mengambil bahagian dalam perbahasan belanjawan tambahan bagi kementerian kewangan di peringkat jawatankuasa. Ada tiga empat perkara yang telah pun disentuh oleh beberapa Ahli Yang Berhormat khususnya tentang pembelian saham MAS, pengambilalihan projek Samak Aquaculture dan juga Perwaja yang telah pun disentuh oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Sungguh pun sudah banyak dijawab dalam Dewan yang mulia ini tentang isu pembelian saham MAS tetapi saya masih hendak mengambil kesempatan di sini untuk sekali lagi menjelaskan di sini bahawa keputusan kerajaan untuk membeli saham MAS daripada Naluri Berhad bukannya, dengan izin, bail out seperti yang dikatakan oleh saudara saya dari Tumpat. Di sebaliknya pembelian tersebut dibuat atas kepentingan negara.

MAS mula mengalami kerugian selepas cukai sebanyak RM256.6 juta seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Tambun dalam tahun kewangan 1997, 1998 dan seterusnya sepanjang RM255.7 juta dalam tahun kewangan 1999 dan tahun 2000. Kerugian ini disebabkan antara lain oleh kadar tukaran asing, kos bahan bakar yang meningkat secara mendadak dan juga kadar tambang yang rendah bagi sektor domestik yang membawa kerugian bagi sektor berkenaan. Keadaan ini boleh menjejaskan kedudukan kewangan MAS dan prestasinya di BSKL. Kerajaan tidak mahu melihat MAS yang diterajui oleh Naluri Berhad terus merosot dan menjejaskan ekonomi. Oleh yang demikian, pembelian MAS adalah satu tindakan yang wajar bagi memastikan kepentingan negara tidak dikompromi.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Dato' Chan Kong Choy:** Biarkan saya jawab sekali MAS, selepas itu saya akan memberikan kepada Yang Berhormat. Menurut maklumat yang diterima ada terdapat pihak asing seperti mana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini bahawa memang terdapat pihak asing yang berminat untuk membeli saham MAS yang dimiliki oleh Naluri Berhad. Pembelian saham MAS adalah bagi mengelakkan saham ini terjatuh ke dalam tangan pihak asing di mana ia akan mendatangkan banyak implikasi seperti mana yang dikatakan

oleh Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Harga yang dibayar oleh kerajaan pada RM8 sesaham adalah lebih tinggi daripada harga pasaran kerana pegangan saham MAS oleh Naluri Berhad adalah merupakan, dengan izin, *controlling plot*.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Dewan yang mulia ini bagi tahun kewangan 1993/1994, MAS mencatatkan keuntungan selepas cukai sebanyak RM8.4 juta dan meningkat kepada RM334 juta bagi tahun kewangan 1995 dan 1996. Walau bagaimanapun, ekoran daripada kegawatan ekonomi MAS mula mengalami kerugian selepas cukai sebanyak beberapa angka yang saya telah berikan kepada Dewan yang mulia ini dan sebab-sebabnya saya juga telah memberikan kepada Dewan yang mulia ini. Berhubung dengan hutang MAS ingin saya memaklumkan bahawa sebelum Naluri mengambil alih teraju MAS jumlah hutang adalah sebanyak RM6,632.4 juta dan kini jumlah tersebut meningkat kepada RM9,520 juta kerana pembelian pesawat tambahan. Namun demikian, daripada segi aset dalam bentuk jumlah pesawat ia telah meningkat daripada 73 buah pesawat sebelum pengambilalihan oleh Naluri kepada 82 buah apabila kerajaan mengambil alih MAS. Jumlah aset MAS pada 31 Disember 2000 adalah RM11.44 bilion. Jumlah destinasi MAS telah meningkat daripada 88 pada akhir tahun 1994 kepada 108 pada akhir tahun 2000. Kekerapan penerbangan juga meningkat daripada 80 sehari kepada 130 penerbangan sehari dalam tempoh yang sama. Selain daripada itu sejak kerajaan mengambil alih MAS Kerajaan Britain seperti mana yang telah pun diumumkan kepada Dewan yang mulia ini dalam membenarkan MAS menambah empat lagi penerbangan ke London.

Saya setuju dengan apa yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Batang Lupar bahawa kita mesti meninjau juga daripada implikasi. Kalau sekiranya kerajaan tidak mengambil alih MAS ataupun dibiarkan MAS jatuh ke tangan orang luar, maka implikasinya memang boleh menjejaskan dari segi sistem pengangkutan negara, dari segi perkembangan industri pelancongan dan sebagainya. Maka usaha menangani masalah MAS harus dilihat dalam konteks yang lebih menyeluruh. Rangkaian pengangkutan tidak habis setakat syarikat penerbangan tetapi melibatkan infrastruktur lain yang tersedia seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur ataupun KLIA.

Kelemahan MAS sebagai pengguna utama KLIA perlu diambil kira dalam keputusan untuk mengambil alih MAS kerana kesan negatifnya ke atas kedudukan KLIA. Kegagalan MAS tentunya akan menjejaskan usaha kerajaan mempromosikan

KLIA sebagai, dengan izin, regional hub di rantau ini. Usaha mempromosikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan yang mana merupakan satu sektor yang dimajukan untuk menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi akan juga terjejas. Oleh yang demikian sekiranya …..

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** *[Bangun]*

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat….

**Dato' Chan Kong Choy:** Ini hak sayalah. Jangan putuskan bagi pihak saya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, nak beri yang mana satu?

**Dato' Chan Kong Choy:** Saya akan berikan jalan selepas saya selesai isu MAS. Oleh yang demikian, sekiranya kita melihat dan menganalisa isu pembelian balik saham MAS dari segi kaca mata yang sempit, kita akan membuat rumusan-rumusan yang salah atau berat sebelah walhal isu ini mempunyai implikasi yang luas yang bersangkut-paut dengan kepentingan dan kemakmuran negara kita.

Yang Berhormat bagi Tambun menyentuh tentang pihak MAS seharusnya menyegerakan persediaan master plan ataupun pelan induk yang akan meninjau dan juga mengkaji keseluruhannya masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak MAS termasuk profitability financial management dan sebagainya. Berikutan daripada pengambilalihan saham MAS sebanyak 224 juta unit saham pada pertengahan Februari 2001, kerajaan telah melantik Pengerusi MAS yang baru dan seorang Pengarah Urusan bagi mengetuai penyusunan pengurusan syarikat MAS. Pengurusan baru telah pun diberikan tugas untuk menyusun semula MAS di mana penyusunan pengurusan baru ini sedang menyediakan satu pelan induk bagi meningkatkan prestasi MAS.

Dalam master plan yang sedang disediakan oleh pengurusan baru ini di antara perkara yang akan diambil kira ialah pakatan strategik ataupun strategic airline dengan penerbangan lain atau diwujudkan bagi menghadapi persaingan dengan syarikat-syarikat penerbangan yang lain. Sememangnya MAS selalu mengambil kira juga tentang kebajikan kakitangan MAS selama ini. Seperti saya telah menjawab semasa saya menggulung di dalam Dewan yang mulai ini pada hari Selasa bahawa saya telah menegaskan penghijrahan kakitangan ke syarikat penerbangan lain tidak sampai satu tahap yang membimbangkan. Mereka berhijrah

ke syarikat lain oleh kerana gaji yang di offer ini lebih lumayan dan pihak MAS dalam persediaan master plan ini juga akan mengambil berat tentang aspek kebajikan kakitangan MAS supaya memberikan condition yang lebih menarik kepada pekerja di MAS ini.

Yang Berhormat bagi Tambun juga menyentuh tentang dasar ataupun tentang kaedah pihak kerajaan tentang global business di mana MAS memang merupakan sejenis global business. Setakat ini kita masih hendak menjadikan kepentingan negara dan kepentingan rakyat di Malaysia di dalam beberapa bidang strategik khususnya termasuk komunikasi, kewangan dan juga pengangkutan, tetapi bila tiba liberalisasi AFTA, WTO dan sebagainya kita mesti mengambil sikap yang lebih terbuka, tetapi sebelum ini kita mesti menyediakan syarikat-syarikat negara kita yang dikendalikan oleh rakyat Malaysia supaya membuat persediaan untuk menghadapi cabaran yang kian hebat daripada masyarakat antarabangsa. Bila tiba masanya kita memang selain daripada kita menitikberatkan kepentingan rakyat Malaysia dalam global business dan juga bisnes yang dianggap strategik, kita tiada pilihan lain tetapi kita kena juga hadapi cabaran daripada global ini, kaedah kerajaan Malaysia dalam perkara ini.

Yang Berhormat bagi Tumpat membangkitkan isu mengapa kerajaan tidak membayar kepada Naluri secara beransur-ansur tetapi bayar sekali gus. Seperti yang telah pun dijelaskan dan dibentangkan di dalam Parlimen pada beberapa hari yang lepas, pembelian ini dibuat secara willing buyer dan willing seller dan Naluri Berhad memang mempunyai, dengan izin, controlling block dan ini memang merupakan tawaran yang telah pun diberikan kepada kerajaan. Maka kita hendak juga memperolehi controlling block ini, maka kita setuju dengan cara bayaran yang ditetapkan oleh pihak Naluri.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam telah membuat satu tuduhan barangkali ada orang besar di belakang pembelian saham ataupun di belakang Tan Sri Tajudin Ramli, dan nama Menteri Kewangan dan Perdana Menteri telah pun disebutkan. Ini merupakan satu tuduhan yang sangat-sangat serius dan saya harap sebagai seorang Ahli Yang Berhormat yang bertanggungjawab kalau sekiranya ada sesuatu yang tidak berasas janganlah mengeluarkan khususnya ini merupakan satu tuduhan yang sangat-sangat serius. Saya berharap kalau Yang Berhormat di bawah perlindungan Parlimen kalau merupakan satu perkara yang sekiranya ada mempunyai sebarang bukti, kalau Yang Berhormat boleh mengulangi tuduhan ini di

luar Dewan bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan ataupun Perdana Menteri mempunyai kepentingan ataupun di belakang orang yang…..

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Dato' Chan Kong Choy:** Ya, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuduhan liar, tuduhan berupa fitnah memang digunakan seluas-luasnya oleh pemimpin-pemimpin parti pembangkang termasuk di dalam Dewan ini. Saya harap cabaran Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada mereka menuduh Perdana Menteri, menuduh Menteri Kewangan itu disahut oleh mereka kalau mereka ada kebenaran. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** *[Bangun]*

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Dato' Chan Kong Choy:** Ya, saya setuju. Kalau sebagai seorang yang bertanggungjawab yang tidak mengeluarkan tuduhan yang liar, saya berharap Yang Berhormat boleh mengulangi bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan dan juga Perdana Menteri mempunyai kepentingan ataupun mereka adalah orang yang di belakang dalam pembelian saham MAS ini.

**Puan Chong Eng:** Penjelasan. Tuan Pengerusi, yang saya kata itu sebagai soalan, itu jauh daripada dakwaan, saya tidak dakwa, saya soal. Kalau itu pun tidak boleh bezakan, tidak tahulah bagaimana dia jadi Timbalan Menteri, itu yang pertama.

Yang kedua ialah bukankah benar bahawa ada laporan polis yang mengatakan bahawa Tajudin Ramli ini ialah *proxy* kepada Tun Daim dan juga memegang saham bagi pihak UMNO. Adakah dia disiasat sampai hari ini dan sekiranya dia belum disiasat, dia ada pertalian dan itu mungkin ada hubungan dan ini adalah satu kesimpulan yang mengikut logik. Kalau katakan ini tidak ada langsung, biarlah Timbalan Menteri mengatakan tidak ada ataupun Menteri Kewangan boleh hadir di sini dan katakan tidak ada dan saya hendak dengar panjang lebar jawapan Timbalan Menteri tetapi sampai sekarang belum sampai ketika soalan yang penting iaitu mengapa tidak ada penilaian yang bebas. Yang kedua, mengapa harga RM8 dan yang ketiga, mengapa perlu membeli saham daripada Naluri dan bukan daripada orang lain.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sekarang baru Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab perkara ini.

**Puan Chong Eng:** Belum sampai atau adakah saya tidak tahu. Saya minta bahawa dijawab ketiga-tiga soalan ini. Terima kasih.

**Dato' Chan Kong Choy:** Yang Berhormat tidur kah tadi?

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Tambun bangun.

**Dato' Chan Kong Choy:** Kalau Yang Berhormat merupakan seorang yang bertanggungjawab, sekali lagi saya cabar Yang Berhormat mengulangi apa yang dikata di luar Dewan, kalau merupakan seorang yang bertanggungjawab. Kalau tidak, ini merupakan tuduhan yang liar daripada Yang Berhormat *[Tepuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Tambun bangun.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak balik kepada soal harga saham MAS ini. Ada satu faktor lagi yang belum jelas kepada kita tentang penilaian saham MAS ini yang dibeli oleh kerajaan. Adakah satu konsultan dilantik dan siapakah konsultan ini. Saya ingat ini akan memberi kepuasan kepada kita jika ada satu konsultan. Memang biasa dalam pembelian saham oleh mana-mana pihak pun ada konsultan yang akan membuat penilaian.

Kedua saya ingin tanya kepada Yang Berhormat kerana saya pun ada baca dalam akhbar apabila pembelian ini dilakukan oleh kerajaan, ada dinyatakan bahawa pihak Naluri mendapat keuntungan dan sebagainya, pasal prinsip keuntungan ini berbeza mengikut takrifnya. Jadi saya ingin tanya kepada Yang Berhormat, daripada segi modal yang dikeluarkan oleh Naluri dalam pembelian saham pada RM8.70 dengan izin, *the initial capital outlay*, berapakah jumlahnya kerana biasanya keuntungan dilihat daripada *initial capital outlay*, berapa jumlahnya dan apabila dibeli oleh kerajaan, berapa jumlahnya. Daripada situ kita akan tahu keuntungan atau tidak kerana berdasarkan *capital outlay* kerana kadang kala *analyst* akan membuat berdasarkan harga pasaran. Jadi kalau harga pasaran RM3.70 dan dijual pada kadar RM8, jadi tentulah dia untung dalam RM4.50 tetapi itu *paper profit* tetapi *the initial capital outlay* itu berapa? Bermakna kalau saya beli saham RM10 saya keluarkan RM1 juta, kemudian saya jual, saya dapat RM800 ribu, harga saham masa itu RM200 ribu.

Jadi kalau dikaji daripada segi penjualan saya dengan harga tentu saya untung RM600 ribu tetapi *capital outlay* saya sebenarnya RM1 juta dan saya rugi RM200 ribu. Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Dato' Chan Kong Choy:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tambun. Kerajaan memang mempunyai maklumat sebelum kita membeli saham daripada Naluri. Kita memang mempunyai maklumat berhubung dengan izin, *underlying asset* dan *net tangible asset* (NTA) serta laporan mengenai kedudukan MAS yang disediakan oleh Bank Pelaburan Antarabangsa tentang nilai MAS ini dan harga pasaran tidak boleh dijadikan satu-satunya pengukur nilai sebenar saham dan saya setuju apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bahawa *initial investment* yang dilaku kan oleh Naluri semasa mereka membeli saham MAS iaitu RM8.70 sesaham, 87 x 224 juta syer dan sekarang kita bayar RM8 x 224 juta syer. Jadi satu syer ertinya Naluri telah rugi sebanyak 70 sen. 70 sen x 224 juta unit syer. Ini merupakan kerugian. Jadi terima kasih Yang Berhormat bagi Tambun.

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Puan Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Pengerusi, cukuplah MAS ini saya ingat sudah, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian sahaja, ok. Saya sudah janji.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Mana boleh macam itu *[Ketawa]* Saya tunggu bukan main lama. Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri Kewangan. Sebelum saya pergi kepada teori Tambun tadi, itu semua teori sahaja. Sa ya hendak pergi kepada beberapa perkara yang sudah *factual*. Kita setuju MAS dibeli daripada Naluri tetapi kita tidak setuju harga dia.

**Dato' Chan Kong Choy:** Kuat sedikit.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Kuat lagi ya? kita setuju MAS dibeli tetapi kita tidak setuju harga RM8 dan alasan ia berubah-ubah. Mula-mula Yang Berhormat kata *controlling stake* pasal bila *controlling stake you* ada premium tetapi *premium* tidak semestinya RM8 tetapi *premium price* mungkin RM4.50 atau RM5 dan satu masa dahulu Timbalan Menteri Kewangan sebut berdasarkan *adjusted NTA.* Bila saya sebutkan bahawa itu *adjusted NTA*, RM8 yang dibuat oleh Morgan Stanley tetapi yang *real NTA, net NTA* ialah RM1.23 sen. Jadi kerajaan selalu beralih-alih daripada satu tajuk kepada satu tajuk.

Yang saya hendak tahu ialah syarikat asing yang dikatakan acap kali, ini ugut budak-budak bolehlah. Oleh syarikat asing, mana syarikat asing itu, apa syarikat asing. Dalam bulan Januari saya masih ingat ada dua syarikat penerbangan asing. Satu Swiss Air kalau tidak silap saya dan satu yang lain kalau tidak silap Qantas

telah menafikan mereka berhajat membeli MAS. Mereka menafikan. Mana syarikat asing itu dan adakah kerajaan kita ini sebuah kerajaan yang tidak ada kuasa, semudah itu orang boleh jual syarikat yang kita swastakan *national career* kita, *national asset* kita, macam itu boleh lepas kepada syarikat asing, itu *nonsense*, budak-budak.

Jadi jangan cakap macam itu, Yang Berhormat tidak boleh cakap macam itu. Sebab itu kita hendak sekarang satu penilai bebas. Sekarang kalau Tambun cakap ini asas dia, saya cakap asas dia, tetapi kalau ada penilai bebas habis cerita. Pihak ketiga akan beri *fair valuation* dan kita patuh kepada penilaian profesional yang dibuat. Sebab itu saya hendak sekarang ini, saya telah sebut tiga contoh. Saya masih ada banyak lagi contoh penyelewengan pengurusan yang berlaku semasa MAS diswastakan. Saya hendak kerajaan mengambil tanggungjawab menyiasat apa yang saya telah sebut. Jika ini benar, maka satu hukuman dapat dikenakan, jangan semudah itu kita datang Parlimen ini dapat kelulusan, terus bayar, habis cerita, tidak boleh. Kita kena ada tanggungjawab kita kepada negara. Kalau kita boleh jimat RM100 juta, sudah berapa untung? Kalau kita boleh jimat RM200 juta berapa untung? Saya tidak hendak memihak kepada satu pihak yang menggunakan kuasa dia untuk memberikan kesenangan begitu mudah dengan mengorbankan rakyat biasa dan saya hendak perkara ini diambil perhatian.

Saya hendak tahu, saya telah sebut Menteri Kewangan telah bercuti dua bulan, saya hendak kepastian adakah dia telah cuti betul atau tidak. Ini besar kesan dia kepada ekonomi negara, kepada apa yang kita bincangkan sekarang, kepada kedudukan kerajaan sendiri.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Pengerusi tentang harga saham ini Yang Berhormat bersetuju atau tidak bersetuju ini merupakan jawapan yang munasabah yang telah diberikan oleh kerjaan kepada Dewan yang mulia ini. Tentang apa yang dituduh oleh Yang Berhormat tentang perlantikan syarikat insurans oleh pihak MAS untuk mengendalikan insurans antara MAS dan juga MAS catering kalau Yang Berhormat mempunyai bukti-bukti yang kukuh saya sambut baik kalau Yang Berhormat boleh memberikan kepada pihak-pihak berkenaan termasuk pihak polis, pihak Securities Commission supaya penyiasatan dapat dijalankan. Saya sambut baik kalau ada bukti yang kukuh. Ada lagi?

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ini bukti. Tanggungjawab saya berikan bukti, itu satu tanggungjawab saya yang kerdil, yang kecil. Tapi tanggungjawab kerajaan

takkan hendak cari bukti dengan saya. Dua-dua tanggungjawablah. Kerajaan buat suruhanjaya siasatan, saya berikan bukti kepada suruhanjaya. Saya bersedia.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Pengerusi, setakat ini kerajaan, pihak Securities Commission (SC) tidak menerima apa-apa tuntutan dan aduan. Ini kali pertama Yang Berhormat mengeluarkan tuduhan di dalam Dewan yang mulia ini. Takkan Yang Berhormat membuat satu tuduhan liar sahaja tanpa bukti? Kalau ada bukti, saya sambut baik, kerajaan sambut baik. Kalau Yang Berhormat dapat mengemukakan semua bukti ini kepada Securities Commission, supaya satu siasatan yang menyeluruh dapat dilakukan, saya sambut baik, kalau ada. Okay.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun] [Menyampuk]*

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Pengerusi, cukuplah masa sudah cukup.

**Puan Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Dato' Chan Kong Choy:** Saya sudah bagi berapa orang Yang Berhormat. Yang Berhormat, Yang Berhormat, kita kenalah hormat peraturan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya....

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya minta.

**Dato' Chan Kong Choy:** Saya tidak bagi. *You* sudah minta. Saya tidak bagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini terpulang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab.

**Puan Fong Po Kuan:** *[Menyampuk]*

**Dato' Chan Kong Choy:** Ya, saya sudah bagi banyak. Saya sudah bagi cukup banyak peluang. Tuan Pengerusi, tujuan kerajaan ambil alih projek Samak Aquaculture oleh kerana kita masih berpendapat bahawa projek ini adalah satu projek yang berdaya maju. Tetapi sebelum diambil alih, ia dilaksanakan oleh syarikat asing ia itu, Pierre Ledang Group. Setelah diambil alih pengurusan oleh orang tempatan akan melaksanakan projek ternakan udang ini.

Tuan Pengerusi, berikutan daripada keputusan kerajaan untuk mengambil alih 60% ekuiti .........*[Disampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Jerlun bangun.

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Projek ini dalam kawasan saya. Boleh saya mendapat penjelasan?

**Dato' Chan Kong Choy:** Saya belum menjawab lagi. Saya belum memberikan jawapan, apa hendak minta penjelasan?

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Okay. *[Ketawa]*

**Dato' Chan Kong Choy:** Yang Berhormat mahu beri jawapankah?

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Soalan tambahan.

**Dato' Chan Kong Choy:** Saya mesti bagi kerana Yang Berhormat kawasan....*[Disampuk]*

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Jawab sekaliguslah soalan saya itu, ya.

**Dato' Chan Kong Choy:** Saya akan beri peluang Yang Berhormat. Saya berjanji. Berikutan daripada keputusan kerajaan untuk mengambil alih 60% ekuiti Samak dari pihak yang berkenaan, maka perjanjian jual beli saham antara Kementerian Kewangan dengan pihak yang berkenaan telahpun disempurnakan pada hujung tahun lepas. Jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk mengambil alih Samak dan melaksanakan projek ternakan udang kerpan setakat ini ialah kira-kira RM56 juta iaitu RM19.5 juta untuk pembelian ekuiti, RM25.8 juta bayaran liabiliti Samak dan baki untuk tujuan operasi syarikat Samak. Kesemua peruntukan ini diberi secara pinjaman kepada Samak dan perlu dibayar balik kepada Kerajaan Persekutuan dalam tempoh 14 tahun pada kadar faedah 4% setahun. Ini diberikan sebagai pinjaman dan bukan sebagai geran, diberikan sebagai pinjaman dengan satu faedah.

Setelah selesai proses pengambilalihan saham ini, Menteri Kewangan Diperbadankan telah melantik pengurusan Samak. Bagi tujuan ini, satu kumpulan yang terdiri daripada lima orang Lembaga Pengarah yang baru dicadang dilantik bagi mengurus Samak. Mereka terdiri daripada tiga wakil Kerajaan Persekutuan yang termasuk Pengerusi dan dua daripada negeri Kedah. Bagi tujuan operasi, satu kumpulan pegawai dan kakitangan dilantik secara pinjaman dari Jabatan Perikanan dan projek dijangka dimulakan pada pertengahan tahun 2001.

Tuan Pengerusi, sungguhpun apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bahawa kita tidak mempunyai kemahiran dalam ternakan udang ini oleh Kementerian Kewangan, tetapi kita akan melibatkan Kementerian Pertanian khususnya Kementerian Perikanan dalam pengurusan projek Samak ini.

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** *[Bangun]*

**Dato' Chan Kong Choy:** Ya, Yang Berhormat.

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Timbalan Menteri. Projek yang terbengkalai lebih daripada lapan tahun ini melibatkan 1,000 ekar lebih tanah sawah dan melibatkan ratusan keluarga miskin para petani. Sudah beberapa kali kita berbincang dengan Kerajaan Negeri Kedah, nampaknya tidak ada kesungguhan. Dengan Kementerian Pertanian pun sudah kita utarakan hal ini, tidak ada kesungguhan juga daripada Menteri Pertanian dan Timbalan Menteri itu sendiri.

Saya ingin mendapat penegasan daripada kerajaan, dengan pembelian dan pengambilalihan terhadap Samak Aquaculture ini, adakah Timbalan Menteri boleh memberi jaminan bahawa masalah projek udang harimau, kerpan di Jerlun, negeri Kedah ini akan dapat diselesaikan dalam waktu yang terdekat? Ini kerana sehingga minggu lepas, saya balik, saya melawat projek ini, belukar masih lagi belum terusik, bertambah tebal projeknya. Jadi, kalau dalam bulan Jun ini seperti mana yang disebut oleh Timbalan Menteri tadi akan dimulai balik, saya masih kurang yakin.

Soalan yang kedua, sudahkah kerajaan membuat kajian? Sebenarnya kenapakah projek ini boleh terbengkalai begitu lama dan tidak boleh dipulihkan kembali? Terima kasih.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Pengerusi, terima kasih saya mengucapkan kepada Yang Berhormat bagi Jerlun. Pasukan pengurusan baru mengambil alih daripada syarikat itu dan saya haraplah Yang Berhormat memberikan sedikit masa kepada pasukan berkenaan dan seperti mana yang saya sudah berjanji, bahawa projek ini akan beroperasi sekali lagi pada pertengahan tahun ini dan faktor yang menyebabkan kegagalan projek tersebut telah dikenal pasti bahawa memang ada *management default* yang dilakukan oleh syarikat sebelum itu.

Satu perkara yang telah juga disentuh oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian iaitu apakah kedudukan Perwaja. Sebenarnya pihak kerajaan telah pun mengambil satu keputusan baru-baru ini tentang kedudukan Perwaja dan keputusan ini bila 'in detail' – secara terperinci dapat disempurnakan, pihak kerajaan akan membuat satu pengumuman tidak lama lagi.

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Dato' Chan Kong Choy:** Yang Berhormat…Perwaja? Okay.

**Tuan Lim Hock Seng:** Skandal Perwaja, lebih kurang RM11 bilion. Saya tidak sempat membahaskan perkara ini dan ada satu laporan di mana Perwaja telah

membayar satu jumlah RM76.4 juta kepada sebuah syarikat yang tidak wujud tetapi kononnya kata ada di Hong Kong. Lepas melalui sebuah kompeni di Jepun dan akhirnya jumlah wang ini dimasuk ke sebuah akaun kompeni yang berdaftar di British Virgin Island dan bank ini adalah melalui Bank Swiss atau Switzerland. Sama ada perkara ini kementerian Yang Berhormat sedar dan adakah sebarang siasatan dijalankan.

Berhubung dengan Tan Sri Eric Chia, beliau berkata dalam Singapore *New Straits Times,* kata beliau sudah menyediakan semua dokumen berkenaan dengan skandal Perwaja. Sudah enam bulan beliau berkata demikian dan beliau sanggup atau bersedia untuk menghadiri satu tempat untuk satu pentas untuk beliau membongkarkan semua hal ini dan pentas yang sesuai adalah mahkamah. Jadi, bilakah kerajaan akan menyediakan pentas ini untuk Eric Chia membongkarkan skandal ini?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Pengerusi, kementerian saya tidak sedar tentang butir-butir yang dikatakan, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Bagan kerana kita tidak campur tangan dalam siasatan yang dijalankan oleh BPR. Kita memang tidak campur tangan. Sekian, sahaja. Terima kasih.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Eh, saya ada, saya ada, Tuan Pengerusi, sebelum dia duduk….*[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah habis.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ha?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah habis.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Eh, bangun baliklah.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah habis, sudah habis.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Ketawa]* Boleh bangun balik?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya tidak boleh paksa.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Boleh Yang Berhormat Dato' bangun balik, Dato'?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah, cukup.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Boleh bangun semulakah?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM4,328,420 untuk Maksud B.28; RM356,000,000 untuk Maksud B.29; RM4,343,756,956 untuk Maksud B.30; dan

RM147,600 untuk Maksud B.31 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM4,328,420 untuk Maksud B.28; RM356,000,000 untuk Maksud B.29; RM4,343,756,956 untuk Maksud B.30; dan RM147,600 untuk Maksud B.31 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM224,521,462 untuk Maksud P.28 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 2000; dan perbelanjaan sebanyak RM1,213,122,560 untuk Maksud P.28 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2001 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM224,521,462 untuk Maksud P.28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) 2000; dan wang sebanyak RM1,213,122,560 untuk Maksud P.28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2001.

**Maksud P.33 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 2000] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepala Pembangunan P.33 di bawah Kementerian Kerja Raya. Oleh kerana P.33 hanya token sahaja, ia tidak perlu dibahas.

Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.33 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 2000 di bawah Kementerian Kerja Raya hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.33 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 2000.

**Maksud P.34 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 2000] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepala Pembangunan P.34 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Permatang Pauh.

**4.09 ptg.**

**Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh tentang Maksud P.34 Butiran 00300 Kemudahan Kesihatan yang berjumlah RM19,400,000 dan Butiran 00400 Hospital-hospital yang berjumlah RM114,053,000 yang menunjukkan 30% kenaikan. Rakyat Malaysia di negara ini menaruh setinggi-tinggi harapan terhadap kerajaan supaya menguruskan kewangan negara kita dengan cekap dan berhemat. Wajar diberi penghargaan kepada pegawai-pegawai kerajaan yang telah bertugas dengan penuh dedikasi, cuma apabila campur tangan berlaku menyebabkan ramai yang gelisah dan bertanya conscience masing-masing.

Dalam perbahasan Belanjawan Tambahan ini saya tertarik dengan kenyataan Menteri Kesihatan yang menyatakan bahawa bilik kurungan bekas Timbalan Perdana Menteri yang terkini telah diubahsuaikan untuk membolehkan rawatan sakit tulang belakang beliau. Adakah bilik ini baru atau bilik yang dahulunya dikhaskan untuk banduan HIV, banduan yang mempunyai tekanan jiwa dan banduan yang bersifat ganas. Ini nampaknya berlainan maklumat. Disebabkan pihak kami dimaklumkan bahawa ada rombongan panel doktor dan juru fisio yang telah berkunjung ke Penjara Sungai Buloh untuk melihat dan menilai sendiri suasana dan keadaan cell untuk membolehkan pesakit jagaan mereka ditempatkan kembali. Mereka telah memaklumkan kepada pihak kami bahawa tidak ada pengubahsuaian yang dijalankan dan cell tersebut tidak sesuai untuk pesakit di bawah jagaan mereka dan mengesyorkan supaya pesakit mereka disambung tempoh rawatan di HKL.

Dalam hal ini saya amat menghargai pihak panel dan hospital yang tidak setuju dengan arahan untuk pesakit mereka dipindahkan balik ke penjara kerana akan membawa mudarat kepada pesakit. Ya, bekas TPM telah lama dalam hospital dan ditakdirkan saya bertemu dengan seorang isteri pesakit semalam yang menyatakan yang suaminya pun menghidap sakit belakang dan telah dirawat selama empat bulan di dalam Hospital Kuala Lumpur. Dalam hal ini, ingin saya memaklumkan rawatan lama atau tidak bukanlah kriteria terutamanya untuk Menteri Kesihatan mengatakan kerana ada biasa bekas hakim pun ditempatkan lebih daripada enam tahun dalam hospital.

Kami amat menghargai dedikasi dan jagaan konservatif panel selama ini dan ini telah pun dinyatakan. Namun seperti mana pada satu sudut diberitahu bahawa layanan istimewa termasuk bahawa bekas TPM sepatutnya berterima kasih kerana

tidak bergari dikatil dan ditempatkan di wad kelas satu. Di sini saya ingin bertanya adakah di dalam Belanjawan Tambahan ini berapakah wang yang digunakan untuk memasang jeriji di bilik khas tersebut dan berapakah kos untuk jeriji yang dipasang itu.

Pihak kami berterima kasih kerana bekas TPM tidak digari ke katil. Saya ingin juga tahu berapa orang banduankah yang telah terlepas setelah digari. Apakah panel mengesyorkan demikian sebab bekas TPM biasa dibawa dengan katil untuk rawatan fisio. Ini kerana saya hendak tahu apakah Menteri Kesihatan mengatakan bahawa bekas TPM patutnya digari kerana dia hendak jalan pun susah. Kalau hendak gari itu kerana takut dia lari, kan? Dan bekas TPM juga dikawal oleh 10 pengawal pada tiga tahap – di depan wad sebaik sahaja masuk pintu wad, dan di depan pintu bilik.

Memandangkan tugas-tugas yang bertambah sekarang, apakah rancangan untuk kebajikan pengawal-pengawal penjara yang begitu gigih mengawasi 24 jam segala gerak-geri pesakit di bawah kawalan mereka. Apakah soal perumahan mereka, pendidikan untuk anak-anak mereka atau lain-lain kemudahan, bukan sahaja untuk membina penjara-penjara baru untuk menampung banduan-banduan yang penuh sesak sekarang.

Juga di dalam kesesakan penjara, adakah tidak pihak Kementerian Dalam Negeri dan Menteri Dalam Negeri prihatin tentang kebajikan banduan reman dan adanya pergaduhan sampai ke tahap kehilangan nyawa, banduan reman bawah umur yang tidak sepatutnya ditempatkan dengan *harden criminals*, dengan izin.

Seperkara lagi apakah pihak kerajaan dan Menteri Kesihatan sendiri menganggap bekas TPM ditakrifkan sebagai banduan walaupun masih *pending appeal*, dengan izin, apakah menteri sudah menganggap kes sudah diputuskan dan keputusan Mahkamah Rayuan telah didahului dan diketahui. Dalam keputusan pihak keluarga mendapat rawatan adalah sama dengan mana-mana individu yang dihadapkan ke mahkamah, hak memilih peguam mengikut undang-undang, memang seseorang itu mempunyai hak memilih doktor dan rawatan, tidak timbul persoalan taat setia kepada negara. Anwar Ibrahim rela mati di Malaysia daripada hidup dalam buangan. Ahli-ahli Yang Berhormat terutama menteri-menteri patut bersyukur diberi kesihatan kerana ini adalah satu nikmat yang tidak boleh dipolitikkan.

Saya juga ingin mendapat kenyataan Menteri Kesihatan tentang penilaian beliau terhadap Dr. Hoogland di luar Dewan ini dan di sini saya ingin bertanya

berapa ramaikah kes-kes seperti bekas kes bekas TPM setakat ini dibedah secara *conventional* dan ramai manakah yang telah pulih, berapa ramaikah yang menghidap *'failed back syndrome'* di mana pesakit setelah pembedahan bertambah teruk selepas pembedahan dan berapa yang tidak ada apa-apa perubahan selepas di bedah.

Berapa ramai juga yang mempunyai '*cervical spondylolysis*' yang mempunyai risiko lumpuh kakitangan, *'paraplegia'* dengan izin, akibat risiko bius *general anesthesia*. Menurut Akta Penjara 1995 seorang banduan yang sedang menjalani hukuman lebih daripada empat tahun boleh dibenarkan secara berlesen untuk dilepaskan mendapat rawatan atas budi bicara pengarah. Jika rawatan tersebut tidak didapati dalam hospital kerajaan seperti kes ini, wajarlah bekas TPM mendapat peruntukan tersebut.

Saya juga tertarik dengan takrif kerajaan bahawa kes ini adalah kes criminal jenayah, tetapi bagaimana pula menjadi kes politik apabila dimaklumkan …

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya yakin perkara ini ada di luar daripada tajuk ini.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail:** Ada, ini adalah di bawah Kesihatan dan butiran untuk hospital-hospital. Kemudahan ini memang kurang, sebab itu saya hendak menyentuh sekarang, kalau kita boleh mendapatkan *endoscopic* itu, itu yang masuk dalam inilah.

Tetapi saya juga tertarik dengan takrif kerajaan bahawa kes ini adalah kes criminal, bagaimana pula kes politik apabila dimaklumkan tentang kesihatan beliau pada para diplomat sehingga menjejaskan hubungan baik di antara negara dan menjadi tanda tanya mengapa cell beliau dengan ketiadaan beliau, diperiksa oleh Setiausaha Politik TPM sekarang untuk menilai sesuai atau tidak cellnya tersebut.

Menyentuh tentang tahanan, adalah menjadi satu titik hitam dalam negara moden yang membanggakan struktur simen dan mar mar, namun masih lagi menggunakan akta peninggalan penjajah. Saya mengambil iktibar daripada Perdana Menteri dalam sajaknya ‘Perjuangan Yang Belum Selesai’, mengingatkan kembali betapa pahitnya perasaan dijajah, betapa hinanya, saya memang bersetuju. Nyata sekali dakwaan merusuh tidak tepat dan berlakunya perhimpunan rakyat secara aman damai pada tanggal 14 April yang lalu.

Perhimpunan ini hanya menjuruskan rancangan yang telah diatur dan dihebahkan dahulu. Oleh itu, tahanan-tahanan ISA ini mestilah dibebaskan dan saya

ulangi jika polis mempunyai bukti hadapkanlah mereka ke mahkamah supaya mereka dapat membela diri. Apakah kita hendak sekarang bertindak seperti penjajah menggunakan akta penjajah, cukuplah dengan memukul seorang sahaja yang digari dan ditutup mata.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga menyoal tentang Dr. Hoogland, siapakah Dr. Hoogland dan pegawainya dan beliau sendiri tidak terjumpa artikel-artikel yang telah ditulis oleh Dr. Hoogland dalam jurnal antarabangsa. Saya ingin memaklumkan Dr. Hoogland adalah seorang yang terkenal, kalau tidak takkanlah dia dipanggil ke Sepanyol dan ke Dubai …..

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tajuk yang kita sedang bincang ini tidak ….

**Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail:** Kemudahan-kemudahan Internet dan hospital-hospital telah dimasukkan dalam hal …

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Walau bagaimanapun, saya meminta Yang Berhormat, gulunglah. Sekarang masa sudah cukup.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail:** Jadi, dalam computerization ini, saya hendak tanyalah Menteri Kesihatan, kenapa dia tak jumpa tentang Alpha Klinik ini sebab saya tengok orang lain semua jumpa, picit sahaja Alphaklinik dot com – dapat. Dan fakta ini saya hendak tahulah kenapa menteri memesongkan fakta dan mempertikaikan kewibawaan Dr. Hoogland. Mahu dia keluar daripada Dewan dan bercakap demikian, dan patutnya dia minta maaf kerana ini bukanlah satu yang baik untuk seorang Menteri Kesihatan mengatakan dalam Dewan yang mulia ini.

Saya ingin juga bertanya berapakah kes-kes dalam jurnal yang telah dibedah di Malaysia yang dikemukakan ke jurnal antarabangsa dengan *micro surgical technique* dan dengan prolapsed interrertebral disc ini bersama dengan *spinal 'stenosis'*, peratus kejayaan dan peratus manakah yang tidak berjaya dan berapa ramaikah yang mempunyai komplikasi *cervical spondylolysis* Ini bukan soal patriotisme, ini soal hidup dan mati, jika bekas TPM berjaya dipulihkan, rakyat Malaysia akan beruntung dengan satu kaedah surgery yang dipelajari untuk kebaikan semua rakyat dan peningkatan taraf mutu kesihatan di hospital-hospital Malaysia. Jadi, naikkanlah balik imej negara Malaysia yang dibina sekian lama dengan keringat pejuang-pejuang nenek moyang kita, dibayar dengan darah dan nyawa wira-wira kebangsaan dan mereka yang memberi sumbangan tetapi tidak

mendapat ganjaran, namun atas prinsip perjuangan untuk negara mereka teruskan juga.

Jadi, pada perbahasan ini, saya hendak bertanyalah apakah dalam belanjawan yang naik 30% untuk pembinaan hospital-hospital ini siapa yang mendapat kontrak, di mana dibinanya dan apakah perancangan yang lebih terperinci, yang boleh dikemukakan kepada Dewan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kubang Kerian. Selepas ini saya minta pihak Menteri menjawab.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Mana boleh, dua sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya ingin maklumkan, saya juga dimaklumkan daripada Yang Berhormat, pihak Yang Berhormat bersetuju supaya cuba habiskan perbahasan pada petang ini juga. Yang Berhormat.

**4.22 ptg.**

**Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya berharap kawan saya yang lain juga diberi peluang.

Saya merujuk kepada P.34 – Kementerian Kesihatan 00301 – Kemudahan Kesihatan dan 00400 – Hospital-hospital.

Kita semua telah mendapat penjelasan Menteri Kesihatan bahawa bagi rawatan *endoscopic* kita tidak mempunyai kepakaran di negara kita. Bagi Dato' Seri Anwar Ibrahim beliau mempunyai dua pilihan, sama ada pembedahan *microscopic* ataupun pembedahan endoscopic. Pembedahan *microscopic* memang ada dalam negara kita tetapi kemudahan *endoscopic* kita belum mempunyai pakar dan sebab itu Dr. Hoogland telah dipanggil. Saya ingin menarik kepada kenyataan Menteri Kesihatan dalam Parlimen ini bahawa beliau tidak kenal siapa Dr. Hoogland, bahkan dia kata tidak ada jurnal dalam Internet dan saya berharap bahawa kenyataan ini dapat diperbetulkan.

Timbalan Menteri Kesihatan yang ada pada hari ini boleh bawa balik maklumat ini dengan seberapa segera, kerana ini memalukan seorang menteri boleh bercakap satu benda yang semua orang biasa boleh search dalam Internet, dan dapat dengan mudah ….

**Puan Chong Eng:** Penjelasan.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Ya, silakan.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya minta dapat pendapat daripada Yang Berhormat Kubang Kerian, adakah mungkin Menteri Kesihatan ini ia yang pertama, mungkin dia tak pandai hendak cari di dalam Internet, sebab itu dia tak dapat web site yang berkenaan.

Yang kedua, memang dia tahu dan dia pun telah dapat web site itu tetapi sengaja hendak mislead this Parliament.

Kalau ini adalah alasan yang kedua, ini adalah alasan yang berat boleh dihantar ke *privilege committee* kerana *mislead The House*. Kalau bukan alasan yang kedua, maka dia tidak berapa pandailah, tidak berapa pandai dalam menggunakan Internet dan dia patut diberi kursus oleh kerajaan iaitu Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia. Apakah pendapat Yang Berhormat?

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Terima kasih, agak sensitif untuk saya ulas dengan terang tetapi dalam era *e-government* sepatutnya seorang Menteri mempunyai asas-asas kemahiran Internet. Alamat yang boleh kita pergi ke Internet www.alphaclinic.com itu satu yang dipunyai, yang diarahkan oleh Dr. Hoogland dan beliau telah menulis 22 kertas saintifik (kertas saintifik) bukan kertas coreng-coreng begitu *[Ketawa]* Kertas saintifik yang telah di *published* dalam jurnal-jurnal antarabangsa.

Beliau telah menulis empat buah buku yang boleh didapati dalam pasaran, tidak tahu di Malaysia, Kementerian Kesihatan tidak pernah ada dalam perpustakaan di Kementerian Kesihatan tetapi kalau tidak ada memalukan. Patutlah tidak tahu, patutlah kita tidak boleh membezakan di antara *microscopic* dengan *endoscopic*. *Microscopic* saya bukan pakar kesihatan tetapi setakat saya baca *microscopic* bermakna bahawa kita melakukan pembedahan biasa tetapi menggunakan kanta pembesar sehingga kita boleh nampak urat saraf yang halus dengan lebih jelas, itu sahaja.

Ini adalah pembedahan biasa dan mungkin saya salah tetapi setakat *[Ketawa]* yang saya tahu itu – tetapi untuk melakukan pembedahan *endoscopic*, *microscopic* kita perlu bius mangsa seluruh badannya dan oleh kerana pembedahan ini sebelah belakang, maka dia kena ditelangkupkan, ditiarapkan. Oleh kerana Dato' Seri Anwar Ibrahim pernah ada satu komplikasi pernafasan di sebelah lehernya, tengkuknya, maka dibimbangi bahawa bius ini boleh memberikan kesan sampingan yang lain.

Dalam minggu yang lepas pada hari Sabtu saya melawat seorang pengundi saya di Hospital USM, Kubang Kerian. Beliau telah masuk untuk pembedahan usus yang kecil tetapi selepas pembedahan beliau tidak boleh angkat kedua-dua belah kaki, bila doktor membuat pemeriksaan semula didapati satu darah beku telah berlaku dalam satu saluran darah di sebelah pehanya hasil daripada pembiusan, maknanya risiko pembiusan itu ada sebab itu doktor pakar telah mencadangkan supaya pembedahan ini dilakukan secara *endoscopic*, iaitu satu lubang ditebuk di belakang pesakit.

Ini *[Ketawa]* adalah satu perkara yang *simple*. Dalam dua pilihan ini adakah seorang banduan mempunyai hak untuk memilih di antara dua rawatan ini. Akta Penjara berkata banduan ada hak oleh kerana banduan telah memilih untuk membuat pembedahan *endoscopic* dan Dr. Hoogland telah dipilih, dia tidak payah lagi mempersoalkan siapa Dr. Hoogland, siapa Dr. Hoogland. Itu sudah hak pesakit *[Disampuk]* ……..

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, …..

**Tuan Husam bin Haji Musa:** …kalau dia doktor tepi jalan pun, kalau sudah …..

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Puan Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** …Yang Berhormat ada dua orang bangun.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ha?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Depan dan belakang.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Ketawa]* Doktor, doktor saya beri kepada doktor.

**Puan Fong Po Kuan:** Batu Gajah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Err…

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Doktor kulit.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, ….

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kalau tahu sakit lain ok, sakit kulit bukan tahu sakit lain. Sakit belakang dia bukan tahu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Penjelasan, penjelasan. Adakah Yang Berhormat setuju Yang Berhormat bagi Rompin ini dia tidak kiralah siapa yang melalui rawatan, dia tidak ada belas kasihan langsung.

Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat sedar bahawa pembedahan ke atas *spinal cord* di mana-mana pun di negara ini, di Germany, di mana-mana pun adalah bahaya. Tidak seorang pun doktor pakar yang boleh mengatakan bahawa pembedahan ke atas *spinal cord* ini boleh menyembuhkan pesakit. Ada kalanya lebih teruk daripada yang disebut oleh Yang Berhormat tadi dan apakah pendapat Yang Berhormat mengenai Yang Berhormat Menteri Kesihatan, yang bagi saya tidak begitu faham mengenai masalah *spinal cord surgeon*. Dia bukan doktorlah tetapi dia keluarkan kenyataan yang bukan-bukan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, you kata bukan doktor. Itu yang Kubang Kerian pun bukan doktor. *[Ketawa]* Macam mana dia boleh jawab?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tetapi saya minta penjelasan daripada dia.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Dua-dua bukan doktor tetapi masalahnya kita telah dapat pandangan doktor-doktor pakar dan ini telah dinyatakan oleh antara doktornya Dr. Halili. Doktor Halili pakar bedah saraf dalam konsultasinya kepada pesakit, beliau telah memberikan kedudukan ini iaitu jika sekiranya pembedahan saraf ini tidak berjaya, berlaku kelumpuhan.

Suka dengan pandangan Yang Berhormat bagi Kepong tadi. Saya telah lihat sendiri gelagat Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, mereka macam tidak ada belas kasihan. Ini bekas Timbalan Perdana Menteri yang mereka agung-agungkan. Saya pernah nampak satu orang Ahli Parlimen di sini cium tangan Timbalan Perdana Menteri semasa dia jadi Timbalan Perdana Menteri tetapi orang ini yang menafikan hak Dato' Seri Anwar Ibrahim untuk dapatkan rawatan. Dahulu bukan main dia cium tangan tetapi sekarang bukan sahaja lanyak tetapi sudah sakit terlantar macam itu tidak boleh diberikan haknya, bukan dia hendak *privilege*. Dia hendak hak dia untuk dapat rawatan dan yang penting sekali Perdana Menteri perlu minta maaf daripada rakyat kerana dengan kenyataan …..

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Sekejap, sekejap. Nanti saya akan beri Rompin. Sabar.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** 10 minit juga.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Rompin salah seorang saya rasa yang pernah cium tangan – saya tidak ingatlah tetapi saya ……

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila gulung Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya. Perdana Menteri perlu minta maaf kerana dengan kenyataan Menteri Kesihatan …..

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Husam bin Haji Musa:** …Sekejap, seminit, seminit. Menteri Kesihatan datang ke Parlimen beritahu Dato' Seri Anwar Ibrahim benar-benar sakit, sudah sah, sudah *legitimate* dia sakit, bukan satu fitnah, bukan satu lakonan. Perdana Menteri kata dia pura-pura sakit, ada dua pertentangan kenyataan di sini. Menteri bagi pihak kerajaan di Parlimen kata dia sakit, Perdana Menteri di luar Parlimen kata dia pura -pura sakit.

Jadi, satu kenyataan mesti salah. Ini sudah melukakan hati pesakit, melukakan hati rakyat dan menjatuhkan integriti Perdana Menteri sendiri. Jadi, Perdana Menteri kena minta maaf, Menteri Kesihatan juga perlu membetulkan kenyataan di Parlimen bahawa tidak ada jurnal yang disiarkan dalam Internet.

Saya hendak beri satu contoh antara lain …….

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada dua Ahli Yang Berhormat bangun.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Rompin, Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Budi yang baik setakat inilah hari ini tetapi – saya tertarik dengan Yang Berhormat mengatakan masa bekas Timbalan Perdana Menteri di sini, kita menghormati pemimpin kita. Biasa siapa jua mereka kalau dia – tetapi sebelah sana yang mengutuk Timbalan Perdana Menteri dahulu, sekarang sebelah sana termasuklah Ketua Pemuda PAS nya. Allah semuanya tidak betul Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu, semuanya tidak betul Timbalan Presiden UMNO pada ketika itu, semuanya tidak betul tetapi sekarang ini membela.

Kita tidak menolakkan bahawa semua orang perlu mendapat perubatan sebab itu sekarang pun diletakkan di *first class*. Ini saya ingat ada agenda politik tertentu yang memperjuangkan perkara ini. Pada ketika dahulu juga konon mahu membela, membantu Gua Musang tetapi apa yang dijanjikan dalam pilihan raya, selepas pilihan raya *[Disampuk]* Gua Musang habis dicarikkan sahaja. PAS memang begitu dan menggunakan apa jua yang ada untuk kepentingan politik.

DAP begitu juga, dia akan guna DAP. Betul, pandang dua orang wanita itu, baru …..

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Rompin ada soalankah?

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** …dalam Parlimen dengar nasihat abang ini.

**Seorang Ahli:** Soalan apa ini?

**Puan Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Saya rasa Tuan Pengerusi, saya …

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ….

**Tuan Husam bin Haji Musa:** …kita balik perkara ini ….

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat masa cukup.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya, saya gulung sekarang, saya gulung. Saya berharap bahawa perkara ini dapat di……

**Puan Fong Po Kuan:** Minta…..

**Tuan Husam bin Haji Musa:** …dihadapi dengan baik dan Dato' Seri Anwar Ibrahim diberikan haknya untuk mendapatkan rawatan dan tidak payah lagi kita memperbanyakkan campur tangan politik dalam perkara ini.

Yang Berhormat bagi Gua Musang ……

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, masa cukup Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** …saya ingat boleh merayu kepada Perdana Menteri supaya rawatan *endoscopic* dibenarkan untuk dilakukan kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim di German.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Timbalan Menteri, sila.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

**4.33 ptg.**

**Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed]:** Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh dan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dan juga Ahli-ahli Yang

Berhormat yang telah turut membahaskan sama ada melalui minta penjelasan ataupun sebaliknya.

Perbahasan tidak spesifik Tuan Pengerusi, dia banyak membahaskan soal dasar, bagaimanapun saya jawab jugalah walaupun tidak ada kaitan tetapi saya jawab bahawa hari Isnin yang lalu Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah memberi jaminan supaya Dr. Hoogland boleh membawa *team*nya ke negara ini untuk menjalankan perkhidmatan perubatan terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Tidak ada timbul soal kita menghalang. Kita tidak beri perubatan tidak timbul dan adalah silap yang mengatakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan pura -pura sakit, saya rasa itu tidak betul.

Semua orang tahu Dato' Seri Anwar sakit dan sebagai seorang yang sakit semua orang di Dewan ini dan seluruh negara, siapa juga sakit kita simpati, tidak mengira sama ada dia banduan, bekas Timbalan Perdana Menteri atau siapa juga. Kita di Kementerian Kesihatan simpati terhadap siapa juga yang sakit,

Menjawab soalan bilangan hospital tadi, saya hendak beritahu bahawa terdapat 30 buah hospital dalam pelaksanaan di negara ini dan setakat ini saya tidak dapat hendak memberitahu syarikat-syarikat ataupun kontraktor yang telah mendapat projek-projek tersebut sebagai menjawab pertanyaan Yang Berhormat bagi Permatang Pauh.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Tuan Pengerusi, apakah alasan kerajaan untuk tidak membenarkan Dato' Seri Anwar Ibrahim mendapat rawatan di German sendiri? Adakah itu alasan kesihatan ataupun alasan perubatan ataupun alasan politik ataupun alasan undang -undang ataupun alasan ..

**Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Pengerusi, pertama, kita mempunyai pakar yang memang tinggi profesionalismenya di dalam perubatan. Yang kedua, kita tahu bahawa keluarga Datuk Sri Anwar barangkali tidak meyakini pakar-pakar tempatan dan hendak berubat di luar negara dan meminta Dr. Hoogland untuk mengubat, kita benarkan. Dr. Hoogland biasa mengubat di Dubai, apa salahnya dia datang ke sini membawa peralatan dan teamnya. Adalah lebih baik dia berubat di negara ini, pada pandangan kerajaan daripada dia berubat di luar negara.

Tuan Pengerusi, saya rasa cukuplah sekadar itu jawapan saya.

**Puan Fong Po Kuan:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Hendak beri jalan atau tidak?

**Puan Fong Po Kuan:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri sepatutnya mengambil peluang ini untuk meminta maaf, meminta maaf kepada Dewan yang mulia ini dan juga kepada Dr. Hoogland atas apa yang telah dikatakan oleh Menteri pada hari tersebut. Sebab sekarang saya percaya Timbalan Menteri jawab adalah bagi pihak Menteri di Dewan yang mulia ini. Kita telah tengok, maruah Dewan ini telah jatuh sejak tindakan disiplin diambil untuk menghalau Ahli Parlimen Kota Melaka keluar kerana Menteri tidak menjalankan tanggungjawab. Jadi, saya rasa harap ….

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, itu kuasa saya, Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** Saya faham, saya hanya memaklumkan. Ya, saya faham, maaf, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Jangan sangkut dengan perkara itu.

**Puan Fong Po Kuan:** Jadi, saya harap ambil peluang ini kerana Dr. Hoogland, sekarang imej dia telah dijatuhkan, dihinakan di Dewan ini kerana maklumat yang tidak diperolehi sendiri oleh Menteri. Menteri sendiri yang tidak pakar dalam komputer, dia persalahkan seorang doktor bahawa dia bukan seorang doktor pakar. Jadi, saya berharaplah Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi pihak kementerian meminta maaf kepadanya, membetulkan rekodnya dan juga meminta maaf kepada Dewan yang mulia ini.

**Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Pengerusi, saya tidak tahu apa sebab saya perlu minta maaf. Yang Berhormat mungkin salah pertimbangan *intellectuality*. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan itu betul, memang ada www.alphaclinic.com betul kita boleh check. Tetapi masih boleh kita persoalkan *credibility* Dr. Hooligan, Errr….. Dr. Hoogland ini, *[Ketawa]* masih boleh

kita persoalkan sebab dalam tempoh empat tahun ini, tiada *contribution essay* atau artikel, dengan izin, di dalam *Medical Journal*. Tetapi kita tidak persoalkan itu.

Dia boleh datang, dia boleh bawa team dia, dia boleh ubat Datuk Sri Anwar tetapi dia kena buatlah di sini, buat di sini daripada beru bat di luar negara sebab Dr. Hoogland pernah mengubat orang di Dubai dan di tempat lain. Apa salah buat di sini? Dan, Malaysia ini saya harap, Ahli-ahli Yang Berhormat menyokong supaya kita ada sikap *nationalism* sedikit.

Tuan Pengerusi, perbahasan Kementerian Kewangan dalam konteks ini banyak soal dasar, tidak ada spesifik. Patutnya saya tidak perlu jawab, sudah cukup clear hari itu dan hari ini tidak perlu dijawab tetapi memadailah itu. Jadi, saya ucap berbanyak terima kasih kepada mereka yang telah mengambil bahagian dan setakat ini, Tuan Pengerusi.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Minta penjelasan.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Akhir, akhir.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat boleh beri jalan atau tidak?

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Ya, minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Habis sudahkah?

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Bagi jalan, Kubang Kerian?

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Seputeh, Seputeh.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed:** Kalau boleh saya jawab.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ha.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Seputeh. *[Ketawa]* Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apa yang Yang Berhormat kata tadi bahawa yang Hoogland ini tidak ada sumbangan *literature* dalam bidangnya tetapi dalam Internet yang saya dapati, dalam isu SPINE Volume 24 Nombor 8, isunya yang dikeluarkan pada April tahun 1999, yang diedit oleh Wilke, H.J., Neef, P., Caimi, M., Hoogland dan Claes. L.E. yang dikeluarkan pada tahun 1999 itu, tajuknya yang disumbangkan oleh Dr. Hoogland ialah *New In Vivo Measurements of Pressures in the Intervertebral Disc in Daily Life,* muka surat 755 hingga 762. Ini adalah salah satu sumbangan artikelnya yang boleh dapat di Internet. Ini menunjukkan yang Dr. Hoogland ini, dia memang seorang *specialist,* yang pakar dalam bidang ini.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, pendekkan sedikit, perkara ini bukan spesifik, Yang Berhormat. Kita di dalam Jawatankuasa, kita tidak boleh membincangkan di atas sesuatu perkara yang tidak bersangkut.

**Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Habis sudah?

**Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed:** Habislah.

**Tuan Pengerusi:** Habis sudah? *[Ketawa]*

**Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed:** Selesai.

**Tuan Pengerusi:** Tidak bagi terima kasih pun kepada …… Tidak apalah.

**Tuan Pengerusi**: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM139,130,000 untuk Maksud P.34 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 2000 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM139,130,000 untuk Maksud P.34 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 2000.

***Majlis Mesyuarat bersidang semula.***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

## USUL

## WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**4.43 ptg.**

**Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

> Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diluluskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2000 dan 2001) 2001 dan Usul Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 2000 dan Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2001, dan selepas itu mesyuarat hendaklah ditangguhkan.

**Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah:

> Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diluluskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2000 dan

2001) 2001 dan Usul Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 2000 dan Anggaran Pembangunan (Tamb) (Bil.1) 2001, dan selepas itu mesyuarat hendaklah ditangguhkan,

hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

***Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.***

**Maksud B.35 dan B.36 [Jadual Pertama] –**
**Maksud P.35, P.37 dan P.40 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 2000] –**

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.35, B.36 dan Kepala Pembangunan P.35, P.37 dan P.40 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas. Ya, Batu Gajah.

**4.45 ptg.**

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 00400 iaitu Jabatan Imigresen mengenai komputer. Lebih kurang RM4.5 juta dikehendaki untuk pembelian dan pemasangan 24 unit *autogate* di kaunter imigresen. Jika kita membuat pengiraan satu unit *autogate* ini berharga lebih kurang RM0.18 juta.

Tuan Pengerusi, saya percaya kerajaan membeli peralatan yang moden ini adalah antara sebab untuk memberi kemudahan kepada rakyat dan memudahkan pengurusan pihak imigresen. Akan tetapi pada masa yang sama saya merasa risau kerana wang rakyat di tangan Kerajaan Barisan Nasional akan membawa pembaziran. Kita telah boleh lihat keadaan sedemikian berlaku pembinaan projek mega yang gagah.

Penggunaan wang rakyat yang banyak ini hendak menunjukkan bahawa negara di bawah pimpinan Kerajaan Barisan Nasional, negara kita membangun dengan bangunan yang tinggi dan peralatan yang moden di mana negara lain pun belum mempunyainya. Petunjuk kepada pembangunan bukanlah bangunan yang tinggi dan teknologi yang moden semata-mata. Ia melebihi daripada itu. Perseimbangan pembangunan dengan pemakaian prinsip-prinsip sebuah negara demokrasi, itulah menunjukkan pembangunan.

Kita mesti memberi keyakinan kepada rakyat apabila kerajaan mengambil langkah untuk menjadi pemimpin di dalam teknologi moden ataupun pemakaian

peralatan yang canggih dan s*ophisticated* di dalam pengurusan pentadbiran. Pada masa kini, selalu kerajaan suka mengguna pakai perkataan *smart* atau pintar. Kita mempunyai *smart passport*, kita mempunyai *smart IC* baru-baru ini telah dilancarkan.

Khasnya saya ingin merujuk kepada *smart passport* di mana peruntukan ini lebih kurang RM4.5 juta untuk *autogate*. Menurut laporan surat khabar *The Star,* pada bulan Mac, seorang warganegara telah ditendang (*assault*) oleh pegawai imigresen di Seoul kerana memiliki *smart passport* yang tidak dikenali oleh negara tersebut. Selepas itu juga diikuti dengan laporan *The Star*, warganegara Malaysia di Seoul juga mengalami keadaan yang sedemikian. Selepas itu, ada seorang wartawan juga mengalami keadaan sedemikian di Jakarta.

Ekoran daripada laporan kes-kes ini, saya percaya ramai pemegang *smart passport* juga hilang keyakinan terhadapnya. Saya ada tanya ramai tidak berani menggunakan *smart passport* jika mereka ingin keluar negara. Tidak mahu ambil risiko, kata mereka.

Tuan Pengerusi, Timbalan Ketua Pengarah Imigresen (Deputy Immigration Director General) telah dilaporkan di dalam surat khabar menyatakan bahawa kes-kes yang berlaku ini hanyalah *isolated case*. Saya rasa ini jawapan yang kurang memuaskan. Menurut beliau lagi *smart passport* ini adalah hanya untuk pemeriksaan dalaman Malaysia di mana negara US sahaja yang mempunyai peralatan tersebut. Itu adalah satu pengecualian. Tambahan pula beliau berkata bahawa negara luar mempunyai cara pemeriksaan mereka sendiri. Kata-kata sedemikian adalah amat serius ya.

Apabila kita memakai teknologi yang moden, Tuan Pengerusi, ia seharusnya diperakui penggunaannya oleh negara lain. Jika tidak, fungsi teknologi ini tidak dapat digunakan dengan sebaik-baiknya. Dalam keadaan di mana negara lain tidak memperakui *smart passport* Malaysia, ia menunjukkan bahawa *smart passport* ini sebenarnya tidak dijalankan dengan *smart* langsung daripada aspek implementasi.

Saya percaya *smart passport* ini diperkenalkan adalah untuk mempercepatkan proses melalui imigresen, tidak perlu beratur lama untuk pengesahan identiti pemegang pasport. Saya ingin tanya apakah penyelesaian terhadap perkara ini oleh kementerian kerana dilaporkan bahawa pihak imigresen akan menyelesaikan masalah ini dengan menyuruh pemegang *smart passport* menghubungi Duta Malaysia di mana ia boleh mengesahkan identitinya jika keadaan ini berlaku. Tetapi kita boleh tengok kes yang dilaporkan di dalam *The Star* yang

melibatkan seorang yang bernama Yap Poon Hock, dia cuba untuk menghubungi Duta Malaysia tetapi dilarang oleh pihak imigresen. Jadi, saya rasa cara penyelesaian ini tidak akan berjaya.

Keduanya, ada dilaporkan juga bahawa pihak kementerian akan menghubungi pihak South Korea mengenai *smart passport* Malaysia. Saya ingin tahu apakah sebelum ini maklumat penggunaan *smart passport* Malaysia ini tidak pernah dimaklumkan kepada negara lain? Jika benar ada pernah memaklumkannya, apakah jaminan bahawa keadaan ini tidak akan berulang lagi kerana kesemua kes-kes ini melibatkan warganegara Malaysia dan telah menyusahkan rakyat Malaysia.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat bagi Batu Gajah ini, adakah Yang Berhormat menolak sesuatu teknologi yang baru? Walaupun Yang Berhormat sebutkan tadi hanya Amerika menggunakan teknologi ini, adakah tidak sesuatu langkah yang baik, adakah Malaysia tidak melakukan sesuatu langkah yang baik, yang proaktif memulakan sesuatu yang canggih? Walaupun ada pada *theething problem*, dengan izin, ada masalah tetapi kita harus *receptive* terhadap teknologi baru Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** Ya, apabila kita mahu menjadi *the leaders of modern technology,* kita mesti *implement* dengan *smart way*. Passport yang diberi ialah *smart passport* tetapi implementasinya tidak *smart* menjadikan pemegang passport sebenarnya tidak *smart.* Itu yang saya pertikaikan. Saya hendak tahu bagaimanakah untuk mengelakkan ia berulang lagi?

Jadi, saya akan merasa sangat *proud,* dengan izin, memiliki *smart passport* tetapi bagaimana pada masa yang sama, tidak akan menyulitkan saya. Saya hanya mempertikaikan perkara ini. Saya bukan menolak penerimaan atau pemakaian teknologi yang moden. Hanya implementasinya agar luar negara boleh terima kita yang memegang *smart passport* dan jangan menjadikan rakyat Malaysia yang memegang *smart passport* ini menjadi mangsa menyebabkan mereka ditendang. Ada seorang yang *smart passport*nya dikoyak. Saya mempertikaikan implementasinya. Saya harap Yang Berhormat bagi Bagan Datoh faham apa yang saya ucap ini.

Sekarang saya risau juga dengan izin, Tuan Pengerusi, mengenai *smart IC* kerana baru-baru ini di dalam surat khabar ada dilaporkan bahawa pihak konsumer

telah melafazkan kerisauannya mengenai teknologi moden ini, *smart IC.* Saya percaya jika lebih kaunter imigresen dibuka semasa waktu yang sibuk seperti cuti dan hari minggu, ia dapat mempercepatkan proses melalui imigresen tersebut.

Ada satu perkara yang lain kalau boleh dibenarkan saya ingin minta penjelasan mengenai apakah sebenarnya yang berlaku kepada 7 orang warganegara Singapura yang memasuki Malaysia baru-baru ini tetapi tidak dicap pasport mereka dan telah ditahan apabila mereka keluar dan didenda. Tidak boleh bayar, mereka terpaksa ditahan dan didenda dan dikurung untuk sehari. Saya ingin tahu apa yang telah berlaku?

Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Pokok Sena.

**4.52 ptg.**

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh soal maksud B.36 iaitu Polis Diraja Malaysia, peruntukan untuk menampung kenaikan gaji ini.

Kita menyokong bukan sekadar jumlah ini, malah saya pernah menyebut di Dewan yang mulia ini bahawa skim ataupun tangga gaji pihak polis perlu disemak semula untuk menjaga kepentingan pasukan pihak polis, tetapi dalam masa yang sama kita juga berkehendakkan dari sudut keberkesanan menjalankan tugas, bukan sahaja yang memenuhi tuntutan yang bermakna kepentingan untuk menjaga keselamatan dan kepentingan negara dan rakyat kerana pihak polis seharusnya berdiri sebagai pasukan untuk menjalankan tugas bagi melaksanakan proses amalan demokrasi untuk mempertahankan prinsip demokrasi dalam negara kita dan kita tidak berkehendakkan bahawa apabila pihak polis dibayar gaji oleh wang rakyat dalam negara kita, tiba-tiba pihak polis dilihat lebih banyak menjalankan tugas dan peranannya untuk menjaga kepentingan politik parti yang sedang memerintah iaitu Kerajaan Barisan Nasional.

Sebab itu apa yang ingin saya mempersoalkan di sini ialah soal kenyataan-kenyataan atau pun cara pengendalian tugas yang agak mengecewakan ramai masyarakat pada hari ini. Umpamanya, seperti mana siasatan-siasatan yang pernah dilakukan oleh pihak masyarakat dan rakyat seperti kami dari parti Barisan Alternatif tidak menampakkan kesungguhan untuk pihak polis mengambil siasatan-siasatan tersebut. Termasuklah saya sendiri pernah membuat siasatan terhadap kes yang

kita bincang dalam Dewan ini iaitu kes penyelewengan dalam pengambilalihan syarikat ataupun saham MAS daripada Naluri. Kita pernah membuat satu aduan kepada pihak polis di Balai Polis KLIA di dalam daerah Sepang.

Begitu juga satu *report* yang pernah saya sendiri dan rakan saya yang dalam tahanan ISA sekarang, Saudara Ezam iaitu *report* terhadap bekas peguam negara, Tan Sri Mokhtar Abdullah selepas beliau dilantik menjadi Hakim Mahkamah Persekutuan, *report* di Balai Polis Dang Wangi dan banyak lagi *report* termasuk juga *report* terhadap….

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ya.

**Puan Chong Eng:** Saya minta pandangan Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Adakah Yang Berhormat berpandangan pihak polis juga kurang prihatin kepada laporan mengenai gangguan seksual. Mereka selalunya selepas menerima laporan seperti ini, mereka lambat bertindak seperti kes Rubaiyah, seorang pekerja di Pejabat Tanah dan Daerah di Seremban. Selepas dia buat aduan, dia pula yang dipindah kerja dari Seremban ke Jempol, 80 kilometer dari rumahnya. Dan dikatakan pihak polis menasihatkan beliau bahawa tidak perlulah membuat laporan dan apakah pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Memang inilah yang dipersoalkan oleh masyarakat dan rakyat, seolah-olah macam wujudnya satu siasatan terpilih. Maknanya pihak polis menyiasat memilih mana-mana kes *report* yang dibuat oleh mereka yang kalau dianggap kes-kes tersebut boleh menyentuh soal kepentingan politik pemimpin-pemimpin negara ataupun orang-orang yang berkuasa dalam negara kita maka ianya akan diabaikan ataupun dilewatkan, dilengah-lengahkan. Sehingga sekarang kita lihat banyak kes-kes *report* polis yang telah dibuat oleh berbagai-bagai pihak dalam negara kita termasuklah apa yang disebut oleh wakil daripada Bukit Mertajam tadi bahawa tidak sepatutnya pihak polis memberikan satu gambaran atau pandangan kepada orang yang hendak membuat satu aduan seolah-olah bahawa dia tidak perlu membuat aduan sedangkan dia telah menghadapi satu gangguan seksual yang memerlukan kepada satu penyiasatan dan tindakan perlu dibuat oleh pihak polis. Jadi oleh sebab itu kita melihat bahawa peranan ataupun tugas pihak polis ini sangat meragukan sama ada ia benar-benar untuk mencegah jenayah dalam negara kita ataupun tidak.

Kemudian, soal bagaimana pihak polis boleh membuat kenyataan-kenyataan khususnya ekoran daripada kes penahanan ISA ke atas 7 orang termasuk juga rakan saya daripada Ketua Pemuda KeADILan dan beberapa orang lagi. Apabila Ketua Polis Negara dan diperakui pula oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan mengatakan mereka ini telah mengumpulkan sejumlah senjata *molotov cocktail, rocket launcher* dan sebagainya tanpa dikemukakan satu bukti yang nyata bahawa memang benar mereka ini mempunyai senjata-senjata tersebut. Dan ini menunjukkan bahawa pihak polis telah diperalatkan oleh pemimpin-pemimpin negara kita ini untuk menghilangkan fokus rakyat terhadap persoalan-persoalan besar dalam negara kita yang melibatkan penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dalam isu MAS, Time.dotCom dan sebagainya. Kegagalan dalam dasar penswastaan dalam negara kita yang menjadi tumpuan masyarakat supaya masyarakat berbincang dengan satu isu yang tidak berbangkit yang merupakan cerita reka yang direkakan oleh pihak polis yang saya percaya bahawa yang di belakangnya merupakan pengarah-pengarah yang terkenal yang menjadi tokoh-tokoh konspirasi kepada kes-kes yang telah pun berlaku sebelum ini. Ini saya kira bahawa satu perbuatan yang sangat malang apabila pihak polis sekali lagi melakukan sesuatu yang saya anggap satu perkara yang tidak sepatutnya dilakukan oleh pihak polis di mana apa yang sepatutnya dilakukan oleh pihak polis pada kali ini ialah bagaimana untuk membanteras jenayah sebenarnya yang berlaku dalam negara kita.

Umpamanya, saya hendak sebut di sini bahawa sepanjang bulan Januari tahun ini bagaimana media melaporkan bahawa berlaku enam kes rompakan bersenjata yang melibatkan wang ringgit, barang-barang kemas, komponen kereta dan elektronik, keseluruhannya berjumlah RM4.9 juta. Enam kes pembunuhan yang melibatkan lapan orang mangsa termasuk seorang pensyarah Universiti Teknologi MARA (UiTM), dua kes colek yang melibatkan wang tebusan RM3.5 juta, lima kes penyeludupan barangan seperti beras dan sebagainya yang melibatkan jumlah keseluruhannya RM1.5 juta. Banyak lagi kes-kes dadah dan sebagainya yang hendak menggambarkan bagaimana ini isu-isu yang sebenarnya yang sepatutnya ditangani oleh pihak polis.

Saya percaya bahawa pihak polis juga turut terlibat tetapi hendak menggambarkan bahawa tidak seriusnya pihak polis untuk menangani persoalan-persoalan ini malah sebaliknya pihak polis lebih menumpukan kepada isu-isu yang sebenarnya untuk menjaga kepentingan politik. Umpamanya dibeli *water cannon*

hanya untuk semata-mata hendak menghadapi demonstrasi yang demonstrasi tersebut jarang diadakan, bukan tiap-tiap hari diadakan. Sepatutnya jumlah wang yang begitu besar untuk membeli *water cannon* sepatutnya diberikan peruntukan untuk mempertingkatkan kepakaran pihak polis dalam membanteras jenayah sebenarnya seperti mana yang saya sebutkan tadi berdasarkan kepada laporan yang terdapat dalam media dalam negara kita.

Jadi, oleh sebab itulah saya kira bahawa sepatutnya pihak polis lebih dapat mengenal pasti apa tugas dan apa yang sepatutnya dilakukan, mengenal pasti persoalan-persoalan, masalah-masalah sebenarnya yang berlaku kepada masyarakat, bukannya mencampuri hal-hal urusan politik dalam negara kita bila mana pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional tidak mampu hendak berhadapan dengan gelombang kebangkitan rakyat, tidak mampu hendak menjawab persoalan-persoalan kritikan daripada pemimpin-pemimpin parti pembangkang, akhirnya pihak polis diguna dan diperalatkan untuk mengguna menguatkuasakan undang-undang, akta zalim ISA untuk menangkap pengkritik-pengkritik. Ini saya anggapkan seperti mana saya sebut dalam Dewan yang mulia ini, ini merupakan satu tindakan yang pondan yang dilakukan oleh kerajaan Barisan Nasional.

Sepatutnya saya hendak sebut di sini sekali lagi, Tuan Pengerusi…

**Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Ha, bagi jalan.

**Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Usia pasukan Polis Diraja kita 100 tahun lebih. Jasanya kepada negara begitu besar. Dan ini rekod yang memang sama-sama kita ketahui. Kecekapan pasukan polis kita diperakui di peringkat dunia antara pasukan polis yang terbaik di dunia. Saya rasa agak keterlaluan sahabat saya bagi Pokok Sena ada beberapa kes rompakan yang belum selesai dijadikan contoh sebagai kelemahan kerana banyak kes-kes pembunuhan, rompakan dan berbagai-bagai jenayah yang telah dapat diselesaikan oleh pihak polis kita. Maka itu janganlah kerana hendak membela tujuh orang yang ditahan di bawah ISA sehingga kita memaparkan hujah-hujah yang agak hendak memesongkan sebagai untuk mengaburi mata rakyat seolah-olah polis bertindak kejam dan bertindak kerana arahan pucuk pimpinan. Di negara ini kita perlu mengetahui bahawa undang-undang itu perlu ditegakkan dan polis ada sebab dan

alasan yang kukuh dalam melakukan sesuatu untuk kepentingan rakyat, termasuk juga kepentingan Pokok Sena.

**Tuan Pengerusi:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Baik, terima kasih. Terima kasih wakil bagi Sri Gading. Saya bukan hendak mempersoalkan tentang keupayaan pihak polis selama ini tetapi saya mempersoalkan bagaimana apabila dalam hal-hal tertentu pihak polis yang sepatutnya menjaga kepentingan rakyat lebih banyak dilihat untuk menjaga kepentingan politik pemimpin-pemimpin dalam negara kita. Ini yang kita persoalkan. Saya tidak menafikan bahawa ada kes-kes jenayah yang berjaya diselesaikan oleh pihak polis tetapi dalam isu ISA, polis gagal untuk mengemukakan apa sebenarnya mereka ini. Apa yang membawa kepada mereka ini boleh ditahan di bawah ISA. Malah kewujudan ISA itu sendiri saya merasakan bahawa ianya bukan satu keperluan kepada negara kita. Tetapi itu bukan soal polis, tetapi itu soal polisi, soal dasar dalam negara kita.

Jadi, oleh sebab itu sekali lagi saya minta supaya pihak kerajaan, UMNO dan Barisan Nasional mari kita berpolitik secara *gentleman*, berpolitik secara anak jantan, secara prinsip amalan demokrasi dalam negara kita. *Argument* lawan *argument*, hujah lawan hujah, bukannya hujah lawan undang-undang, lawan kuasa. Tidak boleh hendak berhujah maka guna undang-undang yang ada untuk menangkap, menahan mana-mana pengkritik di dalam negara kita.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ini menunjukkan satu kelemahan daripada pihak UMNO, hendak menggambarkan bagaimana UMNO sudah gagal untuk berhadapan memperjelaskan kepada masyarakat dan rakyat dalam negara kita.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Masa Yang Berhormat sudah cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ini depa hendak penjelasan?

**Tuan Pengerusi:** Tak boleh dah.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Boleh beri penjelasan?

**Tuan Pengerusi:** Sudah, sudah, sudah. Sudah cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Habis itu, nanti mereka kata saya pondan pula padahal mereka pondan. *[Ketawa]*.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah, cukuplah.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Saya bagi, saya *gentleman*, demokrasi, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Cukup ya. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, saya minta Menteri menjawab.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Allah, saya ada satu lagi. Tuan Pengerusi, boleh lima minit sudahlah.

**Tuan Pengerusi:** Pihak pembangkang sudah ada dua. Sebelah sana seorang pun belum ya.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Dia orang tidak bangun tadi, Tuan Pengerusi. Saya sudah bersedia beberapa hari ini.

**Tuan Pengerusi**: Ya, ya. Timbalan Menteri menjawab ya.

**5.04 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Pengerusi, pertama sekali ucapan terima kasih …

**Tuan Pengerusi:** Tadi telah dipersetujui…..

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Lima minit tidak apa, Tuan Pengerusi, saya sudah bersedia banyak hari.

**Tuan Pengerusi:** Tidak boleh Yang Berhormat, kita sudah buat persetujuan, Yang Berhormat.

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat dari kalangan pembangkang yang telah pun mengambil bahagian …

**Tuan Mohamad bin Sabu:** *[Menyampuk]* ….BN tak bangun seorang pun. Tolonglah!

**Tuan Pengerusi:** Dua orang sudah bangun. Yang Berhormat sila, sila teruskan.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, saya hendak jawab, dia kacau, saya tidak boleh….

**Tuan Mohamad bin Sabu:** BN tidak bangun.

**Tuan Pengerusi:** Cukup dah.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, pertama sekali ingin saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat jawatankuasa.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Satu, satu, Yang Berhormat. Saya bagi dua tadi.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Saya minta penjelasan tak nak bagi.

**Tuan Pengerusi:** Sila, sila.

**Dato' Chor Chee Heung:** Dua orang Ahli Yang Berhormat dari kalangan pembangkang yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat jawatankuasa mengenai Perbekalan Tambahan di bawah KDN.

Sebenarnya bagi menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat seperti Batu Gajah, saya berpendapat bahawa Yang Berhormat bagi Batu Gajah adalah seorang pesimis. Memang kalau dalam dunia ini jika terdapat teknologi yang canggih sekali kalau Malaysia mampu menguasai teknologi ini tidak sesiapa akan menolak bahawa kita akan menguasai teknologi. Walaupun terdapat sedikit sebanyak masalah mengenai pasport pintar, mengenai *autogate*, ini tidak bermaksud bahawa kita akan menolak kegunaan teknologi pintar.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** *[Bangun]*

**Dato' Chor Chee Heung:** I pun tidak sempat nak menjawab lagi you hendak meminta penjelasan apa pun saya tidak tahu.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tuan Pengerusi, fasal *autogate* ini saya ingin bertanya, yang dibeli sebanyak 24 unit dan sekarang ini ada pasport yang kita letak di situ, hijau, letak di situ merah. Saya di antara yang merah, banyak lagi Ahli Parlimen di sini merah. Pihak Imigresen menahan kita, dia kata kamu masuk dalam senarai SB. Kalau kita balik dari luar negeri kadang-kadang kita terpaksa berada sejam atau sejam setengah di *airport*. Apa ini, dalam negeri kita tengok kereta putih kita takut kalau-kalau kita di tahan ISA. Balik dari luar negeri kita hendak melintas Imigresen kita takut.

Malaysia sepatutnya tidak meletakkan rakyat dalam ketakutan. Saya hendak balik dari luar negeri saya tidak berani hendak menelefon isteri saya pukul berapa hendak datang ambil sebab sekejap lagi kena masuk pejabat Imigresen. Apa ini

senarai SB, senarai tak SB ini kepada mesin ini, minta penjelasan sedikit. Buanglah senarai itu semua. Kita Ahli Parlimen, Ahli Parlimen asyik kena tahan macam itu mampuslah kita!

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, terima kasihlah kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Kedah ini. Sebenarnya *autogate* merupakan satu *channel*, dengan izin, yang memudahkan bagi pemegang-pemegang pasport pintar, mempunyai *chip* ataupun pasport yang terbaru sekali supaya memudahkan mereka ini keluar masuk dengan begitu cepat sekali. Sama ada Yang Berhormat mempunyai masalah di Imigresen itu, buat masa ini saya tidak tahu apakah masalah yang dikenakan kepada Yang Berhormat. Tetapi bila saya balik saya akan bertanya dengan pegawai-pegawai Imigresen sama ada Yang Berhormat bagi Kuala Kedah ini memang mempunyai masalah atau tidak, sebab apa beliau ditahan tetapi pada keseluruhannya kalau kita menggunakan pasport pintar, kita menggunakan *autogate* untuk keluar masuk, ini akan banyak memudahkan proses *clearance*, dengan izin, dan……

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Senarai SB termasuk Yang Berhormat bagi Pendang, Yang Berhormat Baling dan beberapa orang yang lain dia masuk senarai SB. Apa senarai SB ini, sejam dua jam di *airport*, kami pelarian apa?

**Dato' Chor Chee Heung:** Mungkin Yang Berhormat ialah salah seorang terkenal dan mungkin sentiasa dijemput oleh SB untuk minum tehkah ataupun hendak berbincang, saya tidak tahu, mungkinlah, saya hendak *check* itu. Tidak apalah. Walau bagaimanapun, *autogate* dan pasport pintar ini merupakan teknologi yang cukup canggih dan Malaysia boleh dikatakan sebuah negara buat masa ini satu-satu negara yang menggunakan kad pintar ini.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Larut bangun, Yang Berhormat.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya seperti mana yang dikata oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, saya pun hendak bercakap juga tetapi kerana masa kita akurlah.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** *[Menyampuk]*

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ada, kita bersembang dekat luar tadi. Yang Berhormat ini kadang-kadang…..

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, tolong, Ahli-ahli Yang Berhormat kena jugalah menghormati Dewan ini.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Hormat Tuan Pengerusi, hendak bercakap, tetapi mereka ganggu Tuan Pengerusi, kadang-kadang ini masalah dalam Dewan Rakyat. Yang Berhormat, memang kita akui pasport antarabangsa yang diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia adalah satu perkara untuk menyenangkan rakyat Malaysia. Tetapi sedarkah ada juga apabila kita keluar negara, ada beberapa negara apabila pasport kita tidak dicap ini akan menyukarkan proses untuk kita melepasi Imigresen di sesebuah negara itu.

Jadi, apakah tindakan seterusnya kalau ini berlaku? Sebab saya pernah melalui pengalaman di sebuah negara Eropah kerana ini pasport lamalah, bukan yang jenis baru ini. Walaupun tidaklah semacam Yang Berhormat tadi ditahan oleh SB dan sebagainya tetapi mungkin kadang-kadang pasport kita ini terkena air sedikit atau mungkin maklum sahajalah lama, walaupun tidak berkulat, jadi pernah disoal. Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Tentang pasport baru ini keluar tidak ada masalah tetapi bila tiba ke sebuah negara, tidak payah sebut negara manalah, dia tengok tidak bercap, jadi dia mula menimbulkan masalah. Jadi, minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Larut. Biar saya memberi jawapan dahulu, selepas itu saya baru berbalik kepada pertanyaan Yang Berhormat.

Sebenarnya *smart passport* ataupun pasport pintar dan *autogate* ini merupakan benda-benda teknologi yang agak terbaru sekali dan memang kita dapat meneliti selepas kita memperkenalkan kedua-dua perkara ini supaya ianya dapat memudahkan rakyat kita keluar masuk negara. Sejak kita memperkenalkan *autogate* dan pasport pintar didapati begitu banyak proses Imigresen dapat dipercepatkan lagi. Walaupun terdapat sedikit masalah sebab kita baru memperkenalkan sistem itu. Memang pada permulaannya semua mempunyai masalah sedikit sebanyak, memang ada saya mengaku.

Macam satu misalan ialah KLIA. Bila KLIA mula-mula dibuka memang begitu banyak masalah. Sama juga dengan lapangan terbang antarabangsa di Hong Kong, di mana-mana tempat di dunia ini. Mula-mulanya bila diimplementasikan, memulakan operasi memang banyak masalah, tetapi lama kelamaan kita dapat mengurangkan masalah dan hingga hari ini kita dapat mengadakan satu proses yang cukup licin sekali.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini sejak kita memperkenalkan pasport pintar ini kita telah pun mengeluarkan melebihi 900,000 naskhah pasport pintar. Dalam 900,000 pasport pintar ini hanya tiga, empat kes macam yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Ini boleh dikatakan kes-kes *isolated,* dengan izin.

Walau bagaimanapun, oleh kerana kita harus memastikan supaya rakyat kita pergi ke negara lain tidak diganggu oleh Imigresen, maka kita telah pun sekali lagi memberitahu kedutaan-kedutaan kita di seluruh negara supaya mereka ini dapat memberitahu kerajaan negara-negara yang berkenaan.

Bagi kes Korea Selatan ini juga kerajaan telah pun menghantar dengan secepat mungkin selepas menerima laporan oleh rakyat kita bahawa beliau telah dimangsakan, maka, pemberitahuan telah diberikan kepada Korea Selatan dan sekarang mereka telah pun sedar bahawa ini adalah satu masalah dalaman mereka bukan masalah pasport pintar.

Untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat bagi Larut, amalan yang baru antarabangsa ini ialah seseorang rakyat, katalah rakyat Malaysia, kalau dia hendak keluar dari negara ini yang penting sekali hendak keluar mengikut *channel* ataupun tempat yang disediakan dan sama ada cap atau tidak bercap di pasport itu tidak penting. Sebab apa? Sebab yang penting sekali ialah pasport antarabangsa yang dimiliki oleh seorang rakyat haruslah merupakan pasport yang sah. Sebelum kita hendak memasuki sebuah negara lain, yang penting sekali ialah pegawai Imigresen di negara itu harus menjatuhkan *endorsement* ataupun *chop* dalam pasport kita ini.

Itulah sebab kita tengok di negara-negara Eropah khususnya di EEC ini, kita boleh keluar masuk di antara satu negara dan negara lain tanpa mempunyai *endorsement* langsung, asalkan kita pegang senaskhah pasport antarabangsa yang sah dikeluarkan oleh kerajaan rakyat berkenaan. Ini adalah yang penting sekali.

Sekarang saya hendak beralih kepada kad pintar.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Menekan mikrofon]* Tuan Pengerusi, makin lama tidak berbunyi.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang saya maksudkan tadi Yang Berhormat, tidak ada masalah.

Masalah ada negara, tidak tahulah dia faham atau tidak fahamkah, dia tengok ini tidak ada cop, dia kata kita seolah-olah lari keluar daripada luar, timbul masalah *[Disampuk]* ….Tidak, hendak masuk negara lain, setengah negara itu tengok dahulu kita selalu cop daripada negara kita tetapi masalahnya sama ada kita ada hubungan atau tidak dengan negara tersebut akan menimbulkan masalah.

**Dato' Chor Chee Heung:** Saya faham, saya faham Yang Berhormat. Ini adalah masalah yang baru sekali dan seperti yang saya katakan tadi, kedutaan kita telah pun diarah untuk memberitahu ke semua negara seluruh dunia ini bahawa kita mempunyai pasport pintar, yang mempunyai cip di dalam itu dan tidak perlu bahawa *endorsement*, dengan izin, diadakan pada pasport. Saya percaya ini adalah satu amalan yang diikuti oleh semua negara buat masa ini walaupun ada setengah negara yang masih tidak mengetahui ataupun fasih tentang amalan ini tetapi kerajaan kita akan mengambil berat supaya masalah ini dikurangkan atau dihapuskan sama sekali.

Mengenai kad pintar ataupun 'Kad Pintar Pelbagai Kerajaan' ini juga merupakan salah satu perkara yang mana teknologi yang terbaru diperkenalkan. Kerajaan telah pun mula memperkenalkan kad pintar ini kepada rakyat kita, cuma hanya terhad di Lembah Klang sahaja dan pada permulaannya kad pintar ini hanya mempunyai tiga aplikasi iaitu:

(i) sebagai kad pengenalan;

(ii) sebagai lesen memandu; dan

(iii) oleh kerana kad pintar ini mempunyai satu cip dan kita boleh memasukkan sedikit wang untuk urusan harian kita, misalnya kita boleh masukkan sebanyak RM50 dalam cip ini dan kita mungkin boleh pakai kad ini bila kita hendak masuk tol, hendak bayar tol, itu boleh digunakan.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ha, hendak beri jalan kepada siapa, dua orang bangun.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tidak apalah, yang last sekali, Tuan Pengerusi.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya amat tertarik dengan kad pintar ini kerana kita adalah negara yang pertama tetapi masalahnya, Yang Berhormat, kadang-kadang dalam peringkat awal kita tidak ada masalah, kita tidak menafikan. Cuma satu saya hendak cadangkan di

sini, Yang Berhormat, kita Ahli Parlimen apa salah kad pengenalan Ahli Parlimen dimasukkan sekali kerana kad Parlimen sekarang pun dalam proses diperbaharui, ini kalau hilang kad Parlimen, jangan main-main Yang Berhormat, kena *report* polis. Bermakna kad pengenalan Parlimen pun adalah merupakan dokumen yang mustahak. Jadi mengapa tidak dimasukkan sekali kad pengenalan Parlimen, mungkin ini akan membantu Yang Berhormat Kuala Kedah, sahabat saya di sebelah sana. Terima kasih.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, ini memang satu cadangan yang baik sekali sebab buat masa ini, ini hanya merupakan satu *pilot project* untuk Lembah Klang, tidak diperkenalkan kepada seluruh negara lagi. Jadi, dalam proses *pilot project* ini kita akan meneliti apakah masalah yang bersangkut-paut dengan kad pintar ini.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Puan Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi sudah tidak bagi ini. Macam mana ini?

**Tuan Pengerusi:** Itu hak Yang Berhormat.

**Dato' Chor Chee Heung:** Saya ingat masa sudah suntuk, saya ingat terima kasihlah, nantilah, saya habiskan ini dahulu. Dan bila kita habis….

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Menyampuk]*

**Dato' Chor Chee Heung:** Ok, *last.*

**Tuan Pengerusi:** Hmm, lupa dah?

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Baik, terima kasih Tuan Pengerusi. Ini bukan last, ini baru kad pintar, pasal polis belum giliran saya lagi. Pasal Yang Berhormat kata tadi, Yang Berhormat setuju dengan cadangan Larut pasal kad Ahli Parlimen. Adakah Yang Berhormat dengan Larut fikir bahawa lima tahun lagi Yang Berhormat hendak jadi Wakil Rakyat? *[Ketawa]*

**Dato' Chor Chee Heung:** Yang Berhormat bagi Pokok Sena, sebenarnya pertanyaan itu adalah satu pertanyaan yang baik, jangan kita perli dia. Walau bagaimanapun pada peringkat akhirnya, semua terdapat tujuh aplikasi melalui kad pintar ini.

Mengenai masalah tujuh orang Singapura yang datang dan pasport mereka ini mempunyai masalah, saya hendak meminta maaf sebab saya tidak mempunyai

maklumat yang relevan. Saya beri jaminan bahawa saya akan balik, saya akan tanya dan saya akan bagi secara bertulislah, saya pun tidak tahu. Saya tidak tahu tentang ini, saya akan bagi secara bertulis, okey?

**Puan Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Dia bangun juga, Yang Berhormat. Hendak tanya juga ya?

**Puan Fong Po Kuan:** *[Menyampuk]*

**Dato' Chor Chee Heung:** Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat harus pergi buat kad pintar sekarang, baru kita tahu mengenai kad pintar. Sekarang kita tidak tahu, hanya kita tahu daripada paper. Tidak apalah.

**Puan Fong Po Kuan:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Batu Gajah, Batu Gajah, tidak boleh begitu, Yang Berhormat.

**Dato' Chor Chee Heung:** Saya ingat tidak payahlah, besok, besok.

**Tuan Pengerusi:** Batu Gajah, tidak boleh terus cakap macam itu, ya, ikutlah Peraturan Mesyuarat. Dia tidak beri jalan Yang Berhormat, kalau dia beri jalan, boleh Yang Berhormat berucap.

**Dato' Chor Chee Heung:** Yang Berhormat bagi Pokok Sena telah pun dalam ucapannya mengenai isu-isu PDRM dan beliau begitu prihatin terhadap skim gaji PDRM, ini adalah satu tanda yang cukup baik, pihak pembangkang pun sekarang sudah mula prihatin dan hendak minta supaya gaji PDRM, anggota Polis Diraja Malaysia dinaikkan lagi.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Hal gaji.

**Dato' Chor Chee Heung:** Ya, hal gaji?

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tuan Pengerusi, saya berucap dalam peringkat dasar hari itu tetapi tidak ada jawapan. Kenapa penyelarasan gaji baru-baru ini, polis dapat paling lambat. Lepas raya, baru dapat. Kemudian elaun khas RM100 itu, sampai sekarang tidak dapat lagi. Bila mereka lambat dapat elaun, kerja banyak, itu yang mereka mengamuk, kadang-kadang pukul kami. *[Ketawa]* Jadi mintalah supaya mereka ini kalau boleh didahulukan. Mereka *front line* kepada keselamatan negara, mengutamakan mereka, bukan membelakangkan. Kalau tidak, mereka *release tension* di tempat lain. *[Ketawa]*

**Dato' Chor Chee Heung:** Hai, jangan Yang Berhormat. Pada hari ini Polis Diraja Malaysia merupakan anggota keselamatan yang cukup profesional, yang mempunyai tahap profesionalisme yang cukup tinggi sama ada awal dapat gaji ataupun lewat dapat gaji, mereka tetap juga menjalankan tugas.

Mengenai dua pertanyaan iaitu gaji mereka ini. Gaji mereka memang mempunyai sedikit masalah teknik dan sebenarnya kerajaan iaitu Kementerian Kewangan telah pun mengeluarkan bayaran gaji kepada pihak Polis Diraja Malaysia tetapi oleh kerana silap teknik ditambah pula hari cuti, kemungkinan jumlah itu tidak sempat masuk ke komputer. Oleh sebab itulah sudah lewat dua tiga hari, selepas raya baru dapat. Ini memang satu masalah teknik tetapi saya ingin mengucapkan begitu banyak terima kasih dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak polis. Walaupun mereka tahu bahawa gaji mereka akan dapat secara lewat, mereka pun tidak komp elin sedangkan mereka jalankan tugas juga.

Mengenai elaun khas RM100, saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini, selepas pihak Kementerian Dalam Negeri membuat permohonan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam telah pun bersetuju RM100 elaun khas dibayar kepada anggota Polis Diraja Malaysia tetapi hanya kepada anggota-anggota yang ditempatkan di dua tiga bahagian, macam di Bahagian Cawangan Khas, Bahagian Siasatan Jenayah dan lain-lain anggota biasa tidak dapat. Oleh yang demikian, Kementerian Dalam Negeri memang tidak begitu bersetuju dan mereka telah pun membuat rayuan sekali lagi. Rayuan sekali lagi dikemukakan kepada JPA supaya semua anggota Polis Diraja Malaysia diberikan elaun khas ini, tidak kira mereka bertugas di mana-mana bahagian, di pejabat mana. Bila kita dapat satu keputusan, kita mempunyai keyakinan bahawa JPA akan meluluskan dan selepas ini kita akan bayar kepada mereka, ok.

Selama ini pihak Polis Diraja Malaysia telah memainkan peranan yang begitu berkesan sekali menjaga keselamatan dalam negeri, menjaga ketenteraman negara kita walaupun terdapat dari masa ke semasa begitu ramai orang yang tidak bertanggungjawab yang ingin melalui pelbagai cara untuk melakukan kekacauan di dalam komuniti kita tetapi pihak polis telah pun menjalankan tugasan mereka tanpa memihak kepada sesiapa. Ini adalah satu tahap profesionalisme yang harus kita merasa bangga….

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Nak sokong polis?

**Dato' Chor Chee Heung:** Hendak sokong atau hendak bantai polis?

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tuan Pengerusi, pihak polis ini, dia sentiasa kena *smart*, pakaian dia terutama sekali. Saya lihat dalam surat khabar kadang-kadang, bila pihak polis membawa penjenayah ke mahkamah, kadang-kadang anggota polis pakai *t-shirt*, penjenayah pakai *long sleeve*, tangan kedua-dua digari. Saya tidak tahu yang mana penjenayah, yang mana polis bila pergi ke mahkamah. Oleh itu, kita harap polis yang bawa penjenayah itu biarlah sentiasa pakaian dia *smart*, bila kita lihat kita tahu, ini penjenayah, ini polis. Kadang-kadang bila pergi ke mahkamah, kita lihat yang inikah penjenayah? Sebab yang polis itu pakaiannya teruk, penjenayah pakai *smart*. *[Ketawa]*. Kita ingat kena ubahlah supaya orang boleh nampak polis kita lebih *smart*. Dalam hal itu saya hendak sokonglah tetapi yang lain, banyak lagi saya hendak bantai *[Ketawa]*.

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Memang penjenayah-penjenayah hari ini di seluruh dunia ini, pakai cukup *smart*.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** *[Menyampuk]*

**Dato' Chor Chee Heung:** Hah, memang. Yang Berhormat bagi Kuala Kedah dan Pokok Sena pun *smart* juga. Betul tidak ? *[Ketawa]* Tetapi sama ada mereka ini merupakan penjenayah atau tidak, saya tidak tahu. *[Ketawa].*

Baiklah, Tuan Pengerusi, mengenai kerja-kerja siasatan yang dijalankan oleh pihak polis, saya ingin memberitahu dan memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, pada setiap hari, di setiap balai polis, beribu-ribu laporan polis dibuat. Polis juga mempunyai tugas-tugasan yang lain. Dalam perkataan lain, di Malaysia hari ini terdapat melebihi 81,600 anggota polis yang melibatkan pangkat tertinggi hingga yang terendah. Selain daripada menjalankan siasatan kes-kes jenayah, mereka juga mempunyai tanggungjawab yang lain, menjaga ketenteraman dan membuat rondaan. Memang kita dapat mengetahui betapa tekanan berat yang dihadapi oleh semua anggota polis.

Walaupun demikian, mereka akan menjalankan siasatan terhadap semua laporan dengan sedaya upaya. Jika Yang Berhormat kata, oleh kerana tidak menerima sebarang maklumat daripada pihak anggota polis selepas membuat laporan, adalah oleh kerana mereka tidak ambil berat untuk menjalankan siasatan, ini adalah tidak betul sama sekali. Semua laporan harus disiasat dan untuk maklumat Yang Berhormat bagi Pokok Sena juga, ada peratusan besar daripada laporan-laporan yang dibuat ini, memang mempunyai benda-benda yang tidak tepat, yang tidak sesuai untuk dijalankan siasatan. Kalau ada pun, masalah remeh temeh,

yang tidak perlu siasatan tetapi kes-kes yang agak serius, yang perlu disiasat, polis akan tetap menjalankan siasatan.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Dato' Chor Chee Heung:** Ok, *last* sekali ya. Tuan Pengerusi marah ini nanti.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi tidak marah, Tuan Pengerusi baik.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Timbalan Menteri Dalam Negeri. Soal kes siasatan ini, saya mempersoalkan kerana saya percaya bahawa polis ada menyiasat tetapi yang saya mempersoalkan bahawa kadang-kadang ada kes-kes tertentu, dia boleh cepat dan ada kes-kes tertentu kita tidak tahu bila? Bila hasil siasatan itu akan dapat dilihat. Umpamanya, saya tunjukkan contoh. Kes Ketua Pemuda KeADILan, Saudara Ezam, iaitu kes yang terbaru, tuduhan mengatakan bahawa dia akan mengadakan perhimpunan demonstrasi setiap hari.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] ***mempengerusikan Jawatankuasa].***

Hanya berasaskan kepada laporan surat khabar, dia ditahan pada malam Hari Raya Haji. Kemudian, beberapa hari selepas itu, empat, lima hari dia terus didakwa, sedangkan kes-kes yang lebih besar yang melibatkan soal kepentingan rakyat umpamanya kes yang berkaitan dengan penyelewengan yang berlaku dalam kes pengambilalihan MAS oleh kerajaan. Kes ini melibatkan wang, kepentingan rakyat dan sehingga sekarang, kita tidak tahu. Sebab kalau siasatan itu dibuat dalam kes MAS, sudah tentu Saudara Ezam dipanggil untuk memberikan keterangan kepada pihak polis. Saudara Ezam tidak diberi keterangan. Apakah Perdana Menteri yang juga dinamakan dalam *report* tersebut dipanggil?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Apakah Menteri Kewangan yang juga dinamakan dalam *report* tersebut dipanggil?

**Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat. Ini berkenaan dengan hal yang lain.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Banyak lagi kes-kes yang saya boleh tunjuk bagaimana siasatan ini saya katakan bahawa siasatan terpilih. …

**Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** …Siasatan terpilih yang hanya melihat kepada kepentingan politik, pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional *[Tepuk]*

**Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi...*[Disampuk]*

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Memang dia tidak faham.

**Dato' Chor Chee Heung:** Yang Berhormat memang tidak faham macam mana sistem kepolisian yang dijalankan di negara kita. Seperti kita semua maklum, pihak Polis Diraja Malaysia mempunyai banyak cawangan. Ada cawangan khas, cawangan sistem penjenayah, ada juga mengenai siasatan penjenayah komersial pun ada. *So*, ini adalah bergantung kepada kebijaksanaan pihak Polis Diraja Malaysia dan juga bergantung kepada bahagian-bahagian yang terlibat. Ada yang cepat, ada yang lambat sedikit. Kalau yang cukup penting mengikut kebijaksanaan pihak polis, memang mereka ini akan menjalankan dengan begitu cepat sekali tetapi, yang penting sekali, tidak kira siapa yang buat laporan, semua ini akan disiasat. Bukan sahaja Yang Berhormat daripada pihak pembangkang buat laporan, kita tidak kisah, tidak ada....*[Disampuk]*

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Minta penjelasan.

**Dato' Chor Chee Heung:** Sudah, cukuplah Yang Berhormat. Saya sudah hendak habis dah.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sikit. Sikit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Biar dia hendak habiskan dahulu .

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat, sikit sahaja, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

**Dato' Chor Chee Heung:** Sekarang kita beralih kepada kes.....*[Disampuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sebab ini masuk ISA, Yang Berhormat.

**Dato' Chor Chee Heung:** …telah pun banyak diperkatakan....*[Disampuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi, Yang Berhormat. Larut, dia tidak bagi. Dia hendak teruskan.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, Akta Keselamatan Dalam Negeri ini, ini adalah satu akta yang diperbuat menurut peruntukan Artikel 149, Perlembagaan Malaysia. Akta Keselamatan Dalam Negeri ini diperbuat di tahun 1960 dan merupakan satu akta bagi mengadakan peruntukan mengenai keselamatan dalam negeri, tahanan pencegahan, tahanan perbuatan subversif, menghapuskan keganasan terancang terhadap orang ramai dan harta dalam kawasan di negara kita dan ini adalah satu akta yang penting sekali mempunyai matlamat untuk mencegah suatu tindak laku yang akan memudaratkan kestabilan, ketenteraman negara. Ini adalah yang cukup penting sekali.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** *[Bangun]*

**Dato' Chor Chee Heung:** Biar bagi saya habis dahulu. Tindakan polis baru-baru ini, ya menahan, menangkap ketujuh-tujuh orang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Mengikut siasatan dan risikan polis, tindakan seumpama ini haruslah dilakukan oleh pihak polis selepas satu siasatan dan risikan yang begitu terperinci sekali. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, selama ini kerajaan ataupun pihak polis tidak mengguna pakai peruntukan di bawah ISA dengan sewenang-wenangnya begitu lama. Cuma kita tanya sendiri, berapa orang ahli politik ada dalam kurungan oleh kerana ISA, di bawah ISA? Kita tanya sendiri, tidak ada. Kalau 10 tahun ini, memang apa pun tidak ada dan pemimpin-pemimpin negara kita pernah mengatakan ISA ini bukan untuk pemimpin politik yang tidak bersama pendapat dengan kerajaan.

Sebenarnya peruntukan di bawah ISA, menjaga keselamatan dan ketenteraman negara, kita banyak kurung ramai orang yang memalsukan pasport, yang memalsukan duit dan juga pemimpin-pemimpin agama yang sesat. Inilah semua. Mana ada pemimpin politik. Kali ini, ketujuh-tujuh orang ini ditangkap, ditahan oleh pihak polis oleh kerana polis mempunyai bahan yang mencukupi di mana kalau tindakan itu tidak diambil, maka keselamatan negara kita dan ketenteraman awam akan terjejas.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri, Yang Berhormat.

**Dato' Chor Chee Heung:** Ini adalah satu tanggungjawab yang diletakkan atas bahu pihak Polis Diraja Malaysia. Saya tidak habis lagi, tunggu sat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Nanti, nanti, dia tidak bagi lagi Yang Berhormat.

**Dato' Chor Chee Heung:** Ketujuh-tujuh orang ini ditahan….

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

**Dato' Chor Chee Heung:**….dan kesemuanya adalah penyokong ataupun pemimpin pembangkang cuma adalah satu *coincidence*, dengan izin. Sebagai rekod pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri memang tidak tahu bahawa tindakan polis terhadap ketujuh-tujuh orang ini, apa sebabnya. Ini adalah sebab Polis Diraja Malaysia mempunyai penuh kuasa di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk menjalankan segala tindakan, siasatan dan risikan. Orang yang ditahan harus dikurangkan mengikut peruntukan ini dalam tempoh 60 hari supaya pihak polis dapat melanjutkan siasatan dan jika 60 hari ini memadai, maka mereka ini akan dilepaskan. Jika tidak, barulah permohonan ini akan dikemukakan kepada Kementerian Dalam Negeri supaya Menteri Dalam Negeri akan memberi pertimbangan sama ada ianya akan dilanjutkan lagi.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** *[Bangun]*

**Dato' Chor Chee Heung:** Saya ingat dah lewat dah ni.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, dia tak bagi, Yang Berhormat.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tak payah, tak payahlah. Semua pun beri pendapat, tak payah.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Chor Chee Heung:** Tindakan pihak polis menangkap dan menahan ketujuh-tujuh…

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Dato' Chor Chee Heung:**…orang di bawah ISA ini ….

**Tuan Mohamad bin Sabu:** *[Menyampuk]*

**Dato' Chor Chee Heung:** ….adalah menurut peruntukan-peruntukan undang-undang.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Chor Chee Heung:**…khususnya Seksyen 73…

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, dia tidak bagi. Yang Berhormat, dia tidak bagi.

**Dato' Chor Chee Heung:**…yang membolehkan mana-mana pegawai polis menangkap dan menahan tanpa waran….

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tak bagi.

**Dato' Chor Chee Heung:**…mana-mana orang sebelum selesai siasatan yang berkenaan dengannya sekiranya mempunyai sebab untuk mempercayai dan mengikut laporan *[Terbatuk-batuk]* …Dan siasatan…..

**Seorang Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk Yang Berhormat, duduk, dia tak bagi.

**Dato' Chor Chee Heung:**….yang terperinci yang dijalankan oleh pihak polis memang kita akan merasa sebagai rakyat akan merasa takut dan gerun kalau ….*[Yang Berhormat bagi Titiwangsa memberi gula-gula]* Ok, terima kasih….kalau kita melihat bahan siasatan ini, ketujuh-tujuh orang ini merupakan pemimpin yang akan menganjur demonstrasi-demonstrasi seperti kita sudah tengok, yang lepas-lepas, Yang Berhormat pun terlibat juga dan banyak lagi demonstrasi besar-besaran akan dianjurkan supaya Malaysia ini digambarkan bahawa satu komuniti yang mempunyai masalah huru-hara.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak bagi jalan, Yang Berhormat? Kemaman ini hendak bagi jalan atau tidak, Yang Berhormat?

**Seorang Ahli:** Kucar-kacir.

**Dato' Chor Chee Heung:**…kucar-kacir….

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kemaman ini hendak bagi jalan atau tidak, Yang Berhormat?

**Dato' Chor Chee Heung:**…sebagai rakyat …

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Timbalan Menteri, jawablah dahulu….

**Dato' Chor Chee Heung:**..kita semua tidak…

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Timbalan Menteri…

**Dato' Chor Chee Heung:** Tidak, saya tidak bagi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hah, dia tak bagi, duduklah.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Kalau tak bagi, duduk sahajalah.

**Dato' Chor Chee Heung:** Kita tidak boleh membenarkan perkara ini berlaku di negara kita….

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, dia tak bagi. Tak usah jawab begitulah.

**Dato' Chor Chee Heung:** Kita tanya semua. Pada keseluruhannya semua tidak setuju, semua tidak setuju….

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Pokok Sena hendak bagi jalan atau tidak?

**Dato' Chor Chee Heung:**..dan dengan *rocket launcher*, dengan izin, ….

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, hendak bagi Pokok Sena jalan?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya tak bagi. Saya hendak bagi penjelasan, hendak habislah ni.

**Seorang Ahli:** Dah habis dah.

**Dato' Chor Chee Heung:** Dengan lain ala-alat, senjata api….

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Tak payah lah jawab…

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tak bagi, jangan cakap macam tu, Yang Berhormat.

**Dato' Chor Chee Heung:**….yang dalam *planning* ini *[Disampuk]* memang ada, memang ada.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ada, ada, mana?

**Dato' Chor Chee Heung:** Ada.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ada bawa ke mahkamah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jangan tawar menawar begini,Yang Berhormat.

**Dato' Chor Chee Heung:**Mengikut peruntukan di bawah ISA ini.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Timbalan Menteri kata ada bukti, sekarang…

**Dato' Chor Chee Heung:** Ini adalah satu laporan….

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Takkan minta macam itu.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Kita semua hendak tengok…..

**Dato' Chor Chee Heung:**..laporan siasatan yang agak cukup *top secret*.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk, Yang Berhormat bagi Pokok Sena, duduk.

**Dato' Chor Chee Heung:** Cukup *top secret*.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Kenapa dia tak bawa bukti-bukti ini …..

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kemaman, duduklah.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tak payah kita jawab di sini, tak boleh Yang Berhormat….

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tak mahu jawab di sini, Yang Berhormat duduklah.

**Dato' Chor Chee Heung:** Cuma saya minta Yang Berhormat balik bacalah peruntukan-peruntukan di bawah ISA ini…

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** *[Menyampuk]*

**Dato' Chor Chee Heung:**…. Apa yang dikatakan di bawah ISA…..Tahulah kata sebab apa…..

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Soalnya apa bukti….

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Buatlah ISA banyak-banyak, kami memerintah besok kami tukar.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Tidak ada, lagi terukkk!

*[Beberapa Ahli Pembangkang berbalah dengan Senator Dato' Tengku Adnan bin Tengku Mansor][Dewan riuh]*

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi…

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan, teruskan.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tidak payah kita mempunyai masalah macam ini, kalau kita hendak marah memarahi, susahlah ini.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tan Seng Giaw ini pun penjenayah dahulu, ISA….

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasihlah Yang Berhormat, ini adalah beberapa perkara yang saya ingin memberi penjelasan.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tak apalah, gunalah, ikut sukalah….

**Dato' Chor Chee Heung:** Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya. *[Tepuk]*

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** RM40 juta pun sudah kelabu mata dah…

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah….

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Gunalah dulu ISA, tangkap habis pembangkang …..lepas tu esok bila Mahathir naik, kami tak…..

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** RM249,639,000…

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Hei, RM40 juta, RM40 juta pun jadi gaduh, dah gelap mata dah….

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

*[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** …untuk Kepala B.35 dan B.36….

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Pondan, pondan. Pemimpin UMNO ….

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**…Anggaran Perbelanjaan Mengurus tambahan ketiga….

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Pondan…

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Hoooi *[Menjerit]*

*[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** 2000 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

*[Ketika Tuan Pengerusi mengemukakan Masalah beberapa Ahli Yang Berhormat berbalah sesama sendiri][Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM13,355,700 untuk Maksud

B.35; dan RM236,283,300 untuk Maksud B.36 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM13,355,700 untuk Maksud B.35; dan RM236,283,300 untuk Maksud B.36 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM20 untuk Maksud P.35; RM4,461,120 untuk Maksud P.37; dan RM20 untuk Maksud P.40 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 2000 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM20 untuk Maksud P.35; RM4,461,120 untuk Maksud P.37; dan RM20 untuk Maksud P.40 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 2000.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya sekarang ini pakai baca sahaja sebab nampaknya apa yang kita cakap semua tidak hendak mengikut dah…*[Ketawa]*

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Gunalah ISA itu…

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Maksud B.42 [Jadual Pertama] -**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Kami ini menyampah…

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kepala Bekalan B.42 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat terbuka untuk dibahas.

*[Tiada Ahli Yang Berhormat yang bangun]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM500,000 untuk Maksud B.42 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujukan.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Eh….

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dah saya suruh berbahas, tak ada sesiapa yang berdiri.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Tidak dengar, tak dengar tadi. Saya pun begitu juga. Saya hendak minta…

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih….

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Lepas ini Menteri menjawab.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** ….kerana membenarkan saya untuk membahaskan Maksud B.42 Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat yang mana dalam notanya menyebut tambahan sebanyak RM500,000 adalah dikehendaki untuk menampung keperluan wang ihsan dan sebagainya untuk Terengganu.

Kes wang ihsan ini adalah kes mahkamah, Tuan Pengerusi. Apabila kami hendak membicarakan wang ihsan ataupun royalti, maka kami ditahan daripada bercakap kerana katanya ini dalam mahkamah. Jadi, boleh atau tidak saya tarik perhatian Tuan Pengerusi bahawa sebenarnya Maksud B.42 yang menyentuh wang ihsan ini tidak sepatutnya dibawa ke Parlimen kerana ia adalah bercanggah dengan peraturan tetap mesyuarat *[Tepuk]* dan berkaitan dengan kes yang sedang dibicarakan dalam mahkamah. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Menteri sila jawab.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' S. Veerasingam]:** Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan apa yang telah disebutkan oleh Tumpat tadi, wang ini telah diberi kepada orang-orang miskin di Terengganu semasa Hari Raya dahulu sebanyak RM500,000. Itu kita telah minta daripada – kementerian telah memohon supaya kerajaan kembalikan wang itu kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Terima kasih

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM500,000 untuk Maksud B.42 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM500,000 untuk Maksud B.42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

**Maksud B.46 [Jadual Pertama] -**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.46 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar terbuka untuk dibahas. Ya, Sipitang.

**5.46 ptg.**

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Pendek sahaja, sebanyak RM20 juta untuk Universiti Sains dan Teknologi. Ini masalah hasil kajian daripada universiti yang perlu kita gunakan untuk diguna pakai di seluruh negara. Adalah diharapkan dengan peruntukan yang sebegini, kita berharap universiti yang diberi tanggungjawab untuk membuat kajian terutama sekali mengenai dengan alam sekitar dan khususnya dari segi pengurusan sungai-sungai kerana di Malaysia ini kita melihat tidak ada satu kaedah standard, bagaimana sungai ini patut dijaga, ini juga bergantung kepada negeri-negeri, kalau kita ada satu *standard design*, dengan izin, yang diusulkan ataupun yang dicadangkan oleh pihak pengkaji, misalnya daripada universiti dan ini kita selaraskan di seluruh negara dan inilah prosedur ataupun tatacara sungai itu diuruskan.

Misalnya sebuah sungai itu tidak boleh ditumbang pokok di sepanjang sungai tersebut, berapa jaraknya tetapi yang kita lihat ada setengah negeri, ada setengah kerajaan tempatan bahawa sungai ini botak sahaja, tidak ada pokok di tebing sungai, tetapi ada pula setengah negeri yang mengatakan bahawa mesti ada beberapa zone, dengan izin, sekitar tiga rantai ataupun 100 meter, ada pula yang mengatakan sekitar 500 meter ataupun satu kilometer. Jadi, ini perlu.

Jadi, saya berharap satu standard untuk mengurus sungai ini kerana sungai ini penting dan inilah juga punca keindahan negara kita dan juga punca pelancongan serta pendapatan penduduk kampung. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Kepong, selepas ini Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**5.48 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, walaupun ada satu ayat mengenai tambahan sebanyak RM20 juta dikehendaki untuk membiayai bantuan kewangan kepada Malaysian University of Science and Technology, saya tidak faham apa maksudnya kerana terlalu pendeklah sekurang-kurangnya memberilah satu, dua perenggan yang menerangkan apakah RM20 juta ini untuk siapa dan untuk projek apa dan sebagainya.

Dan macam mana kita boleh mengambil bahagian di dalam perbahasan kalau tidak ada butiran, sekurang-kurangnya pihak kementerian mestilah mengubahkan sikap dan di dalam dunia globalisasi ini, dunia Internet ini patutlah kita beri maklumat yang lebih untuk hal ini dan saya tidak tahu apakah hendak bahas di sini, hendak bahas Malaysian ataupun University of Science dan Technology, itu masalahnya. Adakah ini bermakna kita sudah ada University of Science and Technology.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada Timbalan Menteri, tolong jelaskan yang Kepong tidak faham ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ha, itu lebih baik.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada, tolong jelaskan, apa maksud.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Apa maksudnya.

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Sudah habiskah Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak habis lagi, hendak tahu apa maksudnya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia hendak tanya apa maksudnya.

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Saya jelaskan kemudian.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tolong jelaskan apa maksudnya, baru dia hendak bercakap.

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Tuan Pengerusi, peruntukan RM20 juta ini adalah untuk bantuan atau pemberian kepada The Malaysian University of Science and Technology.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, itu dia maksudnya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Itu untuk membina kampuskah, kampus ataupun membeli alat-alat

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Itu Yang Berhormat boleh bertanya, nanti dia akan jawab.

**Dato’ Zainal bin Dahalan:** Itu boleh bertanya dan saya akan jelaskan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Apa maksudnya, Yang Berhormat tanyalah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, biasanya bila kita membina sebuah universiti mengambil wang yang banyak RM20 juta itu tidak mencukupi, walaupun bekalan tambahan, mungkin RM500 juta ataupun RM1 bilion untuk membina sebuah universiti dan apakah jenis universiti yang dimaksudkan ini.

Tuan Pengerusi, saya percayalah dengan secara ringkas kerana kita hendak kembali, saya tidak bantah kalau kita hendak adakan universiti, ini baik kerana kita ada 15 sekarang, kalau tambah bagi saya kita memerlukan sekurang-kurangnya 35 universiti kerana kita hendak jadi negara yang termaju, Wawasan 2020 bermakna kita memerlukan sekurang-kurangnya 35 universiti bertaraf antarabangsa.

Dengan adanya Malaysian University of Science and Technology, saya berharaplah universiti ini akan mencapai satu tahap misalnya Massachusetts Institute of Technology (MIT) misalnya yang terkemuka di dunia. Kalau University of Science and Technology kita boleh mencapai tahap itu di dalam tempoh 20 tahun, itulah memang satu wawasan yang baik bagi universiti ini dan selain dari itu, saya pun tak tahu, adakah ini bermakna hanya tersekat kepada sains dan teknologi dan lain-lain kursus tidak ada, kerana biasanya di dalam sesuatu universiti kita mestilah adakan pelbagai kursus, pelbagai fakulti, sebagai *mixed university*, dia kata *mixed* – campuran. Campuran itu biasa itu baik.

Kalau kita mengikut tradisi Rusia, Rusia itu dia ada Technology University, ia ada Engineering University dan sebagainya. Itu kursus kepada satu bidang sahaja, tetapi bagi sayalah ini tidak betul, kita mesti adakan universiti campuran, *mixed university* dengan fakulti-fakulti di hampir semua bidang termasuk sains dan teknologi untuk menjadikan sebuah universiti yang lebih cemerlang. Ini memang satu perkara yang penting, saya berharap Yang Berhormat dapat menjawab.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**5.51 ptg.**

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Terima kasih juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Sipitang dan Kepong yang telah menyentuh sedikit sebanyak dalam perbincangan atau perbahasan mengenai tajuk di bawah B.46 iaitu peruntukan sebanyak RM20 juta di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebagai latar belakang, suka saya menyebutkan di sini bahawa pada tahun 1997 Kementerian Pendidikan telah mempelawa Yayasan Malaysia University of Science and Technology (IHSAN) untuk menubuhkan sebuah universiti swasta. Tujuan penubuhannya ialah untuk menghasilkan jurutera dan saintis di tahap dunia dan berkelayakan dalam bidang sains dan teknologi terkini.

Pada tahun 1999 satu kertas memorandum bersama jemaah menteri daripada Menteri Pendidikan dan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 25 Ogos 1999 dan jemaah menteri telah bersetuju untuk memberi bantuan kewangan sebanyak RM20 juta setahun bagi tempoh lima tahun kepada Malaysian University of Science and Technology dari Tabung Pembangunan Sumber Manusia dalam bidang sains dan teknologi.

Satu perjanjian bagi menentukan kaedah pemberian bantuan kewangan dari kerajaan kepada ringkasnya MUST, m-u-s-t, telah ditandatangani antara Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mewakili Kerajaan Malaysia dengan pihak universiti pada 22 Disember 2000 dan bantuan kewangan yang pertama sebanyak RM20 juta kepada MUST telah diserahkan pada 2 Januari 2001.

Bantuan kewangan kepada MUST adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah dipersetujui oleh jemaah menteri. Di antaranya ialah MUST mesti memperuntukkan tempat pengajian dan kemudahan *(research and development),* dengan izin, yang sama nilai kepada pegawai-pegawai kerajaan yang menuntut di MUST. Bantuan ini tidak boleh digunakan bagi membiayai kos perkhidmatan dan pembangunan R&D itu sendiri.

Dan MUST dikehendaki menganjurkan latihan jangka pendek untuk membolehkan pegawai kerajaan dari institusi dan agensi yang berkaitan mendapat manfaat daripada tunjuk ajar pakar luar negara yang terlibat di MUST tanpa dikenakan sebarang bayaran.

Buat masa ini MUST mendapat bantuan dan kerjasama daripada Massasuchets Institute of Technology, USA bagi menyediakan kurikulum akademik mengawal kualiti pengajaran dan penyelidikan dan menyediakan bantuan teknikal lain untuk penubuhan MUST.

MUST masih lagi buat masa ini menggunakan sebahagian tapak bangunan di Fakulti Kejuruteraan UPM di Serdang sebagai kampus sementara. Dan satu tapak sedang dikenal pasti untuk penubuhan tetap kampus MUST.

Di bidang pengajian MUST bercadang untuk menyediakan kursus-kursus pengajian di peringkat pasca siswazah iaitu sarjana dan Ph.D dalam beberapa sains dan kejuruteraan. Pada peringkat awal tawaran hanya dibuat bagi pengajian peringkat sarjana dan akan dimulakan pada bulan November 2001. Dengan pengambilan seramai lebih 50 orang penuntut bagi kursus *Masters of Science in Transportation and Logistic*.

Seterusnya *Masters of Science in Information Technology and Multimedia* dan *Masters of Science in System Engineering in Design* dengan izin, mulai bulan Julai 2002. Masing-masing seramai 100 orang dan 50 orang bagi kedua-dua jenis pengajian tersebut.

Penuntut-penuntut pasca siswazah yang ditaja oleh kerajaan akan dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan termasuk yuran pengajian, yuran peperiksaan dan elaun sara hidup dan jumlah kos yang terlibat ini akan ditolak dari bantuan kewangan RM20 juta yang telah diserahkan oleh kerajaan kepada MAS.

Satu Jawatankuasa Teknikal Penganjuran Pelajar ke MAS akan ditubuhkan di Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk memantau penghantaran pelajar tajaan kerajaan ke MAS dan juga untuk memantau pencapaian atau kemajuan pembelajaran mereka.

Mengenai pandangan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat bagi Sipitang, bidang kursus buat masa ini adalah tertumpu kepada bidang yang saya sebutkan*, transportation, logistic, information technology* dan multimedia dan *system engineering* dan *design.*

Perkara-perkara yang berkaitan dengan masalah pembersihan sungai dan sebagainya akan diambil kira kemudian.

Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM20,000,000 untuk Maksud

B.46 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM20,000,000 untuk Maksud B.46 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

**Maksud P.47 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 2000] –**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kepala Pembangunan P.47 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas.

*[Tiada Perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM217,040,910 untuk Maksud P.47 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 2000 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM217,040,910 untuk Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 2000.

**Maksud P. 48 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 2000] -**
**Maksud P. 48 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2001] –**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala P.48 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar terbuka untuk dibahas. Ya.

**5.58 ptg.**

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi …

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Pokok Sena.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** … tidak banyak, cuma saya hendak sentuh tentang P.48 ini Kementerian Pembangunan Luar Bandar, iaitu khusus untuk sejumlah wang berjumlah RM7 juta bagi Program Penempatan Semula Baru Empangan Beris yang saya difahamkan penempatan semula itu bukan penempatan empangan, tetapi penempatan penduduk-penduduk yang tanah mereka diambil daripada Sungai Batang dan dipindah ke Kampung Baru Sungai Pauh.

Apa yang saya saya hendak dapat penjelasan ialah ada dua kumpulan/kelompok masyarakat yang akan ditempatkan di Kampung Baru Sungai Pauh. Pertamanya, iaitu penduduk daripada Sungai Batang tempat Empangan Beris. Yang keduanya ialah penduduk yang telah pun menduduki Kampung Baru Sungai Pauh itu lebih kurang lima ataupun enam tahun yang lalu, iaitu mereka ini daripada Kampung Taget, Kampung Sungai Limau Nipis, Kampung Cemara yang mereka dipindahkan daripada kampung yang saya sebutkan tadi. Mereka sudah duduk 30 tahun di kampung tersebut, meneroka tanah dan sebagainya, mereka dipindahkan ke kampung tersebut tanpa apa-apa bayaran pampasan. Jadi, dipindah ke Kampung Baru Sungai Pauh.

Kemudian, apabila kerajaan hendak menjadikan Kampung Baru Sungai Pauh ini mereka sekali lagi diarah pindah ke rumah panjang pun tanpa diberikan apa-apa pampasan hasil daripada usaha-usaha yang mereka lakukan dari segi tanaman dan sebagainya. Walaupun pihak kerajaan daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah kalau tidak silap ingatan saya menjanjikan bahawa mereka ini akan dibayar sejumlah lebih kurang RM12,000 kepada 60 keluarga - satu keluarga ini RM12,000, tetapi tidak ada hitam-putih dan sampai sekarang masih belum lagi diberikan bayaran kepada mereka.

Jadi, mereka ini dipindahkan dan mereka dijanjikan bahawa mereka juga ditempatkan di Kampung Baru Sungai Pauh iaitu penempatan semula ini, tetapi janji tanpa hitam-putih, tanpa ada satu surat hitam-putih dan mereka mengadu kepada saya bahawa ini suatu yang meragukan. Mereka mengadu kepada wakil Parlimen bagi Sik dan wakil bagi Sik minta saya sampaikan kerana beliau tidak dapat hadir bahawa mereka ragu sama ada apakah *sure* bahawa mereka ini akan kembali ditempatkan di Kampung Baru Sungai Pauh.

Begitu juga dengan penduduk-penduduk daripada Sungai Batang yang tanah mereka diambil untuk pembinaan Empangan Beris. Mereka tidak diberikan janji hitam-putih bahawa mereka pasti akan dipindah ke Kampung Baru Sungai Pauh. Mereka hanya disebut bahawa mereka akan dipindahkan ke Kampung Baru Sungai Pauh untuk diberikan penempatan semula.

Jadi, ini yang saya hendak dapatkan satu penjelasan kerana saya bimbang bahawa apa yang saya difahamkan penduduk-penduduk di Sungai Batang yang tanah mereka diambil, sebahagiannya ada yang dapat RM1 juta dan sebagainya. Oleh kerana kita tidak memberikan pendidikan bagaimana mereka hendak

menguruskan wang yang begitu banyak sehingga menyebabkan di kalangan mereka ini ramai yang joli.

Saya difahamkan sebahagiannya duit mereka telah habis. Ada yang pergi berseronok, suka dan sebagainya, ada yang membeli kereta. Saya difahamkan satu kajian dibuat oleh rakan saya, dalam jarak 10 batu di Kampung Sungai Batang tempat kerajaan ambil tanah mereka itu, dalam jarak 10 batu ada 350 buah kereta/kenderaan di setiap rumah itu. Maknanya bukan satu rumah ada 350 buah kereta. Jarak 10 batu sahaja jumlah kereta yang dimiliki oleh penduduk di situ 350 buah.

Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada mereka ini telah menggunakan wang itu untuk membelikan sebuah rumah dan memiliki dua atau tiga buah kereta yang saya bimbang bahawa tidak memberikan banyak faedah kepada penduduk akibat daripada tidak ada bagaimana cara mereka hendak menguruskan wang tersebut. Jadi, saya bimbang nanti apabila mereka tidak ada janji hitam-putih yang mereka akan dipindahkan, akan ditempatkan di Kampung Baru Sungai Pauh ini dan duit mereka telah habis, ini akan merugikan kepada masa depan mereka itu sendiri.

Akhirnya sekali ialah saya difahamkan bahawa rumah yang akan dibina kepada mereka ini nilainya lebih kurang RM40,000 sebuah. Pada awal dahulunya pihak kerajaan menjanjikan bahawa setiap kontraktor kelas F ini akan diberikan satu kontrak itu lima buah untuk membina tetapi tidak ada hitam-putih.
Akhirnya, satu main kontraktor telah diberikan iaitu Tran Resources Sdn. Bhd. kalau tidak silap saya namanya diberikan. Oleh sebab itu saya hendak pastikan, saya hendak minta penjelasan daripada pihak kementerian apakah pihak kementerian telah mengarahkan supaya pihak main kontraktor ini memastikan kontrak kelas F akan diberikan seperti mana yang dijanjikan oleh pihak kerajaan sebelum ini iaitu supaya setiap kontraktor kelas F ini akan dapat membina lima buah rumah. Sekian.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya minta kementerian menjawab.

**6.03 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Mengenai Empangan Beris – terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Pokok Sena, banyak

daripada yang saya dengar tadi itu banyak fakta yang salah Yang Berhormat. Jadi, eloklah saya memberitahu fakta-fakta yang sebenar. *[Tepuk]*

Jadi, mengenai Empangan Beris iaitu pembinaan Empangan Beris merupakan satu projek yang telah diluluskan di bawah pinjaman Kerajaan Jepun melalui *Overseas Economic Corporation (OECF)* yang disalurkan melalui Jabatan Saliran dan Pengairan melalui Kementerian Pertanian.

Pembinaan empangan ini apabila disiapkan akan menenggelamkan sebahagian penempatan yang sedia ada seperti Yang Berhormat tahu. Fakta-fakta mengenai Empangan Beris adalah seperti berikut, seperti Yang Berhormat tadi telah katakan iaitu, pertama, nilai kontraknya adalah menelan belanja dalam RM70 juta, tempoh siapnya insya-Allah, pada bulan Mei 2003 dan seperti Yang Berhormat katakan tadi 600 keluarga dari empat buah kampung telah dikenal pasti iaitu mereka daripada Kampung Sungai Batang, Kampung Batu Seketul, Kampung Bernas dan Kampung Caruk Bakung.

Jadi, skop projek ini adalah membina 600 buah rumah iaitu rumah asas atau kita panggilkan dengan izin, *detached core houses* bermakna rumah induk, nanti dia boleh perbesarkan. Kerja tanah dan membersih kawasan adalah seluas 300 ekar dan termasuk membina jalan masuk dari jalan negeri di kilometer 10 Kampung Sungai Pauh ke Rancangan Penempatan Semula dengan jalan yang berbentuk R3. R3 adalah jalan yang 20 kaki lebar, bermakna jalan besar.

Selepas itu, dibuat juga jalan dalaman, ini infrastruktur dibekalkan siap dengan sistem saliran dan bekalan air dan akan dibina juga bangunan untuk kesejahteraan penduduk seperti masjid, sekolah, balai polis, klinik kesihatan, dewan orang ramai, kedai, stesen bas dan teksi, kemudahan sukan dan riadah.

Jadi, Yang Berhormat, saya sampai ke cerita pampasan. Sebenarnya Yang Berhormat yang penduduk tetap ada dua jenis yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, semua mereka telah diambil kira. Jadi, Yang Berhormat katakan yang duduk berpuluh tahun itu sebenarnya mereka juga akan ditempatkan di tempat yang sama dan sebenarnya mereka ini ada pampasan telah dibayarkan bagi 14 buah keluarga ini iaitu RM20 ribu sekeluarga.

Selepas itu Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat katakan bahawa mereka ini tidak diberi didikan, dapat duit begitu banyak. Sebenarnya Yang Berhormat, 5 tahun mereka ini akan diberi didikan dan 5 tahun akan datang mereka ini akan diberi pemantauan. Pemantauan ini termasuk kursus perubahan minda daripada KEDA,

lepas itu peluang-peluang pekerjaan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kelas 'F' tadi, semua ini akan disalurkan melalui Koperasi Pembangunan Sungai Pau, jadi mereka inilah yang akan menentukan mereka-mereka yang layak, yang boleh diagihkan kontrak-kontrak. Bermakna, Yang Berhormat, semua yang disebut Yang Berhormat tadi telah diambil kira oleh kerajaan.

Dan, sebenarnya Yang Berhormat, pada masa sekarang ini, *core house* tadi, seperti Yang Berhormat katakan memang betul. Sebiji rumah itu dalam nilai RM45 ribu termasuk semua utiliti dalam rumah itu, bekalan elektrik dengan bekalan air dan tanah tempat rumah ini adalah 10,000 kaki persegi besarnya.

Jadi, Yang Berhormat sebenarnya, segala-gala telah diambil kira, bahkan Yang Berhormat, kerajaan pergi lagi selangkah lebih daripada itu. Pada masa sekarang, ini Yang Berhormat tidak sebut tadi, saya dok tunggu juga, isu yang timbul pada masa sekarang ini Yang Berhormat adalah mengenai pemindahan kubur.

Orang sudah selesai sudah, insya-Allah, tetapi sekarang ini pemindahan kubur di 4 buah kampung yang akan tenggelam apabila Projek Empangan Beris ini siap. Sebanyak 4,000 buah kubur akan terlibat dan mengikut fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kerajaan Negeri Kedah, kubur-kubur ini wajib dipindahkan ke tapak baru. Dan, insya-Allah, Yang Berhormat, setakat ini perkara ini dalam perbincangan bersama kerajaan negeri dan dalam masa ini ianya telah dilaksanakan.

Terima kasih, Tuan Pengerusi. *[Tepuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM84,900,000 untuk Maksud P.48 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 2000; dan RM200,000,000 untuk Maksud P.48 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2001 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM84,900,000 untuk Maksud P.48 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 2000; dan RM200,000,000 untuk Maksud P.48 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2001.

**Maksud B.51 [Jadual Pertama] –**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kepala Bekalan B.51 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas. Ya. Kepong.

**6.08 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, pada prinsipnya sesuatu maksud terutamanya lebih RM1.7 juta mesti kita bahas walaupun telah digunakan. Dan, di sinilah saya hendak bertanya Yang Berhormat, saya tahu di Mozambique ada banjir, di Indonesia – Sumatera dan Maluku, itu letupan gunung berapi tetapi Ghana saya tidak tahu di sini, apakah itu di Ghana. Dan, di Thailand itu banjir kalau tidak silap saya. Bolehkah Yang Berhormat, terangkan di dalam bencana ini apakah dasar kerajaan dan siapakah yang menentukan jumlah wang yang kita beri kepada sesuatu negara di dalam mereka menghadapi bencana tersebut.

Dan, saya bersetujulah kita di dalam Malaysia, kita mesti menunjukkan belas kasihan walaupun kita negara yang kecil dan kadangkala pemberian pun sedikit sahaja tetapi *gesture* ataupun tanda belas kasihan memang baik. Itulah sahaja, dan ini pada prinsipnya kita mesti membahaskan kerana kita menggunakan wang lebih RM1.7 juta. Sekian, terima kasih

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila, Menteri menjawab.

**Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kepong berkenaan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Di Ghana banjir dan di Thailand pun banjir juga. Dan, dari segi asas jumlah untuk kita menentukan berapa banyak patut kita memberi bantuan, ia bergantung kepada laporan setempat. Bermakna daripada kedutaan ataupun permintaan daripada kerajaan yang terlibat, daripada itu kita menimbangkan mengikut kemampuan kita pada sesuatu ketika dan menetapkan jumlah itu. Oleh itu, ia bukan bertujuan untuk menampung keseluruhan ….

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, kalau malapetaka di Gujarat, baru-baru ini – gempa buminya, apakah jumlah sumbangan?

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** *[Ketawa]* Yang Berhormat, saya tidak ada angkanya tetapi yang saya ingat ialah daripada kerajaan – ini tertakluk kepada pembetulan, yang saya ingat ialah dalam USD100 ribu yang kita beri dan kita juga menggalakkan rakyat kita mengumpul derma untuk dihantar ke rakyat Gujarat – gempa bumi, yang menimpa mereka baru-baru ini.

Jadi, setiap tindakan yang kita ambil adalah berasaskan kepada keperluan, berasaskan kepada permintaan kadang-kadang dan kita menganggap bahawa kita perlu memberi bantuan. Itu sahaja, Tuan Pengerusi dan saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat di atas persoalan tersebut.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,749,600 untuk Maksud B.51 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM1,749,600 untuk Maksud B.51 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

**Fasal 1 hingga 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak tiga bilion empat ratus dua puluh lima juta tujuh ratus tujuh puluh enam ribu lima ratus empat puluh tujuh ringgit (RM3,425,776,547) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan seperti berikut:-

(a) bagi tahun kewangan 2000, untuk menampung sejumlah satu bilion lima ratus dua belas juta enam ratus lima puluh tiga ribu sembilan ratus lapan puluh tujuh ringgit (RM1,512,653,987) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga, 2000 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 8 Tahun 2001 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut;

(b) bagi tahun kewangan 2001, untuk menampung sejumlah satu bilion sembilan ratus tiga belas juta satu ratus dua puluh dua ribu lima ratus enam puluh ringgit (RM1,913,122,560) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2001 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 2001 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut,

hendaklah disahkan.

***Majlis Mesyuarat bersidang semula***

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] ***mempengerusikan Mesyuarat]***

**Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2000 dan 2001) 2001 telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah disetujukan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**USUL**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbangkan Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak tiga bilion empat ratus dua puluh lima juta tujuh ratus tujuh puluh enam ribu lima ratus empat puluh tujuh ringgit (RM3,425,776,547) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan seperti berikut:-

(a) bagi tahun kewangan 2000, untuk menampung sejumlah satu bilion lima ratus dua belas juta enam ratus lima puluh tiga ribu sembilan ratus lapan puluh tujuh ringgit (RM1,512,653,987) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga, 2000 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 8 Tahun 2001 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut;

(b) bagi tahun kewangan 2001, untuk menampung sejumlah satu bilion sembilan ratus tiga belas juta satu ratus dua puluh dua ribu lima ratus enam puluh ringgit (RM1,913,122,560) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2001 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 2001 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut,

hendaklah disetujukan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul seperti mana yang dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak tiga bilion empat ratus dua puluh lima juta tujuh ratus tujuh puluh enam ribu lima ratus empat puluh tujuh ringgit (RM3,425,776,547) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan seperti berikut:-

(a) bagi tahun kewangan 2000, untuk menampung sejumlah satu bilion lima ratus dua belas juta enam ratus lima puluh tiga ribu sembilan ratus lapan puluh tujuh ringgit (RM1,512,653,987) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga, 2000 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 8 Tahun 2001 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut;

(b) bagi tahun kewangan 2001, untuk menampung sejumlah satu bilion sembilan ratus tiga belas juta satu ratus dua puluh dua ribu lima ratus enam puluh ringgit (RM1,913,122,560) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2001 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 2001 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut,

hendaklah disahkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan kita ditangguhkan hingga pada hari Isnin, minggu hadapan.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 6.18 petang.***

Mac 2001

## AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

" Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

" Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

" Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

" Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

" Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

" Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

" Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

" Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

" Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

" Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

| | |
|---|---|
| “ | Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri) |
| " | Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar) |
| Yang Berhormat | Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan) |
| “ | Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) |
| “ | Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar) |
| “ | Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian) |
| “ | Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh) |
| “ | Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) |
| “ | Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara) |
| “ | Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu) |
| “ | Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu) |
| “ | Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang) |
| “ | Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai) |
| “ | Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran) |
| “ | Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai) |
| “ | Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol) |
| “ | Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) |
| “ | Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa) |
| “ | Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri) |

| | |
|---|---|
| “ | Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping) |
| “ | Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) |
| Yang Berhormat | Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat) |
| " | Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna) |
| “ | Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong) |
| “ | Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) |
| “ | Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar) |
| “ | Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) |
| “ | Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) |
| “ | Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya) |
| “ | Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato’ Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak) |
| “ | Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) |
| “ | Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam) |
| “ | Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) |
| “ | Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) |
| “ | Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru) |
| “ | Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort) |

“ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)

“ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki ana k Lafe (Mas Gading)

" Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)

“ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)

" Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)

“ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)

Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)

“ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)

“ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)

“ Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)

“ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)

“ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)

“ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)

“ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

“ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)

“ Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)

“ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)

“ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)

“ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)

“ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)

“ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)

“ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

“ Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)

“ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)

“ Tuan Bung Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)

“ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)

“ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)

“ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)

“ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)

" Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)

“ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)

" Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)

Yang Berhormat Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)

Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)

Dato Goh Siow Huat (Rasah)

“ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)

“ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)

“ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)

“ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)

“ Dato’ Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)

“ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)

“ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)

“ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)

“ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)

“ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)

“ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)

“ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)

“ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)

“ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)

“ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)

“ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)

“ Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)

“ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)

“ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)

“ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)

“ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)

“ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)

“ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)

“ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)

" Tuan Lim Hock Seng (Bagan)

" Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)

“ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

Yang Berhormat Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)

" uan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)

" Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)

“ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)

“ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)

“ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)

“ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)

“ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)

“ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)

“ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)

“ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)

“ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)

“ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)

“ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)

“ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)

“ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)

“ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)

“ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)

“ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)

“ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)

“ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)

| | |
|---|---|
| “ | Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah) |
| “ | Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan) |
| “ | Tuan Ng Lip Yong (Batu) |
| “ | Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar) |
| " | Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok) |
| “ | Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang) |
| “ | Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar) |
| Yang Berhormat | Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam) |
| " | Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu) |
| “ | Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) |
| “ | Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian) |
| “ | Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu) |
| “ | Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran) |
| “ | Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong) |
| “ | Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah) |
| “ | Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang) |
| “ | Dato’ Shahnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik) |
| “ | Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) |
| “ | Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau) |
| “ | Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat) |
| “ | Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching) |
| “ | Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan) |
| “ | Puan Sukinam Domo (Batang Sadong) |
| “ | Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya) |
| “ | Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu) |
| “ | Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling) |
| “ | Tuan Tan Kok Wai (Cheras) |
| “ | Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) |
| “ | Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang) |

| | |
|---|---|
| “ | Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) |
| “ | Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur) |
| “ | Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng) |
| “ | Dato’ Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu) |
| " | Dato’ Tiong Thai King, (Lanang) |
| " | Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh) |
| “ | Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar) |
| “ | Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok) |
| Yang Berhormat | Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran) |
| " | Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang) |
| “ | Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru) |
| “ | Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya) |
| “ | Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang) |
| “ | Dato' Seri Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak) |
| “ | Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap) |
| “ | Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju) |

**MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

| | |
|---|---|
| “ | Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N. |
| “ | Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M. |
| “ | Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia |
| “ | Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M. |
| “ | Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S. |
| " | Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N. |

" Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.

" Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

# DEWAN RAKYAT

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

**Setiausaha Dewan Rakyat**

**Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan**

**Ketua Penolong Setiausaha**
Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Salamat
Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha**
Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

## JURUBAHASA SERENTAK
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Paizah binti Sallehudin

## BENTARA MESYUARAT
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
**Monarita binti Mohd. Hassan**

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
*Nurziana binti Ismail*
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER**
Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**
Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

## PARLIMEN KESEPULUH

## PENGGAL KETIGA

### MESYUARAT PERTAMA

**Jilid III** **Bil. 18** **Khamis** **19 April 2001**

## K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI**
**PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2000 dan 2001) 2001

**<u>Jawatankuasa:-</u>**

**Jadual:-**

Maksud B.23 dan B. 24 (Halaman 30)
Maksud B.26 (Halaman 43)
Maksud B.28 hingga B.31 (Halaman 68)
Maksud B.35 dan B.36 (Halaman 115)
Maksud B.42 (Halaman 142)
Maksud B.46 (Halaman 144)
Maksud B.51 (Halaman 154)

**USUL-USUL:**

Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 2000 dan
Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2001

**Jawatankuasa:-**

Maksud P.22 (Halaman 30)
Maksud P.26 (Halaman 43)
Maksud P.28 (Halaman 68)
Maksud P.33 (Halaman 101)
Maksud P.34 (Halaman 101)
Maksud P.35, P.37 dan P.40 (Halaman 115)
Maksud P.47 (Halaman 149)
Maksud P.48 (Halaman 149)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 115)